



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 01 NOVEMBER 2016 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohd Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

Pelapor Perbincangan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada 01 November 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Selamat pagi semua. Baiklah, saya jemput Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, Soalan No. 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
 - a) Sila huraikan perkembangan terkini industri pelancongan di Selangor?
 - b) Sila nyatakan apakah implikasi kelembapan ekonomi global terhadap perkembangan industri pelancongan?
 - c) Sila kemukakan apakah perancangan promosi industri pelancongan bagi 5 tahun akan datang?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Perkembangan terkini industri pelancongan sehingga bulan Oktober 2016 di Negeri Selangor adalah seperti berikut :

1. Kempen Promosi Pelancongan – Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor telah menganjurkan kempen promosi pelancongan bermula pada tahun 2016 iaitu kempen '*Discover Selangor*' dan memperkenalkan slogan terbaharu iaitu, '*Heart of Malaysia*'.

2. Jumlah kedatangan pelancong sehingga bulan Jun 2016 ke Negeri Selangor adalah 660,081 orang pelancong dalam dan luar negara. Hal ini menunjukkan peningkatan sebanyak 27.9% berbanding dengan bulan Jun 2014 yang menerima jumlah pelancong sebanyak 516,001 orang. Negara-negara teratas yang datang melancong ke Negeri Selangor adalah satu, Singapura, dua, Indonesia, tiga, Negara China, empat, India, dan lima, Thailand.

3. *Trend* Segmen Pelancongan sepanjang tahun 2016 yang terkini terdapat beberapa tema iaitu satu, Pelancongan Eko dan Alam Semula jadi, dua, Pelancongan Perniagaan ataupun (*M.I.C.E : Meeting Incentive, Conference & Exhibition*), tiga, Pelancongan Kesihatan ataupun *Medical Tourism*, empat, Pelancongan Taman Tema dan lima, Pelancongan *Agro & Homestay*. Soalan Yang Berhormat Sekinchan berkenaan tentang kelembapan ekonomi dan kesan terhadap perkembangan industri pelancongan, memang betul ia memberi kesan terhadap industri pelancongan dan hospitaliti di seluruh dunia. Antara implikasi kelembapan ekonomi global terhadap sektor pelancongan adalah seperti berikut:
 - i) Krisis kewangan yang datang dari negara-negara maju ataupun *develop countries* akan memberi impak besar kepada negara-negara membangun (*developing countries*). Krisis ini datang daripada pelbagai isu seperti kekurangan kewangan, khasnya, untuk pelancong-pelancong daripada negara-negara maju untuk datang ke Asia Tenggara, sebagai contohnya, untuk melancong. Jadi hal ini menyebabkan kedatangan dan juga pergerakan pelancong-pelancong antarabangsa menurun.

 - ii) Perniagaan yang berteraskan pelancongan seperti hotel yang menerima impak yang paling besar daripada segi penjualan bilik dan juga pakej M.I.C.E dalam tempoh ini. Ia ada kesan yang besar jadi hotel yang berkonsepkan percutian seperti *resort* yang bergantung pada pasaran yang besar seperti Eropah, China, Amerika dan Australia akan kehilangan pelanggan oleh sebab pengurangan perbelanjaan dan juga pengurangan tempoh menginap semasa melancong. Ia menyebabkan hotel dan *resort* ini sukar memperoleh pendapatan untuk bertahan lama di dalam industri.

Juga yang dapat kesan yang negatif adalah syarikat penerbangan dan juga agensi-agensi pelancongan, operator pelancongan dan sebagainya. Maka pelan strategik promosi pelancongan *Tourism Selangor* dari tahun 2016 – 2020 iaitu 5 tahun yang akan datang ini adalah satu penjenamaan kempen seperti yang saya telah sebut pada awal jawapan ini, kita telah memperkenalkan slogan yang terbaru, *Discover Selangor, Heart of Malaysia* yang merupakan kempen peningkatan kesedaran dan juga permintaan didalam pasaran utama bidang pelancongan seterusnya meletakkan

aras yang jelas untuk memberi produk pelancongan yang berkualiti serta servis yang terbaik. Keduanya, juga meningkatkan permintaan ataupun *demand* daripada pasaran seperti negara China, negara India kerana dua-dua negara ini merupakan negara sumber pelancong-pelancong yang memang gemar datang ke Asia Tenggara khususnya, negara Malaysia. Ketiganya, untuk membenakan kapasiti digital yang lebih kompeten dan juga kompetitif supaya kita boleh menggunakan pasaran digital dalam program promosi dan juga pengiklanan. Empat, menggalakkan pelaburan dan juga perniagaan pelancongan iaitu sebagai contohnya meningkatkan sumbangan di dalam bidang pelancongan, perniagaan ataupun *M.I.C.E.* Bekerjasama dengan pihak Invest Selangor menarik pelabur dalam bidang pelancongan dan strategi ini dirancang untuk menggalakkan pelancong perniagaan ataupun *business traveller* untuk membawa rakan tinggal dengan lebih lama dan juga kembali ke Negeri Selangor semula untuk bercuti. Kelima, adalah acara pelancongan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Tahniah diucapkan kepada Tourism Selangor, Yang Berhormat EXCO kerana kita telah berjaya menaikkan bilangan jumlah pelancong meningkat 27.9% namun saya nampak dalam usaha kita menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Selangor khususnya. Ada satu masalah yang saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat, mereka ramai yang *complaint* WIFI terlalu lambat inilah antara perkara yang patut minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat. Bagaimanakah kita nak perkasakan WIFI ini?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak *control* ataupun mengawal sistem dan juga bidang WIFI ataupun telekomunikasi. Tunggulah kita sampai ke Putrajaya dulu.

TUAN SPEAKER : Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(NO2 SABAK)**

TAJUK : KOLEJ UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (KUIS)

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlah pelajar luar negara yang mengikuti pengajian sejak ditubuhkan dan nyatakan negara yang terlibat?

- b) Apakah pencapaian dan anugerah yang diterima oleh KUIS di peringkat antarabangsa sejak dari tahun 2013?

TUAN SPEAKER : Saya telah menerima notis daripada Yang Berhormat Seri Setia bahawa beliau tidak dapat hadir pada pagi ini. Maka saya tanggihkan soalan beliau sehingga esok pagi ya. Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Puan Speaker, soalan saya No. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PELABURAN MENERUSI E-DAGANG

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerjasama serantau bersama syarikat atas talian dan E-Dagang dalam usaha untuk membantu usahawan tempatan berdaya saing di peringkat global?
- b) Apakah bentuk unjuran ia akan memberikan pulangan positif?
- c) Berapakah jumlah syarikat yang terlibat dan bentuk perniagaan yang dijalankan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker. Antara kerjasama serantau yang dilakukan bagi membantu usahawan tempatan berdaya saing di peringkat global adalah seperti berikut:

1. CTEC telah bekerjasama dengan MDEC dan Matrade, MITI dalam mempromosikan program *e-Trade* di mana kerajaan pusat menggalakkan usahawan tempatan untuk menjual dalam platform antarabangsa seperti *Amazon* dan *Alibaba*.
2. CTEC turut mengadakan beberapa program bersama *Amazon*, *Unitops Taiwan*, *Zilza*, *Halal Platform* dan platform seperti *Lazada* dan *11th Street* untuk mengadakan program membantu usahawan memasarkan barangan mereka di pasaran antarabangsa terutamanya Asia Tenggara, Asia Utara, Timur Tengah, Amerika Syarikat dan Eropah.

3. Bagi program *startup*, CTEC bekerjasama dengan pusat *accelerator* terbesar di Asia iaitu *Abswork* di Taiwan untuk membawa pasukan *startup* yang dibimbing melalui CTEC untuk mempromosikan produk serta syarikat mereka di pasaran Asia.

Program kerjasama di antara Matrade dan MDEC yang dikenali sebagai *Global Trade Export* telah berjaya mengumpulkan 1000 syarikat di seluruh Malaysia untuk menyertai program ini. Melalui program *e-Trade* yang diperkenalkan oleh Matrade pada tahun 2014 akan mencapai sasarannya dengan membolehkan sebanyak 1000 syarikat menyertai dan menggunakan peruntukan yang disediakan apabila program ini akan berakhir pada 31 Disember 2016. Tahun 2016 menunjukkan lebih banyak syarikat mula mengambil peluang untuk mencuba pasaran antarabangsa berbanding hanya 473 syarikat yang menyertai pada tahun 2015. Bagi tempoh Januari 2016 sehingga Jun 2016, sebanyak 555 syarikat telah menyertai program ini. Separuh daripada syarikat tersebut adalah syarikat yang beroperasi di Selangor. Antara 4 barangan Malaysia yang terlaris di pasaran antarabangsa ialah durian *Musang King*, *Bird's Nest*, *Kopi 3 in 1* dan *spare part automotive*. Ternyata fokus usahawan e-dagang dan *startup* ini adalah terhadap perniagaan merentasi sempadan antarabangsa dalam memperkenalkan produk mereka ke pasaran antarabangsa dan mencipta kesedaran kepada masyarakat dunia dalam usaha memperkenalkan produk buatan Malaysia di pasaran global.

Jumlah peserta atau syarikat yang menyertai program CTEC dan jenis perniagaan yang dilakukan adalah seperti berikut:

Daripada daerah Petaling, 103 syarikat 51.5%, Hulu Langat 38, Klang 34, Gombak 11, Kuala Langat 4, Kuala Selangor 2, Sepang 3, Hulu Selangor 3, Sabak Bernam 2. Jumlah 200. Kategori Barangan, Barangan Kanak-kanak dan Bayi 16.59%, Pakaian – Fesyen Lelaki dan Wanita 16.5%, Barangan Keperluan Rumah 13.9%, Barangan Kesihatan dan Kecantikan 13.9%, Barangan Dapur 10.7%, Cara Hidup dan Sukan 10.17%, Peralatan Elektronik 10.14%, Buku dan Barangan Pendidikan 6.42% dan Perkhidmatan 2.14%.

TUAN SPEAKER : Kajang

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL : Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan. Baguslah saya tengok bahawa ini adalah satu usaha yang baik. Saya ingin tanya bagi pihak pengguna, konsumen. Apakah langkah kawalan yang Kerajaan Negeri mempunyai mekanisme bagi mendapatkan data aduan seperti yang dilakukan oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) kerana pembelian atas talian mungkin mempunyai risiko yang agak tinggi dan juga apakah bentuk peringatan atau kesedaran yang boleh kita ingatkan kepada pengguna yang kebanyakannya tidak menyedari bahawa syarat-syarat kontrak

dipersetujui ketika mengurus niaga atas talian, tidak sama dengan kontrak tradisional.
Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menjadikan Selangor sebagai salah satu hub untuk *e-commerce* telah pun membincangkan beberapa kali khususnya di perbincangan yang dianjurkan oleh pihak CTEC untuk mengadakan satu garis panduan *best practice* di mana perkara seperti hal ehwal seperti pengurusan aduan berkenaan dengan mutu barangan, berkenaan dengan mutu perkhidmatan akan diadakan garis panduan yang akan ditetapkan dan termasuk juga *dispute resolution* ataupun pertikaian. Salah satu perbincangan yang diadakan telah pun dijemput agensi kerajaan seperti tribunal pengguna untuk bersama-sama membincangkan cara-cara menaik taraf mutu perkhidmatan e-dagang ini bagi memastikan Selangor akan menjadi peneraju dalam perkara ini.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan saya No. 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS KERAJAAN PUSAT

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah peruntukan yang diterima dari Kerajaan Pusat untuk tahun 2016?
 - b) Nyatakan pecahan peruntukan berkenaan mengikut agensi di Negeri Selangor?
 - c) Apakah prestasi perbelanjaan mengikut agensi?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan sejauh manakah prestasi perbelanjaan peruntukan MARRIS?
- b) Sila nyatakan baki terkini peruntukan MARRIS dalam Tabung Amanah?
- c) Sila nyatakan apakah punca utama menyebabkan masih berlaku kelewatan pelaksanaan peruntukan MARRIS?

Y.B. TUAN HAJI ZAILY BIN ABDUL TALIB : *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Speaker terima kasih kepada Permatang yang bertanya. Saya ingin menjawab bersekali dengan soalan 196 oleh Sekinchan berkaitan dengan MARRIS. Peruntukan MARRIS yang telah terima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan selaras dengan ketetapan di bawah Perkara 109 (1) (b), Perlembagaan Persekutuan pada 2016 setakat 15 Oktober 2016 adalah sebanyak RM412,521,584.09. Berdasarkan jumlah tersebut, Kerajaan Negeri menjangkakan jumlah keseluruhan peruntukan MARRIS yang bakal diterima bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM493,775,835.53. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor pada awalnya telah menetapkan sebanyak RM600 juta sebagai Siling Peruntukan MARRIS Tahun 2016. Dari semasa ke semasa, terdapat kelulusan siling tambahan yang menjadikan Siling Kemas kini Peruntukan MARRIS Tahun 2016 sebanyak RM677,853,192,88.33. Beza di antara siling kemaskini tersebut dengan jumlah terimaan yang dijangka sepanjang Tahun 2016 adalah ditampung menerusi baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) yang tersedia. Pecahan Peruntukan MARRIS dan prestasi perbelanjaan mengikut agensi pelaksana setakat 15 Oktober 2016 adalah seperti berikut. Bagi Agensi Pelaksana Jabatan Kerja Raya (JKR) Perbelanjaan RM116,371,059.25 iaitu sebanyak 59.37%. Walau bagaimanapun masih terdapat baki tanggungan atau komitmen bayaran sebanyak RM32,495,487.81 yang akan dibayar pada tahun ini oleh JKR secara berperingkat. Sehubungan itu, jika mengambil kira perkara ini prestasi sebenar perbelanjaan JKR semasa adalah sebanyak RM148,866,547.00 iaitu 75.95%. Bagi Jabatan Pengairan dan Saliran perbelanjaan sebanyak RM1,477,963.00 yang berjumlah kepada 73.89%. Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan Perbelanjaan sebanyak RM398,212,641.96 iaitu bersamaan dengan 85.84% dan manakala Pejabat Daerah dan Tanah Perbelanjaan sebanyak RM9,512,832.13 bersamaan dengan 86.63%. Baki akhir Tabung Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) sehingga 15 Oktober 2016 adalah sebanyak RM497,579,850.10. Seperti mana yang dimaklumkan sebelum daripada ini gerak kerja berkaitan pengurusan penyelenggaraan jalan telah di jadual semula bagi memastikan pelaksanaan kerja ditapak boleh dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan iaitu mulai Mac sehinggalah September setiap tahun. Langkah ini diperkenalkan untuk mengelakkan kerja-kerja turapan semula jalan-jalan dalam tempoh 3 bulan terakhir bagi siap tahun yang diketahui umum menerima taburan hujan yang tinggi dan boleh menjejaskan kualiti turapan jalan. Jadual gerak kerja bagi Tahun 2016 misalnya adalah seperti berikut:

Bulan Oktober 2015 Perbendaharaan Negeri akan menyediakan telah menyediakan kertas ringkasan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk menetapkan siling peruntukan MARRIS Tahun 2016 kepada Agensi Pelaksana. Bulan November 2015 surat kelulusan berbelanja dikeluarkan kepada Agensi Pelaksana dan bulan Disember sehingga Februari 2016, Agensi Pelaksana diberi masa 3 bulan untuk mengemukakan senarai tajuk kerja yang berkaitan untuk kelulusan Jawatankuasa Teknikal MARRIS dan menguruskan aktiviti perolehan. Manakala bulan Mac sehingga September 2016 aktiviti perolehan diurus oleh Agensi Pelaksana berperingkat kerja dijalankan secara fizikal juga dibuat ditapak. Terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Tuan Speaker. Saya Cuma hendak bertanya memandangkan jumlah Kilometer jalan itu tetap ataupun tambah setiap tahun atau berkurang. Jadi apakah jumlah terimaan perbelanjaan MARRIS ini kekal setiap tahun. Yang kedua bagaimana kaedah pembayaran

TUAN SPEAKER : Satu sahaja Permatang. Ada ramai nak Tanya soalan tambahan

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tambahan Tuan Speaker, tambahannya adalah sama ada pembayaran yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan itu secara interim ataupun sekali gus untuk tahun semasa.

Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Permatang. Pembayaran MARRIS oleh Kerajaan Persekutuan adalah secara berperingkat-peringkat secara bulanan dan kita tahu bahawa pendaftaran rekod jalan ini akan di *update* dari masa ke semasa dan dia tidak tetap bagi setiap tahun dan *Alhamdulillah* pada tahun ini juga kita telah berjaya menurap jalan-jalan desa dan telah berjaya dalam daftar MARRIS sebanyak 1,400 kilometer dan kita anggarkan tahun hadapan kita mendapat lebih peruntukan MARRIS sebanyak dalam RM21 juta anggaran. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO mendengarkan dengan peruntukan MARRIS yang telah dibelanjakan secara baik peratus pun tinggi 70%.

TUAN SPEAKER : Soalannya Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Soalannya saya lihat jalan-jalan MARRIS ini tiada *sense of condusive* dengan kata lain tiada papan tanda ataupun

billboard yang didirikan yang mengatakan projek ini merupakan projek MARRIS. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawasanya perlu ada papan tanda yang mengatakan ianya merupakan projek Kerajaan Negeri melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan. Terima kasih. Silakan. *Sense of condusive, sense of billboard*. Terima kasih Yang Berhormat EXCO saya minta pandangan.

Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Dengkil. Seperti yang saya sebutkan jawapan di awal tadi ia merujuk kepada Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan ini adalah kewajiban Kerajaan Persekutuan untuk memberikan dana mengikut panjang jalan Negeri Selangor itu sendiri. Ini merupakan tanggungjawab kalau kita lihat telah diumumkan oleh Y.A.B. Dato Seri Menteri Besar sendiri KDNK kita telah pun mencapai 22.6% sumbangan Selangor pada Malaysia. Jadi syor cadangan kita mungkin boleh letakkan papan-papan tanda iaitu projek *Smart Selangor* nanti, *Insya-Allah*.

TUAN SPEAKER : Ya, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya, terima kasih. Ya Tuan Speaker saya ingin tanyakan kepada Yang Berhormat EXCO berkaitan dengan prestasi peruntukan MARRIS ini. Saya nampak masih ada kelewatan agensi-agensi pelaksana sampai akhir tahun masih dikadar yang tidak memuaskan. Bagaimana Kerajaan Negeri memantau dan menguasai agensi-agensi pelaksana ini supaya JKR, JPS, PBT dan PTG dapat memastikan perbelanjaan ke tahap yang optimum pada akhir tahun. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih pada Sekinchan. Pertama di antara penambahbaikan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri yang sebelum ini bukan sebegini seperti mana saya sebutkan tadi kita memberikan tempoh Mac hingga September untuk menyelesaikan semua kerja-kerja yang dilakukan di bawah MARRIS dan seawal Oktober setiap tahun kita telah pun mengangkat kertas ringkasan ke MMKN untuk mendapat kelulusan. Jadi kita ingin satu penambahbaikan yang saya kita cukup baik dan walau bagaimanapun ada perkara-perkara yang boleh diambil sebagai penambahbaikan dan juga perlu diberi perhatian antaranya ialah berkenaan dengan kapasiti kakitangan yang perlu juga diberi perhatian memandangkan bukan sahaja kita menganugerahkan projek-projek ini kepada kontraktor-kontraktor tetapi juga perlukan juga kepada pemantauan bagi setiap projek-projek ini supaya kita tidak mahu kualitinya tidak diambil berat atau bayaran-bayarannya kita bagi itu yang kita telah bayar itu tidak *probe* dan sebagainya. Begitu juga tentang dari sudut perancangan, perancangan perolehan sebagainya itu akan diberi pantau oleh satu jawatankuasa yang akan bersidang dari masa ke semasa secara berkala. Jadi saya kira dengan penambahbaikan dan juga proses pemantauan yang akan ditambah baik dari masa ke semasa ini mampu *Insya-Allah* untuk mempertingkatkan dari sudut perbelanjaan MARRIS. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Burung.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan memandangkan skop MARRIS ini telah pun diperluaskan beberapa agensi termasuk JPS saya ingin bertanya Sungai Burung ingin bertanya sama ada bagi jalan-jalan yang telah didaftarkan ke seluruh bandar. Sekarang akan diselenggarakan oleh JKR tapi selain daripada jalan parit-parit juga ataupun di kawasan di mana jalan tersebut telah didaftarkan dia di bawah tanggungan JPS. JPS pada masa ini menghadapi kekangan daripada peruntukan. Jadi sama ada boleh atau tidak sekarang ini bagi parit-parit yang jalannya didaftarkan di bawah JKR itu sekarang ini kita minta JPS juga menyelenggarakan parit-parit ini kerana penstrukturan di luar bandar banyak parit-paritnya yang tidak dapat diselenggarakan oleh JPS oleh sebab kekangan oleh bajet.

Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih. Sedikit pembedaan yang pertama jalan-jalan desa agensi Pelaksananya bukan JKR tetapi Pejabat Daerah Dan Tanah yang telah pun diperuntukkan begitu juga dengan jalan-jalan pertanian memang telah pun di peruntukan kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran manakala untuk parit-parit itu dia ada bajet lain yang telah pun peruntukan kepada JPS.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Hanya boleh tak digunakan peruntukan MARRIS kerana jalannya sekarang ini telah dilaksanakan oleh melalui peruntukan MARRIS. Jadi untuk membolehkan JPS menjalankan kerja itu sekiranya kekangan bajet berlaku ini kerana saya begitu di tempat saya bila kita minta peruntukan daripada JPS untuk menyelenggarakan sebahagian parit-parit memang peruntukan ia tidak mencukupi untuk tahun-tahun berkenaan. Jadi satu cara penyelesaian supaya membolehkan untuk kita peduli rakyat maka kita oleh kerana jalan telah diselenggarakan oleh apa orang kata MARRIS mengapa tidak parit-parit itu diselenggarakan oleh MARRIS melalui peruntukan MARRIS.

Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Sungai Burung. Memang parit-parit yang kepada jalan yang telah pun didaftarkan di bawah MARRIS boleh diselenggarakan dengan peruntukan MARRIS.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Ini saya melihat daripada jawapan daripada EXCO itu tadi iaitu mengenai dengan jumlah bajet yang digunakan oleh JKR sebanyak RM116 juta. Dan PBT sebanyak RM398 juta. Jadi soalan saya ialah apakah ini menunjukkan jalan selenggaraan PBT ini lebih panjang daripada JKR atau ada skop- skop lain yang di luar jadual MARRIS dalam pengagihan bajet untuk PBT ini. Kerana saya lihat di

tempat saya ada pertindihan di antara JKR dengan PBT dalam pengurusan jalan-jalan. Jadi siapa yang sebenarnya yang menguruskan itu kita tidak dapat kepastian jadi saya hendak jawapan.

Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Batang Kali. Berkaitan dengan ada dua tadi pertama berkaitan dengan jalan ok jalan berdasarkan kepada peruntukan saya tiada jumlah kilometernya di sini. Tetapi memandangkan kepada jumlah ini saya yakin bahawa jalan PBT adalah lebih panjang dan sebenarnya itulah jawapan PBT adalah lebih panjang daripada jalan-jalan negeri ataupun jalan-jalan diselenggarakan oleh JKR. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya bertanya soalan ke-5.

**PERTANYAAN–PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: GARIS PANDUAN KEMISKINAN (GPK) SELANGOR

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Garis Panduan Kemiskinan (GPK) Selangor pada paras RM1500 sebulan telah dianggap sebagai ketinggalan zaman. Adakah kerajaan bercadang untuk mengubah GPK dalam masa terdekat supaya bantuan kebajikan kerajaan Selangor dapat disalurkan dengan lebih tepat dan berkesan kepada golongan sasaran?

Y.B.. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker usaha membasmi kemiskinan di kalangan rakyat sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dengan membantu masyarakat meningkatkan tahap pendapatan keadaan sosio ekonomi serta menganjak paradigma masyarakat untuk berhijrah keluar daripada kitaran kemiskinan. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dalam memastikan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Selangor lebih realistik dan bersesuaian dengan senario ekonomi semasa berbanding dengan PGK Nasional iaitu RM930.00 seisi rumah. Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-1/2009 pada 7 Januari 2009 telah bersetuju dan memutuskan supaya pendapatan Garis Kemiskinan Negeri Selangor dinaikkan ke paras yang realistik dan bertanggungjawab iaitu RM 1,500.00 seisi rumah. Namun begitu PGK Selangor iaitu RM1500.00 dilihat masih ketinggalan dan kurang realistik memandangkan tahap perkembangan ekonomi Negeri Selangor yang jauh ke hadapan berbanding negeri lain. Terbaru, Kerajaan Negeri Selangor

telah meluluskan pelaksanaan Kajian Taraf Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan bagi Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke - 5/2015 pada 4 Februari 2015 yang dilaksanakan dengan kerjasama universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). Hasil kajian tersebut telah dibentangkan oleh pihak UNISEL dan pihak UTAR kepada Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke - 19/2016 bertarikh 8 Jun 2016 yang lalu. Secara ringkasnya, objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti perangkaan umum berkaitan kemiskinan bagi penduduk berdasarkan daerah dan kaum di Negeri Selangor, menganalisis penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan Negeri Selangor melalui justifikasi penghijrahan dan pembinaan indeks kemiskinan serta mewujudkan dan membangunkan Sistem *Smart* Prihatin Kerajaan Negeri Selangor yang mengandungi data lengkap dan holistik isi rumah Selangor yang berpendapatan di bawah PGK yang akan ditetapkan. Cadangan PGK ini berupaya untuk melihat siapa yang berada di bawah PGK boleh di klasifikasi sebagai miskin. Bagi menjawab mengapa miskin pula, satu (1) indeks dikenali sebagai Indeks Prihatin Selangor, (Selangor Prihatin indeks) (SPI)) di perkenalkan. Diadaptasi daripada Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (*Multidimensional Poverty Index- MPI*) yang mana merupakan pengukuran antarabangsa terhadap masalah kemiskinan di 110 buah negara membangun, SPI akan menilai faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan dalam tiga (3) dimensi yang merangkumi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Kombinasi penggunaan PGK dan SPI ini adalah bersifat dinamik yang akan dapat membantu Kerajaan Selangor mengenal pasti siapa yang miskin dan mengapa berlakunya kemiskinan tersebut serta tahap keparahan kemiskinan isi rumah berkaitan. Impaknya, usaha pembasmian kemiskinan dapat dilaksanakan secara lebih efektif. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih lagi meneliti, mempertimbangkan dan mengkaji semula hasil dapatan kajian ini secara mikro dari pelbagai aspek termasuk kewangan, ekonomi, sosial dan politik bagi memastikan hasil kajian yang diperolehi adalah benar-benar menyeluruh, komprehensif, realistik dan bersesuaian untuk diguna pakai di Negeri Selangor serta akhirnya dapat memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Kampung Tengku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, usaha murni ini adalah satu perkara yang perlu disanjung tinggi. Soalan saya apakah *time line* ataupun tarikh akhir ataupun status terkini Kajian Makro yang dijalankan ini dan seterusnya tadi disebut bahawa Indeks Prihatin Selangor adalah satu indeks yang dinamik maksudnya adakah ini bermaksud bahawa ini adalah ciptaan Selangor satu-satunya di dunia ini. Adakah itu maksudnya. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, terima kasih kepada Kampung Tunku. Seperti yang telah dinyatakan memang ini ciptaan paras kemiskinan tersebut adalah untuk daripada Negeri Selangor ciptaan Negeri Selangor supaya lebih realistik dan juga boleh diterima pakai dalam keadaan ekonomi sekarang bagi Negeri Selangor dan tentang *date line* yang dipohon tersebut adalah disebabkan kajian masih lagi dibuat dari UPEN dan walau bagaimanapun saya kurang pasti untuk menyatakan *date line* yang dapat ditentukan pada masa ini tapi bagaimanapun disebabkan telah pun perkara ini telah dibentangkan dalam MMKN pada 8 Jun 2016, Jun yang lalu sebab bagi saya UPEN masih lagi memerlukan satu jangka masa yang sewajarnya untuk menentukan kajian ini dapat diterima pakai untuk semua pihak.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Terima Kasih Y.B Speaker. Ini kepada EXCO saya nak bertanya apakah Kerajaan Negeri sedar bahawa penetapan GPK ciptaan Negeri Selangor sebanyak RM1500.00 ini telah menjadikan proses bagi golongan B40 untuk mendapat *loan* perumahan bertambah parah kerana penilaian pinjaman perumahan sekarang bertambah ketat apabila tambah lagi kadar *rate* yang tinggi diguna pakai untuk mengatakan mereka itu miskin maka penilaian itu bertambah rumit lagi.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Permatang, tapi sebenarnya perlu difahami apabila garis kemiskinan dinaikkan kepada RM1500.00 lebih ramai akan dapat manfaat daripada.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Bukan maksudnya saya sekarang kita ada masalah perumahan. Orang pergi ke bank untuk buat pinjaman bila dia buat pinjaman *you* telah dikategorikan sebagai orang yang miskin bila *you* sebagai orang miskin dia tidak akan urus *you* punya pinjaman. Jadi apakah benda ini perlu di *review* kembali dan membuat ketetapan mengikut standard yang telah kita sama-sama fahami terutamanya di peringkat kebangsaan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Saya rasa Yang Berhormat kurang memahami tentang bagaimana bank memilih paras garis

Y.B.. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Jangan cakap begitu saya *Banker*.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tadi tentang bank dan juga mereka memakai Paras Garis Kemiskinan Nasional RM930.00. Kita menggunakan RM1500.00 supaya kita dapat memberi manfaat kepada lebih ramai warga Selangor.

Y.B.. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ini satu kezaliman kepada masyarakat Negeri Selangor ini untuk masyarakat Negeri Selangor, Rakyat Negeri Selangor sekarang ditindas kerana *you* buat dia punya kadar kemiskinan kepada RM1500.00.

TUAN SPEAKER : Batang Kali, *you* ini siapa. Yang Berhormat.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Minta Maaf.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, saya percaya Batang Kali kurang arif ataupun cuba memesongkan fakta sebenar, fakta sebenar adalah untuk memilih rumah dan sebagainya daripada bukan sahaja daripada Kerajaan Negeri juga daripada Kerajaan Pusat mereka mengguna pakai Paras Garis Kemiskinan Nasional iaitu RM930.00. Bagi Kerajaan Negeri menetapkan RM1500.00 adalah untuk memberi manfaat MES mereka Program-program MES Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor kepada orang ramai. Kerajaan Negeri mengambil satu proaktif supaya dapat membantu lebih ramai warga Negeri Selangor. Terima Kasih.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Adakah Kerajaan Negeri ada rancangan untuk menggunakan indeks ini sebagai *colification* untuk program MES pada masa akan datang.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Damansara Utama, memang kajian yang telah dibentangkan oleh UNISEL dan UNITAR, UTAR adalah satu supaya kita dapat mengenal pasti siapa yang benar-benar miskin dan kumpulan sasaran yang perlu dibantu. Itulah faktor utama yang membuatkan kajian tersebut tapi bagai mana pun seperti yang antaranya saya nyatakan sebelum ini kita perlukan masa untuk meneliti sebaik-baik mungkin.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Adakah mungkin Ahli Dewan mendapat laporan yang telah dikemukakan oleh pihak UNITAR dan tentang *survey* yang dilakukan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker dan juga terima kasih kepada Taman Medan. Perlu diingatkan perkara ini masih lagi dalam penelitian dan

kajian daripada UPEN. Saya percaya selepas mereka membuat segala kajian yang menyeluruh mereka akan bekalkan laporan tersebut kepada semua pihak.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN IR. HAJI MOHD HASIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK: USAHAWAN

6. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramaikan usahawan yang telah dapat manfaat dari bantuan program Kerajaan Selangor sejak 2010 – 2016?
- b) Apakah bidang yang telah menjadi fokus kerajaan dalam melahirkan usahawan IKS?
- c) Berapakah pendapatan sebulan usahawan IKS yang telah berjaya mengikut bidang masing-masing?

Y.B. TUAN AMINUDIN BIN SHARI : Terima kasih Tuan Speaker dan Tanjung Sepat atas soalan yang dikemukakan. Pertamanya bagi soalan A, semenjak daripada tahun 2010 sehingga 2016 program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri telah melatih dan memberikan bantuan dan sokongan kepada 3,777 orang melalui program-program berikut. Dana Usahawan Mikro yang sebelum ini kita jenamakan kepada semula Dana Usahawan Mikro yang sebelum ini namanya adalah Dana Industri Kampung sebanyak 502 orang, yang kedua program-program keusahawanan sebanyak 1,260 orang, yang ketiga karnival dan Expo Pameran Tempatan dan Antarabangsa seramai 1,892 dan Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Keusahawanan Negeri Selangor ataupun 4P sebanyak 123 orang dan jumlah keseluruhannya 3,777 usahawan telah mendapat manfaat dari program-program pembangunan keusahawanan Negeri Selangor. Sementara itu, apa-apa agensi-agensi lain juga telah menerima dan memberikan bantuan dan sokongan antaranya Hijrah Selangor yang telah beroperasi semenjak Mac sehingga Oktober 2016 telah memberikan sokongan dan bantuan kepada 25,562 orang peserta sebelum itu Skim Sel yang telah bermula sejak sehingga Mac 2015 telah memberikan sokongan kepada 11, 484 orang, Mimbar 5,136 orang, 677 orang. Selain agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang berkaitan terus dengan kerajaan ada jabatan-jabatan lain iaitu seperti PKNS

dan PKNS telah melatih sebanyak 4, 732 orang melalui program Klinik Usahawan, *Smart Retail 2000* sehingga tahun 2016 sebanyak 178 orang, VIO PKNS sebanyak 429 orang dan program-program pembinaan bilik seminar di PKNS di Bangunan PKNS sebanyak 871 orang. Jadi dari program-program lain ini sahaja seramai 49,069 usahawan daripada tahun 2010 sehingga 2016 telah dibantu melalui program Negeri Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian, kalau diukur dan dilihat daripada permohonan yang telah dibuat Industri Makanan merupakan bidang yang mendapat sokongan yang lebih besar daripada Program Hijrah dan diikuti pembekalan, pemprosesan, penternakan, perkhidmatan dan pertanian. Manakala melalui program-program Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan pula kita memberikan sokongan hampir kesemua bidang kecuali bidang pertanian kerana bidang pertanian boleh mendapatkan bantuan daripada Hijrah dan melalui Jabatan Pertanian ataupun melalui EXCO Pertanian. Ahli Yang terhormat yang dikasihi sekalian, untuk soalan c, daripada kajian yang dibuat oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan kita dapati semua Program Pembangunan Usahawan telah dilaksanakan mampu meningkatkan pendapatan para peserta daripada 32% sehingga 200%. Namun saya juga dimaklumkan di sini pada ketika ini dipihak Mimbar sedang melaksanakan Kajian Impak ataupun di Kajian di Hijrah sebenarnya sedang mengemukakan Kajian Impak *Insya-Allah* kita akan kemukakan setelah mendapat maklumat dan juga mendapat, dapatan yang telah yang akan dimaklumkan kelak. Namun begitu hasil kajian yang telah dikemukakan oleh Institut Darul Ehsan bahawa peserta-peserta Hijrah berada dalam keadaan yang sangat gembira dan kesannya dapat dibuktikan dalam pulangan balik maknanya jumlah dan kadar pulangan balik yang sangat tinggi menunjukkan bahawa keberjayaan sistem ini di mana mereka mampu membayar balik pinjaman-pinjaman yang telah kita berikan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih Tuan Speaker, saya tertarik dengan laporan ataupun jawapan daripada Yang Berhormat EXCO tentang satu program iaitu Kerajaan Selangor dalam beberapa tahun lalu telah menubuhkan Bazar Darul Ehsan. Lebih spesifik soalnya apa perkembangan ataupun kejayaan yang tercapai di dua lokasi di Sepang dan juga Kuala Langat ini sehingga sekarang masih lagi tidak di penghuni ataupun tidak digunakan akhirnya bangunan ini nampak usang dan kembali seperti sedia kala seperti sebuah rumah hantu. Terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih. Dua ini adalah bermula sebagai Pusat Pengumpulan IKS atau pun Pusat Pengumpulan Produk IKS iaitu di Sepang dan sebagainya. Untuk di Sepang kita terpaksa menghentikan proses pencarian pengoperasiannya kerana pada ketika ini maklumat yang kita dapat bangunan tersebut terpaksa dirobuhkan pada masa depan kerana perlu untuk pembesaran Jalan Persekutuan atau Jalan Negeri di depan jalan tersebut. Jadi

perkara itu kita terpaksa hentikan seketika setelah kita mengambil kira perancangan masa depan untuk di bazar Darul Ehsan di Kuala Langat, memang kita sedang menunggu pengoperasian sebelum ini ada permohonan daripada PWB dan agensi lain namun begitu di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan kita melihat bahawa sudah tidak ada masanya dan *its not a trend now*. Ia bukan trend masa sekarang untuk kita membuat pusat pengumpulan IKS sedemikian rupa sebab itu Kerajaan Negeri mengolah pada masa depan untuk mengadakan pameran-pameran yang sudah menjadi pusat tumpuan orang ramai. Antaranya TOL ataupun Tempat Orang Lepak di Kompleks PKNS itulah kita kumpulkan usahawan yang maju dan juga berdaya saing untuk diletakkan produk mereka di tempat-tempat tersebut kita sedang berbincang dengan beberapa Kompleks AEON sebagai contoh dan juga Giant sebagai contoh untuk meletakkan produk dengan *made in Selangor* sebagai contoh. Produk yang kita letakkan untuk kita kemukakan. Itu saya rasa trend yang lebih baik untuk meletakkan pengumpulan produk IKS. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menanya kepada EXCO apakah Kerajaan Negeri ada rancangan untuk menghasilkan mana-mana bidang khas atau produk khas IKS yang jenama Selangor. Contohnya mungkin Jus Sihat Selangor ataupun *food truck* khas Selangor. Adakah perancangan tersebut.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih. Pada ketika ini kita mengetengahkan produk itu dengan imej dan nama Negeri Selangor. Antaranya program 4P. Dalam program 4P kita letakkan lambang Kerajaan Negeri Smart Selangor dan sebagainya untuk kita keluarkan spesifik produk-produk yang dikeluarkan saya rasa sebagai sebuah negeri kita tidak pergi terlalu dalam terhadap bidang tersebut kerana ia biarkanlah disaingi atas pasaran terbuka dan bagi pihak Kerajaan Negeri kita hanya ingin melonjakkan usahawan-usahawan ini yang sudah ada produknya namanya kilangnya di Selangor dan ini saya rasa akan membiakkan pembangunan dan ekonomi mereka secara lebih sihat dan lebih baik kerana tidak ada monopoli daripada kerajaan dengan izin. Namun begitu untuk program *food truck* Selangor sebagai contoh memang kita telah kemukakan dan kita antara negeri pertama saya boleh sebut kita negeri pertama yang telah menyiapkan garis panduan untuk *food truck* *Insya-Allah* Disember nanti kita akan umumkan *food truck* *Smart* Selangor ia bukanlah satu produk yang dikeluarkan sebijil oleh Kerajaan Negeri tetapi satu sistem satu polisi di mana kita nak bantu supaya industri yang ada ini berkembang dan tersusun dengan lebih baik di samping kerajaan mendapat sedikit manfaat dari projek itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Speaker soalan no. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)
TAJUK : RUMAH SELANGORKU**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah garis panduan peruntukan Kuota Bumiputera dalam pembelian rumah di Negeri Selangor.
- b) Adakah perbezaan garis panduan peruntukan Kuota Bumiputera pada penjualan Rumah Selangorku?
- c) Adakah penghapusan Kuota Bumiputera terpakai pada penjualan rumah Selangorku.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih pada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini, Kerajaan Negeri mengguna pakai *Blue Print* Perumahan Negeri Selangor sebagai panduan dalam menetapkan peruntukan kuota Bumiputera di dalam sesebuah pembangunan. Peruntukan Kuota Bumiputera ini mengambil kira faktor penempatan pendudukan, ekonomi semasa serta aktiviti sosial setempat di samping penganalisisan terhadap kedapatan tanah-tanah berpotensi yang boleh dibangunkan. Oleh itu, peruntukan kuota Bumiputera bagi sesebuah pembangunan itu adalah di antara 30% hingga 70% mengikut kawasan. Walau bagaimanapun, keputusan akhir menetapkan kuota Bumiputera adalah tertakluk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dalam proses penyediaan kajian semula *Blue Print* perumahan tersebut dan dijangka siap dan diguna pakai pada tahun 2018. *Blue Print* yang ada sekarang telah dikuatkuasakan sejak tahun 2005.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan Kuota Bumiputera pada penjualan rumah Selangorku juga berpandukan kepada *Blue Print* Perumahan Negeri Selangor. Namun begitu, keputusan akhir dalam memperuntukkan Kuota Bumiputera bagi rumah Selangorku adalah tertakluk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Tentang pelepasan mekanisme pelepasan untuk kuota bumiputera rumah Selangorku buat masa ini belum ada kes di mana kita telah melepaskan Kuota Bumiputera untuk rumah-rumah Selangorku yang dijual. Kita ada beberapa langkah-langkah di mana kita membantu pihak pemaju untuk menjual rumah ataupun unit-unit kuota bumiputera yang tidak dapat dijual oleh pihak pemaju. Di antaranya adalah dengan membuka tawaran untuk membeli rumah ini beberapa kali dan di antaranya adalah kita membekalkan nama yang lebih kepada nama pemohon yang lebih

kepada pihak pemaju oleh kerajaan itu pihak pemaju tidak perlu menunggu nama baru apabila nama-nama lama ini atau nama asal ini tidak mendapat pinjaman bank. Untuk pinjaman bank memang kita ketahui bahawa yang paling tinggi ataupun tahap penolakan bank itu bukan adalah dari sebab kita telah naikkan taraf kemiskinan. Contoh kita ada satu projek di mana 60% daripada mereka yang telah membuat permohonan telah gagal mendapatkan pinjaman bank dan daripada 60% itu 30% oleh sebab ada masalah dengan PTPTN. Bukan kerana tahap kemiskinan telah dinaikkan kepada RM1500.00 adalah sebab lain.

TUAN SPEAKER : Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Speaker. Terima kasih kepada EXCO saya nak EXCO sekarang Rumah Selangorku ini walaupun garis panduannya katakan ikut tempat-tempat yang lain kuota bumiputera itu berlainan di 30% sampai 70% atau 60% tetapi bila saya minta pejabat perumahan mereka kata dia tetap kepada 60% di seluruh Negeri Selangor. Saya nak minta adakah ini telah dibincangkan dan inikah satu garis panduan yang ditetapkan dan juga saya diberitahu oleh perumahan bahawa mereka tidak dapat apa-apa alasan dari EXCO tentang pelepasan rumah-rumah Selangorku yang tidak boleh dijual. PTG yang beritahu kepada saya memang ada garis panduan untuk melepaskan kuota bumiputera dalam garis panduan itu 1, 2, 3 tak ada. Adakah sama garis panduan itu untuk dilepaskan.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kuota Bumiputera adalah berdasarkan kepada *Blue Print* Perumahan Negeri Selangor yang telah dikuatkuasakan dari tahun 2005. Kita ada apa yang dipanggil sebagai mekanisme pelepasan Kuota Bumiputera untuk rumah-rumah ataupun hartanah iaitu selepas ia siap 50%, 20% dari baki boleh dilepaskan siap 75%, 30% dari baki boleh dilepaskan dan apabila mendapat CCC 30% dari baki boleh dilepaskan dan 6 bulan selepas CCC baki boleh dilepaskan tetapi untuk rumah Selangorku memandangkan ia adalah rumah khusus untuk mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah kita tidak menggunakan mekanisme pelepasan ini tetapi kita membantu sedaya upaya untuk memastikan pihak pemaju boleh menjual Kuota-kuota Bumiputera tersebut termasuk di mana kita telah membeli Kerajaan Negeri melalui PHHSB telah memberi kuota bumiputera ini. PHSSB adalah satu syarikat yang telah diwujudkan selepas tahun 2008 untuk membeli rumah-rumah kuota bumiputera yang tidak dapat dijual. Kita beli rumah tersebut dan kita telah dalam proses untuk menyewakannya kepada orang ramai. Jadi bermakna untuk menjawab persoalan untuk rumah Selangorku kita tidak menggunakan mekanisme pelepasan kuota bumiputera ini. Tetapi kita cuba sedaya upaya untuk memastikan pihak pemaju dapat menjual rumah tersebut. Tetapi untuk jalan akhir yang itu kita kena tengok kita belum sampai ke masa tersebut lagi sebab kebanyakan Rumah Selangorku yang siap atau dalam progress itu dalam tahun 2013 dan 2014 ke atas. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ada tak Kerajaan Negeri akan wujudkan kuota untuk bukan Bumiputera untuk memastikan bahawa setiap pembangunan Rumah Selangorku ada *balance* antara semua kaum untuk apa yang kita namakan *social engineering* seperti yang dilakukan oleh HDB di Singapura.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Masa ini apa yang kita lakukan kita ada Kuota Bumiputera dan secara tersendiri bangsa-bangsa lain akan diberikan yang non Bumiputera tersebut dengan izin. Saya memahami seperti mana yang kita ada program di Republik Singapura ada program yang dinamakan sebagai *Ethnic Integration Policy* di bawah HDB di mana mereka pun ada kuota di mana di suatu kawasan bangsa Melayu kuota adalah 22%, bangsa Cina adalah 84% dan bangsa India 10%. Dalam apa yang kita lakukan sekarang ini dengan kita ada kuota bumi tapi kita tidak usik langsung kuota bukan Bumiputera. Jadi bermakna bahawa kita akan dapat satu pembangunan yang *balance* dan seimbang. Saya memahami sebab mengikut kajian kita sekiranya ada sesuatu bangsa yang akan menguasai sesuatu pembangunan, pembangunan itu menjadi tidak harmoni. Kalau semua orang Melayu pun tak harmoni, semua orang India pun tak harmoni dan semua cina pun tak harmoni. Dia kena seimbang dari segi bangsa-bangsa yang menduduki satu kawasan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Terima kasih Tuan Speaker. Ok saya tadi mendengar bahawa permasalahan 70% kepada pemohon-pemohon kerana tidak dapat menyelesaikan PTPTN tadi. Jadi soalan saya apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam usaha membantu pemohon-pemohon yang mempunyai masalah yang tak dapat pinjaman tadi tu.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Apa yang telah kita lakukan kita telah.... Yang Berhormat sebelum tu saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana telah dianugerahkan Dato'. Apa yang kita buat kita telah jumpa beberapa bank. Antara bank yang kita telah jumpa ialah Bank Rakyat dan Bank Rakyat bersetuju bermakna bahawa kalau peminjam tu bayar sikit sahaja pun kepada PTPTN mereka boleh lepaskan. Jadi kita yang pertama yang kita jumpa adalah Bank Rakyat dan seterusnya yang mana kita telah buat ataupun apabila pemaju buat *open day* atau hari pelancaran kita akan minta supaya mereka menjemput PTPTN sekali untuk mereka cek. Ini sebenarnya kita ada perbincangan

dengan prima. Sebenarnya COO Prima telah datang berjumpa dengan saya. Kita ada hubungan baik dengan Prima walaupun Menteri cakap lain dan kita telah dalam perbincangan dan mereka telah membuat suatu program di mana setiap program prima itu mereka akan bawa turun PTPTN untuk cek sama ada mereka layak atau tidak dan boleh berbincang macam mana nak selesaikan masalah. Kita pun akan buat benda yang sama dan kita akan bawa turun PTPTN. Selain dari kita memanggil bank-bank tertentu untuk dilonggarkan syarat tersebut.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, soalan no.8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : DENGGI SELANGOR

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan dan aktiviti untuk mengatasi denggi di Selangor pada tahun 2016?
- b) Sejauh mana masalah denggi dapat diatasi di Negeri Selangor?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Sungai Burong, Tuan Speaker, saya ingin menjawab bersekali dengan soalan 225 daripada Permatang dan 295 daripada Hulu Bernam.

Negeri Selangor telah mencatat kejayaan menurunkan kes daftar denggi dan kes kematian akibat denggi secara *significant* pada 2016 berbanding tahun 2015. Laporan Situasi Denggi Negeri Selangor bagi minggu epik ke-43 pada tahun 2016 adalah sebanyak 46,034 kes berbanding pada tahun 2015 sebanyak 53,428 yang mana ini adalah menunjukkan pengurangan sebanyak 7,394 kes iaitu penurunan sebanyak 13% kes berbanding 2015. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah kes daftar untuk minggu lepas iaitu epik yang Ke-43 berakhir 29 Oktober adalah 602 kes iaitu antara yang terendah sepanjang tahun 2016. Manakala, jumlah kumulatif kematian yang dicatatkan sehingga epik yang Ke-43 pada tahun ini. Iaitu pada tahun 2016 adalah 69 kes berbanding 109 kes pada 2015 dan ini menunjukkan penurunan sebanyak 40 kes kematian ataupun 37 kes penurunan berbanding 2015. Kadar kematian denggi sehingga 22 Oktober 2016 di Selangor adalah sebanyak 0.15% dan angka ini adalah lebih rendah daripada kadar kematian denggi peringkat Malaysia iaitu 0.23%. Ini menunjukkan pencapaian daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor dalam mengekang jumlah kematian statistik ini juga jelas menunjukkan

bahawa kadar kematian di Selangor adalah yang terendah berbanding semua negeri-negeri lain di semenanjung Malaysia. Sebagai rumusan kadar penurunan yang begitu tinggi bagi kedua-dua *indicator* ini iaitu penurunan jumlah kes daftar dan penurunan jumlah kes kematian menunjukkan keberkesanan dan kejayaan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan semua agensi pelaksana yang terlibat. Di antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah ini adalah seperti berikut :

- a) Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Negeri telah diadakan setiap dwi mingguan untuk membincangkan masalah denggi dan dasar-dasar baru yang akan dilaksanakan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Selangor adalah antara satu-satunya negeri di Malaysia yang mengadakan mesyuarat secara berkala bagi menangani kes denggi. Di Mesyuarat Denggi Peringkat Daerah juga telah diadakan pada setiap minggu yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya. Mesyuarat ini melibatkan semua agensi di daerah tersebut termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah, JPS, wakil Hospital, Ibu Pejabat Polis Daerah, Pejabat Agama Islam Daerah turut dijemput adalah Yang Berhormat ADN dan juga atau wakilnya dan Ahli Majlis serta Penghulu.
- b) Mesyuarat ini akan memantau dan membincangkan kaedah penyelesaian sesuatu isu di kawasan wabak terutamanya *hotspot* dan tindakan segera yang perlu dilakukan.
- c) Ketiga, *Blueprint* menangani wabak denggi sedang dalam peringkat penyediaan akhir dan telah mengenal pasti 8 garis panduan untuk tindakan semua PBT. *Blueprint* ini juga akan melibatkan semua agensi di bawah pentadbiran Negeri Selangor.
- d) Keempat, bagi PBT yang mempunyai kawasan *hotspot* berpanjangan, unit tindakan denggi atau UTD akan diwujudkan dengan menempatkan beberapa petugas denggi di kawasan tersebut bagi mengesan dan mengawal punca penularan kes. Petugas ini akan melakukan pemeriksaan tempat pembiakan PTP, *fogging* dan *larva seeding* dalam tempoh yang ditetapkan sehingga tiada kes dicatatkan di kawasan tersebut.
- e) Kelima, penglibatan Ahli Majlis di peringkat PBT turut diberdayakan dalam melaksanakan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing. Antaranya adalah cadangan supaya semua Ahli Majlis di kesemua 12 PBT di Selangor dilantik menjadi pengerusi SEDATEN, SEDATEN bermakna *Search and Destroy Aedes, Ten* adalah 10 minit. Jadi kita namakan sebagai SEDATEN di kawasan yang diwakilinya. Program SEDATEN ini telah dilaksanakan di

peringkat Majlis Bandarraya Shah Alam dan ia telah pun memperlihatkan kejayaan dan kita akan perluaskan ke seluruh Negeri Selangor.

- f) Keenam, Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM560,000.00 kepada Yang Berhormat ADUN Kerajaan dan penyelaras DUN di 56 DUN. Peruntukan khusus sebanyak RM10,000.00 setiap DUN ini adalah bagi menjalankan aktiviti pencegahan denggi di kawasan masing-masing.
- g) Ketujuh, melantik *pest control operator* bagi PBT yang berkemampuan untuk membantu melakukan aktiviti kawalan denggi dan menurunkan jumlah kes denggi di kawasan *hotspot* dan wabak denggi. Pada 2016 ini, sebanyak RM600,000.00 akan disalurkan kepada 7 PBT yang mempunyai kes tertinggi pada tahun ini. PBT ini adalah daripada 4 Daerah yang mempunyai kes denggi yang tertinggi iaitu Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Klang. Seterusnya, Pihak Kerajaan Negeri menetapkan setiap pemaju perumahan melantik PCO masing-masing dan melaporkan tindakan pencegahan yang dijalankan setiap bulan sehingga projek pembangunan siap dan seterusnya taklimat denggi kepada semua pemaju dan syarikat PCO di tapak bina di setiap PBT bagi menerangkan kawasan yang berpotensi berlakunya pembiakan jentik-jentik.
- h) Kepada kontraktor pembersihan di kawasan sekolah dan kawasan PBT bagi menerangkan kawasan yang perlu diambil perhatian semasa membuat pembersihan dan kaedah menghapus tempat pembiakan aedes.
- i) Mengeluarkan notis pembersihan kepada pemilik tanah persendirian dan premis kotor yang berpotensi berlaku pembiakan jentik-jentik supaya tidak menjadi tempat pembiakan aedes dan tempat pembuangan sampah haram dan seterusnya.
- j) Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu juga dilaksanakan dengan kerjasama KKM, Kementerian Kesihatan Malaysia terutamanya ke atas 4 kategori premis iaitu tapak bina, premis barang lusuh, tapak semaian serta kawasan komersial sedang digiatkan.

Untuk menjawab soalan seterusnya daripada Hulu Bernam iaitu tentang peruntukan yang diperlukan yang di peruntukan untuk program denggi ini peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor kepada 12 PBT untuk 2016 adalah seperti berikut :

Peruntukan daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM257,172.00. Peruntukan daripada KPKT sebanyak RM298,528.00. Peruntukan daripada PBT adalah sebanyak RM6,885,853.00 dan jumlah keseluruhan untuk program pencegahan dan kawalan denggi 2016 adalah sebanyak RM7,135,480.00 dan Alhamdulillah dengan pembentangan yang telah pun dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar semalam bahawa peruntukan untuk denggi akan ditingkatkan sebanyak RM5,000,000.00 dan ini *Insyah-Allah* akan digunakan sepenuhnya untuk

melaksanakan program-program kawalan dan juga pencegahan untuk kes-kes denggi di Negeri Selangor.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Speaker, saya nak ucapkan tahniah la kepada EXCO yang berkenaan kerana telah berjaya. Pertama mengambil langkah tindakan tidak seperti di mana pada tahun lepas untuk mengatasi masalah denggi ini dan nampak dah ada penurunan. Oleh kerana denggi ini juga melibatkan kematian walaupun terdapat penurunan tetapi dia masih tinggi dan Alhamdulillah pada tahun ini bajet telah ditingkatkan kepada RM5,000,000.00 oleh Kerajaan Negeri untuk 2017, jadi saya ingin bertanya iaitu kawasan-kawasan *hot spot* yang menjadi tumpuan apa ini masalah denggi ini, adakah Kerajaan Negeri mensasarkan KP tertentu supaya apa kita nak pastikan bahawa masalah denggi ini dapat diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh mana mungkin.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Sungai Burong. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kita akan sentiasa mengenal pasti kawasan-kawasan *hotspot* dan ia nya akan diambil tindakan melalui mesyuarat yang diadakan Mesyuarat Denggi Peringkat Daerah yang mana dalam mesyuarat tersebut kita melibatkan pihak PBT, pihak Pejabat Kesihatan Daerah dan semua agensi-agensi yang terbabit. Jadi kita akan melaksanakan tindakan bersepadu bagi memastikan *hotspot* tersebut dapat dikeluarkan daripada *hotspot* dan antara yang saya sebutkan tadi juga bahawa kita juga akan melaksanakan satu program iaitu Unit Tindakan Denggi (UTD) yang mana para petugas ini akan ditempatkan di tempat ataupun di kawasan *hotspot* dan akan melaksanakan program-program pengawalan denggi di tempat tersebut sehingga kes di kawasan itu, kosong sifar.

TUAN SPEAKER : Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih, Puan Speaker. Soalan tambahan saya berkenaan dengan peruntukan RM10,000.00 untuk setiap DUN itu. Jadi saya nak bertanya bila kita boleh pakai dan adakah boleh sekiranya kalau kita telah buat program terlebih dahulu kita nak *claim* semula menggunakan peruntukan yang terlibat. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Sri Muda. Saya juga ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah pun menyalurkan sejumlah RM10,000.00 kepada ADN-ADN Kerajaan dan penyelaras DUN. Maka kita juga telah menghantar surat kepada semua pejabat ADN untuk menggunakan peruntukan tersebut bagi program-program ataupun aktiviti pencegahan denggi di kawasan

masing-masing. Ianya berkuatkuasa daripada surat yang kita keluarkan dan tidak boleh di *back dated* kan lah sehingga ke penghujung tahun ini. Jadi masih ada masa lagi kepada Y.B. semua untuk melaksanakan program ataupun aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing dan baru-baru ini juga kita telah pun melaksanakan satu program iaitu OPs Mega yang mana ia melibatkan kawasan ADN-ADN juga dan kita juga membenarkan untuk ADN-ADN menggunakan peruntukan tersebut untuk program OPs Mega tersebut. Sekian.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Antara *hotspot* yang tertinggi di Malaysia ialah di Shah Alam, Seksyen 7 dan banyak operasi telah dibuat dan kawasan ini adalah penempatan *students*, sejauh mana saman yang dikeluarkan di kawasan itu memberi kesan untuk mengurangkan denggi di kawasan tersebut.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Kota Anggerik, kalau daripada laporan yang saya ada, *hotspot* denggi di kawasan Seksyen 7, MBSA telah pun keluar daripada *hotspot* setelah kita melaksanakan UTD, Unit Tindakan Denggi di tempat tersebut dan sekarang ia telah bebas denggi dan saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak MBSA yang telah pun berusaha keras untuk memastikan kawasan tersebut yang mana sebelum ini ia telah pun *hotspot* tersebut lebih daripada 100 hari. Jadi, berkenaan dengan kompaun yang dikenakan pihak MBSA telah pun mengenakan kompaun-kompaun tersebut kepada pemilik-pemilik premis yang dijumpai ada pembiakan jentik-jentik. Jadi ini memberikan kesan juga kepada *hotspot* tersebut untuk ada pengurangan kes tersebut di situ. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Tuan Speaker, soalan 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : **KILANG HARAM DI SUNGAI-SUNGAI UTAMA SELANGOR**

9. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah kilang-kilang haram di tebing Sungai Selangor, Sungai Langat, Sungai Semenyih dan sungai-sungai utama yang lain yang merupakan sumber air mentah untuk loji rawatan air di Selangor?
- b) Berapakah yang telah ditutup oleh Kerajaan Negeri semenjak 2014?
- c) Sila senaraikan (b)

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Damansara Utama. Daripada bancian yang telah dibuat oleh Pejabat Tanah/Daerah dan juga Pihak Berkuasa Tempatan jumlah lot yang terlibat dengan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran adalah sebanyak 2,978 lot. Sepanjang tempoh program ini, sebanyak 1,333 lot telah mengemukakan permohonan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,087 telah diluluskan. Selepas berakhirnya program ini pada 31 Disember 2015 PTD dan PBT tidak dibenarkan memperbaharui sebarang permohonan lesen perniagaan dan permit khas tanah kepada peserta. Pemilik tanah dan pengusaha kilang yang tidak memohon atau tidak menyelesaikan keperluan kelulusan yang disyaratkan adalah tertakluk kepada tindakan-tindakan penguatkuasaan seperti mana yang digariskan dalam Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974.

Ekoran daripada isu pencemaran air Semenyih baru-baru ini, MPKj telah membuat bancian berkenaan kilang-kilang yang terletak berhampiran Sungai Semenyih. Maklumat yang diperolehi oleh MPKj memaklumkan bahawa sejumlah 35 premis telah diperiksa di sekitar kawasan berhampiran Sungai Semenyih. Daripada jumlah tersebut sebanyak 14 buah premis mempunyai kelulusan pelesenan, 7 buah premis mempunyai kelulusan kebenaran merancang dan 6 buah premis mempunyai kelulusan pelan bangunan yang telah diluluskan oleh MPKj manakala sebanyak 8 buah premis beroperasi tanpa kelulusan. Bagi kilang-kilang yang berhampiran dengan Sungai Langat dan Sungai Selangor, PBT yang berkaitan dalam proses mengenal pasti kilang-kilang yang terlibat untuk pengumpulan maklumat. Pihak Berkuasa Negeri tidak akan membenarkan sebarang aktiviti pengilangan baru berhampiran sungai-sungai utama bagi mengelakkan pencemaran berlaku. Tindakan tegas akan dikenakan kepada pemilik tanah dan pengusaha sekiranya tidak mematuhi arahan ataupun undang-undang berkaitan. Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan kebersihan sungai-sungai bebas daripada pencemaran, satu jawatankuasa induk di peringkat negeri iaitu Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor antara lain untuk memantau kualiti air dan aktiviti di sepanjang sungai-sungai utama di Negeri Selangor. Selain itu juga penguatkuasaan bersepadu oleh pelbagai agensi Kerajaan Negeri seperti PBT, Pejabat Daerah, JAS, LKIM, LUAS dan lain-lain sering dijalankan bagi memastikan hasrat kerajaan dalam menjaga kebersihan sungai dan pantai di Negeri Selangor terjamin. Beberapa cadangan penambahbaikan kawasan

Sumber Air Mentah di Negeri Selangor dibincangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang mana merangkumi :-

- 1) Meningkatkan kekerapan penguatkuasaan di kawasan di lembangan Sungai Air Menta
- 2) Menambah bilangan dan meningkat teknologi alat ujian dan pemantauan penguatkuasaan
- 3) Menempatkan semula kilang-kilang di tepi sungai dari hulu ke hilir sungai
- 4) Jika penempatan semula tidak dapat dijalankan, para pengusaha kilang disyaratkan untuk menyumbang dana untuk membina, mengurus dan menyelenggara lembangan sungai bersepadu khas yang dapat merawat pembuangan efluen
- 5) Satu sistem CCTV untuk meneliti perparitan sisa-sisa yang disalurkan keluar
- 6) Air Selangor untuk menubuhkan pasukan penguatkuasa khas untuk meronda di kawasan Lembangan Sungai Air Menta disyorkan pasukan ini terdiri daripada bekas askar dan bekas pasukan keselamatan negara.

Sekian.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Saya nak tanya sama ada 8 kilang haram di Sungai Semenyih sudah ditutup yang dikenal pasti dan yang kedua adalah Sungai Langat dan Sungai Selangor seperti apa yang EXCO katakan sudah ada bancia. Apakah statistik kilang haram di Sungai Langat dan Sungai Selangor dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih Damansara Utama. Untuk 8 kilang yang tanpa kelulusan di sepanjang Sungai Semenyih, pihak MPKj telah mengeluarkan notis dan juga kompaun kepada kilang-kilang tersebut. Saya ada maklumat dan juga laporan di sini kalau Yang Berhormat berminat saya akan hantar satu salinan kepada Yang Berhormat. Tentang di Sungai Selangor dan juga Sungai Langat seperti apa yang saya nyatakan tadi bahawa pihak berkuasa yang berkaitan masih dalam proses untuk menjalankan siasatan di sepanjang sungai. Laporan itu belum lagi dikemukakan kepada Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Seri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO adakah Yang Berhormat mempunyai senarai kilang-kilang haram yang paling banyak aktiviti-aktiviti yang boleh mencemarkan sungai air mentah di Negeri Selangor.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih Yang Berhormat. Maklumat terperinci yang kita ada sekarang ialah di sepanjang Sungai Semenyih. Laporan yang saya ada pada hari ini adalah *inventory* kilang di sepanjang ini adalah fasa pertama yang dilakukan oleh pihak MPKj dan saya dapati bahawa untuk fasa kedua di peringkat MKPj adalah sebanyak 58 jumlah dia sudah dapat dikenal pasti oleh MPKj dan saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa maklumat secara terperinci ada di dalam laporan ini dan saya ingin menegaskan bahawa bukan sahaja kilang haram ataupun kilang yang tanpa lesen berpotensi untuk mencemarkan sungai tetapi juga ada yang sebahagian kilang yang lesen juga mungkin ada potensi seperti industri yang memproses bahan-bahan logam dan juga bahan-bahan kimia yang mungkin akan memberikan kesan kepada sungai di Negeri Selangor ini tetapi degan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan juga agensi-agensi daripada Kerajaan Pusat kita telah memberi arahan kepada semua supaya mempertingkatkan pemantauan di sepanjang sungai di Negeri Selangor.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ : Terima kasih, saya ingin bertanya EXCO tadi 8 kilang telah di bagi notis, boleh dipercerahkan apakah jenis notis ataupun hukuman yang dikenakan pada 8 kilang itu.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Semenyih. Tindakan penguatkuasaan yang laporan yang saya dapati adalah daripada Jabatan Perancang Pembangunan jumlah notis telah dikeluarkan ialah 28 dan untuk kawalan bangunan jumlah notis 26 dan jumlah kompaun 26, kejuruteraan jumlah notis 2, jumlah kompaun 1, pelesenan dan penjaja jumlah notis 8 dan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam 8, penguatkuasaan jumlah notis 2 dan jumlah kompaun 9 dan laporan polis 1 dan ini adalah *detail* tentang tindakan.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO kerana memberi penjelasan tentang pemutihan kilang haram. Seperti apa yang disebut tadi hampir separuh daripada proses pemutihan kilang haram Selangor telah berjaya diputihkan. Soalan saya, adakah kerajaan mengambil pengajaran daripada pencemaran sungai yang kita kenal pasti ia sebagai salah satu puncanya adalah daripada kilang haram. Adakah kerajaan bercadang ataupun atau pun mempunyai perancangan untuk meletakkan zon tertentu kilang-kilang ini supaya ia sebelum *effluent* daripada kilang-kilang ini dikeluarkan ke sungai atau lembangan sungai ia dipusatkan di dalam satu pusat supaya dapat dirawat dan akhirnya sungai kita dapat di kawal kualiti air.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Tanjung Sepat. Boleh saya kata begitu bahawa kita akan memastikan kilang yang berlesen, yang berisiko tinggi, yang akan mengurangkan *effluent* mereka perlu membuat rawatan sebelum *effluent* itu keluar daripada kilang mereka dan kedua untuk kilang haram yang tepi ataupun berhampiran dengan sungai kita akan mengambil tindakan tegas pindahkan mereka keluar daripada tempat-tempat berhampiran dengan sungai. Kita masih di Selangor sekarang tidak ada satu tempat yang khas untuk industri berisiko ini untuk tempatkan kepada satu tempat yang khas untuk mereka. Memang tak ada satu kawasan industri yang begitu.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya diberitahu kita ada operator kilang haram ini yang diberi notis 28 notis, kompaun 26 kali, tidakkah kerajaan berani mengambil tindakan yang lebih tegas selepas daripada itu. Sampai bila kita nak kompaun dan notis dalam masalah kilang haram ini.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Paya Jaras. Kita ada mengezonkan beberapa kawasan khas yang kita boleh putihkan mereka. Yang kilang haram yang berada di zon perindustrian, kita akan membenarkan mereka diputihkan dan mengeluarkan lesen kalau mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Tapi untuk kilang-kilang yang tidak berlesen dan di kawasan zon yang tidak sesuai seperti di zon pertanian, zon perumahan ataupun di tepi sungai. Kerajaan Negeri bukan sahaja memberikan notis kepada mereka, kompaun kepada mereka, ada yang kita telah merobohkan mereka seperti apa yang kita lakukan di kawasan MPSJ, Kampung Aman dan sebagainya. Tapi ada satu kekangan bila kita robohkan biasanya ada wakil rakyat ataupun Ahli Majlis yang berkaitan mereka cuba untuk hentikan, itu adalah kekangan yang kita adakan pada masa ini, sekian.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin nak bertanya Y.B. EXCO bagaimana kita nak memastikan *effluent* daripada kilang ataupun pelesenan tanpa berlesen mematuhi syarat, agensi manakah yang memantau? Adakah PBT atau agensi lain?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Yang ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah agensi Kerajaan Pusat.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Puan Speaker, soalan nombor 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : INSENTIF KERAJAAN UNTUK SOKONG USAHA SENI KEBUDAYAAN
TRADISIONAL**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah insentif yang boleh diberi kepada aktivis seni budaya tradisi Melayu yang mempunyai bakat tetapi tidak kewangan untuk melonjakkan lagi pencapaian potensi dan sekali gus mewariskan kepada golongan muda, seperti pasukan gamelan, silat dan perkaitan tradisi ?
- b) Bantuan kewangan Kerajaan Negeri?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Speaker. Selat Klang bertanyakan berkaitan tentang insentif kerajaan dan sokong usaha Seni Tarian Tradisional ataupun Sesi Budaya Tradisi Melayu. Kerajaan Negeri sentiasa mengenal pasti kumpulan aktivis seni budaya tradisi Melayu yang beridentitikan Selangor yang berpotensi untuk meningkatkan warisan Selangor hingga ke akar umbi khususnya di kalangan NGO. *STANDCO-STANDCO* yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri seperti *STANDCO* Adat Melayu dan Warisan dan *STANDCO* Kebudayaan boleh menjadi platform untuk penganjuran program-program bersama ataupun untuk menyalurkan dana dan bantuan kewangan yang disalurkan oleh aktivis seni budaya tradisi Melayu ini. Pihak aktivis seni budaya tradisi Melayu yang berminat bolehlah mengemukakan kertas cadangan ke *STANDCO* bersesuaian

untuk membuat permohonan dan *Insyallah* boleh dipertimbangkan. Bantuan kewangan yang diberikan adalah melalui bantuan kewangan yang disalurkan oleh *STANDCO* seperti dana, sumbangan NGO-NGO. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Saya nak tahu adakah satu unit khas khusus di PADAT ini mencari itu kalau dia dah tahu PADAT ini tapi adakah satu unit khas yang pergi mencari di seluruh pelosok di Negeri Selangor supaya mereka boleh memanfaatkan itu. Mungkin daripada ketua-ketua kampung, orang daripada pendalaman mungkin tidak kenal PADAT.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Selat Klang. Saya kira inisiatif Program Karnival Kampungku Kesayanganku adalah salah satu inisiatif bagaimana *STANDCO* atau agensi-agensi bawah *STANDCO* ini kita bawa bersama-sama ke setiap daerah dan daripada situlah juga kita mengenal pasti aktiviti-aktiviti aktivis seni budaya tradisi Melayu termasuklah seperti cempuling, silat dan juga permainan tradisi-tradisi yang lain. Dan kita juga menerima pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan daripada Ketua-ketua Kampung ataupun Ahli-Ahli Dewan Negeri daripada Pusat Khidmat Masyarakat. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTIN MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTIN MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA RUMAH PANGSA LAMA

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah progress kerja projek pembangunan semula Rumah Pangsa Lama yang dikenal pasti di Shah alam, Petaling Jaya dan Hulu Klang?
- b) Apakah kriteria pemilihan Rumah Pangsa Lama untuk projek pembangunan semula tersebut?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Taman Medan Yang Berhormat . Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat pada

masa ini Kerajaan Negeri Selangor melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ataupun PKNS telah mengenal pasti 3 Projek Rumah Pangsa lama untuk tujuan pembangunan semula. Ketiga-tiga projek tersebut adalah Rumah Pangsa Seksyen 16 Shah Alam, Rumah Pangsa Seksyen 17 Petaling Jaya dan Rumah Pangsa Jalan Enggang AU2 Keramat Hulu Klang yang melibatkan 2,038 unit. PKNS telah melantik pemaju dan kontraktor bagi menjalankan pembangunan tersebut sehingga kini kerja-kerja fizikal di tapak masih belum dijalankan dan masih di peringkat perundingan untuk mendapatkan persetujuan daripada penduduk. Status semasa pelaksanaan di ketiga-tiga projek tersebut adalah :-

- 1) Perancangan pembangunan tersebut rumah pangsa lama Enggang AU2 Keramat, Hulu Klang, pemaju ataupun kontraktor tersebut adalah Hyper Jati Sdn Bhd di mana unit yang terlibat adalah 688 yang merangkumi 12.49 ekar. Status semasa pelaksanaan telah menerima 16% atau 110 persetujuan daripada penduduk. Usaha mendapatkan maklum balas penduduk masih dijalankan oleh pihak PKNS.
- 2) Adalah cadangan semula rumah pangsa Seksyen 16 Shah Alam yang merangkumi 926 unit dan kawasan 17.32 ekar . Pemajunya adalah Permai 16 Development Sdn. Bhd. Persetujuan penduduk terhadap cadangan pembangunan semula dan pakej pampasan yang ditawarkan telah mencapai 82% atau 757 unit, baki 169 unit. Baki 169 unit masih belum memberi maklum balas. Pemaju dalam proses mengemukakan permohonan tanah untuk tapak unit gantian baru di kawasan seksyen 15 seluas 10 ekar. Perjanjian usahasama antara pemaju dengan PKNS dilanjutkan sehingga Mac 2017.
- 3) Yang ketiga adalah cadangan pembangunan semula rumah pangsa seksyen 17 Petaling Jaya iaitu merangkumi 424 unit dan 15 ekar. Pemaju ataupun kontraktor yang terlibat adalah di KLIS Industries Sdn Bhd. Kajian semula terhadap anggaran kos pembangunan kajian impak trafik ataupun TIA penilaian tanah dan strategi memulakan semula projek pembangunan semula ini sedang dilaksanakan. Dalam proses rundingan memuktamadkan terma-terma dan modul bisnes cadangan usahasama untuk pelaksanaan pembangunan ini. Untuk makluman Y.B. pada masa ini Kerajaan Negeri tidak menetapkan kriteria yang khusus bagi memilih rumah pangsa lama untuk projek pembangunan semula. Namun begitu beberapa pertimbangan akan diambil kira sebagai asas kepada pemilihan rumah pangsa lama dalam menjalankan pembangunan semula seperti keadaan fizikal rumah pangsa yang uzur dan yang melebihi usia 30 hingga 50 tahun. Keadaan infrastruktur yang tidak sistematik serta masalah gejala sosial yang tinggi. Dengan adanya program pembangunan semula rumah pangsa lama ini akan memberikan imej baru kepada kawasan sekitar serta memberikan peluang kepada penduduk

pemilik untuk menikmati kediaman yang lebih selesa dan terancang lengkap dengan kemudahan infrastruktur yang terkini.

Jawatankuasa tetap perumahan telah merangka satu kertas dasar untuk pembentukan satu jawatankuasa khas menangani satu pembangunan semula di Selangor. Kertas itu telah pun siap dan hanya menunggu untuk dibentangkan kepada EXCO. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

III. RANG UNDANG-UNDANG (Rang Undang-undang Perbekalan 2017)

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang perbekalan 2017 semua peringkat.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan, saya ingin menarik perhatian Y.B. semua berhubung perintah Speaker No 1, 2016 yang telah diedarkan kepada ahli-ahli Y.B. sekalian.

Selalunya keistimewaan khas bahas Belanjawan Negeri diberikan kepada Ketua Pembangkang. Tetapi di dalam Dewan Negeri Selangor kita tidak mempunyai Ketua Pembangkang kerana Parti Pembangkang belum lagi menamakan seorang lagi Ketua Pembangkang. Tetapi tidak apa saya buka sesi perbahasan pada pagi ini kepada sesiapa Ahli Dewan Negeri daripada pihak pembangkang yang ingin berbahas dulu. Kalau tidak ada saya jemput Sekinchan. Ada, Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Bukan penyelaras, ini pembangkang, pembangkang, pembangkang yang ingin membahaskan. Berapa minit Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Lebih kurang 20 - 30 minit.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh*, terima kasih tuan speaker yang memberi saya kebenaran pada pagi ini untuk membahaskan bajet Negeri Selangor bagi tahun 2017 dibentangkan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar semalam. Pertama sekali seperti Kerajaan Negeri Selangor saya mewakili rakan-rakan ADUN Barisan Nasional Negeri Selangor tidak mahu ketinggalan untuk merakamkan sembah ucapan tahniah kepada DYMM Sultan Selangor kerana selamat diijabkabulkan dengan Tuanku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin. Kami juga turut

mendoakan kesejahteraan DYMM Tuanku berdua. Semoga terus berbahagia selamanya.

Buat DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah semoga selamat bersemayam dan memerintah Negeri Selangor dengan penuh hikmat, adil dan bijaksana di samping Tengku Permaisuri yang dikasihi.

Yang kedua saya juga mewakili rakan-rakan ADN Barisan Nasional ingin merakamkan sembah ucapan tahniah kepada Tengku Raja Muda Selangor atas pemasyhuran DYTMM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj sebagai Raja Muda Selangor ke-7 yang mewarisi Takhta Kesultanan Selangor.

Saya dapat lihat Kerajaan Negeri Selangor juga berikrar mahu mempertahankan Institusi Raja Berperlembagaan selagi ada bulan dan bintang. Inilah janji Kerajaan Negeri Selangor sekarang. Tetapi saya sangsi dengan ikrar ini kerana Kerajaan Negeri memang sewajarnya mempertahankan institusi di raja. Namun bagaimana dengan pendirian politik dan rakan-rakan politik Y.A.B Dato' Menteri Besar yang perlu menyatakan ikrar yang sama. Ada terdapat sebahagian daripada komponen di dalam pentadbiran Y.A.B. Dato' Menteri Besar matlamat pertubuhan itu untuk menubuhkan konsep demokrasi yang berlandaskan nilai demokrasi sosial di Malaysia menerusi perjuangan sistem Parlimen Berperlembagaan. Maknanya di sini ada isi ataupun niat barangkali untuk tidak mengiktiraf Raja Berperlembagaan kepada Parlimen Berperlembagaan. Ini mungkin Institusi diraja tidak diiktiraf berbanding dengan Barisan Nasional yang terbukti bukan sahaja mendukung dan menjunjung Institusi di Raja malah bertanggungjawab sepenuhnya membela Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri serta memastikan perkara-perkara tentang penubuhan dan fungsi Institusi di Raja dimasukkan serta dimartabatkan. Ikrar memang senang dibuat tetapi harus.....

TUAN SPEAKER : Batang Kali, Sri Muda minta mencelah

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Terima kasih Y.B. Speaker. Tadi Batang Kali ada sebutkan ada parti-parti yang tak diiktiraf. Saya minta dinamakanlah. Tidak boleh menuduh sembarangan seperti itu di dalam Dewan.

Ini pertanyaan bukan peraturan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Kalau tak ingat peraturan saya teruskan.

TUAN SPEAKER : Ya, Sekinchan nak guna Peraturan Tetap Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Saya nak teruskan...

TUAN SPEAKER : Ya Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker Peraturan 36.6 seorang tidak boleh mengeluarkan....

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ketiganya sebagai sebuah parti yang bertanggungjawab.....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Wakil pembangkang duduk dulu...

TUAN SPEAKER : Sekinchanya Peraturan Tetap

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya Peraturan Tetap. *Point order* 36.6. Seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat. Sangkaan jahat tu maknanya menuduh mana-mana parti mengatakan kita tidak setia, mengiktiraf institusi Raja-raja dan sebagainya. Ini sangkaan jahat. Dan menuding jari tanpa bukti sedangkan bahawa pakatan harapan kita DAP dan sebagainya bahawa kita menjunjung semangat perlembagaan di mana Islam sebagai Agama Rasmi dan Institusi Raja kita angkat dan tiada masalah. Tapi ni ada sangkaan jahat. Minta runding pada speaker.

TUAN SPEAKER : Batang Kali nak bagi penjelasan. Ataupun nak Permatang bagi penjelasan. Batang Kali yang bangkitkan Permatang duduk dulu. Batang Kali bagi penjelasan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Saya bagi laluan pada Permatang. Silakan Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih. Saya ingat Sekinchan baca peraturan tu salah tu makna dia. Walaupun peraturan tu tak bersangkaan jahat kepada ahli-ahli Dewan. Saya tak dengar tadi Batang Kali sebut Sekinchan, ataupun Kinrara ataupun mana-mana Kampung Tunku, tak sebut. Jadi tak terpakailah peraturan tu Tuan Speaker.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Bagi saya laluan sambung balik ya. Ok Sekinchan puas hati Sekinchan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Puan Speaker

TUAN SPEAKER : Ya

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Peraturan tetap 88

TUAN SPEAKER : Bagus, 88 ok. *Lets look at 88*

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Interpretasi terhadap mana-mana peraturan itu hendaklah dibuat oleh Speaker bukan oleh Permatang sebagai ADUN.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mereka dah setuju dah Sg. Pinang. Mereka dah setuju dah lah

TUAN SPEAKER : Saya belum setuju lagi Batang Kali tapi Batang Kali sudah bangun. Kalau ucapan Bajet, perbahasan Bajet kita pergi terus kepada polisi. Bila Batang Kali buat perbahasan tak menamakan sesiapa *loose speech* macam tu memang lah akan ada ahli Dewan ini yang akan bangun.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Saya mukadimah Y.B. Tuan Speaker dengan hormatnya saya mengatakan saya mengambil iktibar dari apa yang dicakapkan oleh YAB. Antarabangsa. Dia menjunjung kasih Tuanku, saya pun nak menjunjung kasih. Tetapi saya dapati, saya dapati ada di kalangan kita dalam parti.....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tunjukkan siapa...tunjukkan cakap berani kena cakap jangan tuduh saja cakap siapa

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Bangun Sekinchan mintalah kebenaran....minta laluan

TUAN SPEAKER : Duduk dulu.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Sekinchan minta laluan

TUAN SPEAKER : Batang Kali, Batang Kali, Batang Kali jelas tadi ada menunjukkan bahawa ucapan Batang Kali merujuk kepada Ahli Dewan Negeri yang duduk di sini. Oleh sebab itu Sekinchan bangun dan Sekinchan tak setuju jadi jelaskan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Kalau dia nak tahu saya tak cakap in *particular* dalam orang-orang tertentu ataupun Y.B.-Y.B. tertentu ataupun ADN-ADN tertentu....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, ini Dewan Negeri Yang Mulia bukan pasar pagi bukan pasar malam.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ini saya menceritakan pasal Perlembagaan yang berada ataupun digunapakai oleh Parti berkenaan. Bercanggah, bercanggah dengan deklarasi yang dibuat oleh mereka sendiri. Dalam deklarasi...

TUAN SPEAKER : Batang Kali, baiklah saya tak nak buang masa kita, buang masa perkara yang tak penting tetapi saya bagi teguran supaya spesifik, ok kerana ini adalah perbahasan bajet jadi kita tak nak perbahasan yang tak ada makna yang apa dia Kg. Tunku kalau nak cakap kena guna *mic* ya. Boleh Batang Kali

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Boleh-boleh...

TUAN SPEAKER : Teruskan

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : *Insya-Allah*. Saya sambung. Berlainan dengan Barisan Nasional yang terbukti bukan sahaja mendukung dan menjunjung institusi Di Raja malah bertanggungjawab sepenuhnya

Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker.....Tuan Speaker....minta mencelah...

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Baru nak sambungKota Anggerik, baru nak sambung, speaker baru nak bagi laluan pada saya sekejap

Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI : Bagi ruang sedikit

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Sekejap

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik, Batang Kali tak beri laluan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Penubuhan dan fungsi Institusi Di Raja dimansuhkan serta dimartabatkan. Ikrar memang senang dibuat tapi harus dibuktikan dengan tindakan. Dipihak Barisan Nasional kami telah membuktikan dengan *track record* sebenar sejak hampir 60 tahun yang lalu. Apakah nasib Institusi Di Raja di bawah Pakatan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mohon penjelasan....

TUAN SPEAKER : Batang Kali

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Akan menjadikan perbahasan Dewan Undangan Negeri Selangor pada kali ini sebagai wardah dan platform untuk menyampaikan pandangan buah fikiran dan aspirasi

TUAN SPEAKER : Batang Kali, Paya Jaras minta penjelasan....

***Beberapa Y.B. mohon minta penjelasan tapi tidak dilayan oleh Batang Kali yang meneruskan ucapan beliau.**

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Sehubungan itu kami ADN-ADN BN kekal duduk dan mendengar isi kandungan ucapan bajet Y.A.B. Dato' Menteri Besar pada hari pertama lalu. Kami hormat pada Dewan Negeri dan kami hormat mandat yang diberi oleh rakyat untuk kita mewakili mereka di Dewan Negeri Yang Mulia ini.

Kami mendengar cadangan bajet dengan teliti serta dasar-dasar negeri sebelum kita berbahas bermula hari ini. Kami tak lari macam yang dilakukan oleh MB Gombak dalam Parlimen baru-baru ini. Keempatnya....duduk....duduk....duduk.....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Dia bagi...tak bagi

Y Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Dah nak habis dah....Kami ADN BN bersyukur atas usaha BN selama mentadbir Negeri Selangor sejak Merdeka hingga 2008. BN telah meletakkan asas yang kukuh dalam pentadbiran dan pembangunan sosial negeri ini sehingga diisytiharkan maju pada tahun 2005. Kerajaan Pakatan bermula pada tahun 2008 hanya menyambung usaha tersebut misalnya dengan meningkatkan *reserve* yang sangat dibanggakan. Sehubungan itu tidak hairanlah hari ini dilaporkan *reserve* negeri meningkat sehingga RM3.6 bilion pada 14 Oktober 2016. Jumlah yang sebegini tinggi tidak akan berlaku tanpa asas yang kuat yang dibenakan oleh Barisan Nasional sejak 60 tahun yang lepas. Namun apalah gunanya *reserve* berbilion ringgit....

TUAN SPEAKER : Batang Kali, Sri Muda dan Paya Jaras.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Haaa. Duduk.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SAHFIEI : Sikit je.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Namun apalah gunanya rizab berbilion ringgit tapi rakyat khususnya di Hulu Langat menderita bekalan air terjejas. Apalah gunanya air percuma kalau buka paip, air pun tiada atau bertekanan rendah. Sewaktu perayaan Deepavali baru-baru ini ramai rakyat kaum India yang terjejas persiapan perayaan mereka kerana tiada air. Nilai bekalan air bersih yang konsisten lebih bermakna daripada Air Subsidi 20 meter padu percuma pada mereka ketika itu. Apalah gunanya kalau rizab berbilion ringgit kalau asyik seronok mengira-ngira tetapi rakyat di bawah menderita! Air tiada! Ban pecah! Banjir di kawasan tertentu. Kegiatan ekonomi rakyat tidak rancak seperti yang digembar-gemburkan.

Kelima, sehubungan dengan ekonomi negeri, saya sangsi dengan pengumuman bahawa Prestasi Ekonomi Negeri Selangor bagi Tahun 2017 yang dijangka kekal pada landasan pertumbuhan antara 5 hingga 5.5 peratus. Kadar yang sama Tahun

2016 di ketika pertumbuhan ekonomi negara dan dunia yang sederhana kesan daripada ketidaktentuan ataupun pasaran kewangan di peringkat global yang tidak menentu. Bagaimanakah angka unjuran ini diperolehi? Pihak manakah yang mengeluarkan unjuran ini? Apakah data-data ekonomi yang menyokong dakwaan ini. Ini kerana kedudukan ekonomi dunia yang amat tidak menentu dan yang kedua unjuran mestilah lengkap meliputi semua sektor dalam ekonomi mesti ada data unjuran subsektor-sektor seperti pembuatan, perkhidmatan, pertanian, bukan dikata secara umum sahaja.

Keenamnya, bagi pihak Ahli-Ahli Undangan Negeri Barisan Nasional, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Besar dan kerajaan Selangor yang banyak belajar dan meniru dari inisiatif-inisiatif kerajaan Pusat. Dasar-dasar baik kerajaan Pusat dan cara perbelanjaan bajet berhemah nasional yang dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini nampak baik dan ditiru oleh Kerajaan Negeri Selangor. Saya lihat ia tidak lebih.....

TUAN SPEAKER : Batang Kali perkataan tiru tu ada bukti atau tidak? Kalau tidak memang akan ada Ahli Dewan Negeri akan bangun.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mohon mahu mencelah.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Memang banyak ni.. ni cakap ni tak berasaskan fakta. Mana boleh!

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ada. Tunggu-tunggu. Bila nak habis ni karang-karang dia orang boleh mencelah.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Batang Kali, berani tak??

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ok. Saya tak bagi.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Tak berani...

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Dia boleh dapat jawapan tu bila saya habis bercakap. Jadi saya lihat bajet pada kali ini lebih kepada *reactionary budget*. Bajet yang diulang-ulang daripada Bajet Persekutuan yang ditetapkan dan diterapkan dalam Bajet 2017....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, Peraturan Mesyuarat 36(6)

TUAN SPEAKER : Ya, Kampung Tunku, Peraturan tetap telah dibangkitkan. Batang Kali duduk dulu. Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : 36(6) seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain.. Ahli Yang Berhormat menuduh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebagai meniru... ini sangkaan jahat kerana dasar-dasar yang disebut semalam adalah berlandaskan kepada janji dan manifesto Kerajaan Pakatan Rakyat pada masa itu yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan. Jadi tidak timbul isu tiru-meniru. Saya mohon Yang Berhormat Batang Kali menarik balik dan memperbetulkan kenyataannya.

TUAN SPEAKER : Ya Batang Kali saya bagi peluang untuk menarik balik kerana perkataan yang ditiru ini sangat serius. Bajet Kerajaan Negeri sememangnya berbeza daripada Bajet yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Saya belum habis lagi bercakap. Saya tak tarik balik. Kenapa mesti saya tarik balik. Apakah benda yang akan ditiru atau persamaan. Yang saya nak katakan ini persamaan yang dibuat oleh.....

TUAN SPEAKER : Batang kali, persamaan dan perkataan ditiru tu sangat berbeza.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ini yang saya nak baca ni. Bila saya tengok karang. Haaa tengok..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ikut petua speaker, ikut petua speaker.

TUAN SPEAKER : Batang Kali, Batang Kali jelaskan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Puan Speaker saya minta maaf. Puan speaker mohon saya....

TUAN SPEAKER : Kalau tak jelaskan nanti masuk *hansard*. Saya tak setuju

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Saya akan baca habis. Contoh; Skim Sewa Rumah tu, yang diperkatakan. Sama je. Kita pun buat sewa beli, jadi kalau nak benda-benda tu saya cakap je la nanti di dalam ni Puan Speaker.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, Puan Speaker, saya berdiri di atas peraturan mesyuarat 36. Berkenaan perihal yang sama.

TUAN SPEAKER : Ok. Habiskan, jelaskan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ya. Itu yang saya nak nanti. Sabar. Bagi yang Muslim sabar... *Assoobiriiiin*. Jadi orang yang *sobiriiiin*. Jangan tergesa-gesa. Jangan terloncat-loncat. Sabar yang Muslim ingat *sobiriiiin*. Jadi orang yang *sobiriiiin*. Saya tak la *teror* sangat agama ni tapi boleh la setakat sikit-sikit.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Peraturan mesyuarat 36 sekali lagi dia masuk Smart Sewa, dia bergantung Smart Sewa..

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku duduk dulu. Biar Yang Berhormat Batang Kali jelaskan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Satu kumpulan sasar iaitu satu kumpulan sasar minimum 40. *Bottom 40 half sold income group*. Isi rumah pendapatan 40 peratus terendah berpendapatan kurang RM3000.00. Disebutkan mereka mahu diberikan Skim Peduli Sihat dan dilibatkan dalam bidang perniagaan. Istilah B40 ini telah lama digunakan oleh kerajaan Persekutuan. Nampak? Dalam rancang bajet, khasnya untuk menyasarkan pemberian insentif tertentu kepada kumpulan tersebut. Ternyata Negeri Selangor telah belajar dan mengambil iktibar daripada Persekutuan. Misalnya di Persekutuan program untuk B40. Tolonglah.... Yang Berhormat speaker, saya dah cakap..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, ialah peraturan muka surat 36 (6).

TUAN SPEAKER : Batang Kali duduk dulu. Setiap kali Ahli Dewan Negeri kalau bangkitkan peraturan tetap kita kena dengar. Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tadi, saya pergi secara *specific*. Tadi Batang Kali menyebut tentang satu contoh iaitu kerajaan Selangor tiru kerajaan Persekutuan melalui pelaksanaan program *Smart Sewa*. Saya hendak memetik ucapan Dato' Seri Bukit Antarabangsa tahun lepas dan saya memetik di sini. Tidak timbul tuduhan tiru-meniru. Kerajaan Negeri juga mencadangkan untuk meneruskan Skim DanaSel dengan peruntukan RM10 juta bagi tahun 2016 bagi tujuan membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah melalui kaedah sewa dan milik (*rent and own*)...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Speaker peraturan tetap atau perbahasan? Kenapa ada perbahasan ni? Ini perbahasan.....

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku duduk dulu, Permatang duduk. Kampung Tunku kalau nak bagi Peraturan Tetap terus pada *point of order*. Batang Kali, kita tak ada banyak masa. Saya minta terus kepada perbahasan bajet yang betul-betul memanfaatkan kepada penduduk yang kat luar.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ya kepada Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara yang dibentangkan dan mustahak yang untuk diketahui oleh rakyat umum. Misalnya di Persekutuan program untuk B40, M Suria, Mobile Pruno, Agro Pruno dan sebagainya. Paling penting Kerajaan Persekutuan mampu melaksanakan kerana mempunyai *database* lengkap pendapatan rakyat Malaysia.

Ini telah dibangunkan antaranya melalui permohonan sama ada BR1M, Incom Tax dan sebagainya. Justeru, program itu dapat dilaksanakan dengan berkesan tepat dan adil. Persoalannya bagaimana Kerajaan Negeri mahu melakukan inisiatif terhadap kumpulan B40 ini. Adakah ianya tepat pada kelompok sasar dan pengagihan yang adil. Adakah ia hanya menyasarkan kelompok tertentu untuk meraih sokongan undi seperti Program *Jom Shopping* yang hanya gah nama tetapi tidak adil dan menyeluruh. Itu pun Kerajaan Negeri tidak belajar habis dan tiada inisiatif atau insentif untuk kumpulan berpendapatan pertengahan. M40, pendapatan RM3900.00 sehingga RM8300.00. Mana bahagian untuk kumpulan ini dalam pembahagian *check* Bajet Smart Selangor 2017. Di peringkat persekutuan antara insentif diberikan ialah pelepasan cukai gaya hidup sehingga RM2500.00 bagi bayaran banyak insentif-insentif yang diperkatakan.

Dua, peruntukan bagi penyelenggaraan lif dan pengindahan rumah pangsa kos rendah yang dinaikkan daripada RM25 juta kepada RM55 juta. Sebelum ini Kerajaan Negeri tidak peduli pun soal penyelenggaraan lif. Tetapi apabila Bajet Persekutuan mengumumkan RM300 juta untuk tabung penyelenggaraan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Minta Penjelasan

TUAN SPEAKER : Batang Kali, Kota Anggerik minta Penjelasan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Nak minta Penjelasan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Yang Berhormat Speaker, masa saya singkat. Tak saya nak habiskan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Kalau berani bagi laaa...

TUAN SPEAKER : Saya lanjutkan sepuluh minit. Bagi penjelasan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Bagi penjelasan. Kalau dulu kata tak peduli apasal dulu ada RM25 juta?

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : 2008, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Ceria.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Konsep Sewa Beli Perumahan sebanyak 100 juta tabung amanah untuk Skim Smart Sewa Selangor. Sejak berapa bulan yang lalu Kementerian Kesejahteraan dan Luar Bandar telah pun beria-ria ataupun menguarkan cadangan skim ini dan diumumkan Skim Rumah Transit 1Malaysia iaitu 10,000 unit rumah akan dibina. Inilah yang saya katakan bahawasanya kepentingan perkara-perkara ini nampaknya diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Empat, pemberian khas untuk kakitangan awam. Pihak persekutuan telah umumkan pemberian bantuan khas kepada semua kakitangan awam RM500 dan RM250 untuk pesara pada awal Januari 2017. Dengan lagak hebat Kerajaan Negeri juga umum malah lebih tinggi lagi dengan pemberian dua bulan gaji. Ingatkan pemberian baru tetapi rupanya dah bayar 1.5 bulan pada Julai 2016 dan baki setengah bulan lagi pada Disember 2016. Belum habis lagi. Nampak Kerajaan Negeri hendak tiru lah tu.. macam kerajaan Persekutuan tetapi tidak betul! Tidak jujur! Dan gemar berpolitik dan hanya pandai memainkan perasaan penjawat awam. Kita bercakap fasal bajet 2017. Bukan Bajet dan perbelanjaan 2016. Patutnya umum pemberian untuk tahun 2017. Seperti mana yang berani diumumkan. Juga tidak diumumkan pemberian untuk golongan pesara. Golongan pesara juga tidak diberi dan kakitangan anak-anak syarikat negeri juga telah dilupakan. Jadi kita mohon Menteri Besar untuk mengambil perhatian dan juga untuk memberi kepada pesara-pesara dan kakitangan anak-anak syarikat.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah. Batang kali, Batu tiga jarang mencelah.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Kalau berani bagilah mencelah.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Janganlah baca je.. kita nak mencelah ni. Dia pandai baca teks aja. Batang Kali mohon mencelah. Saya tak faham. Saya tak faham satu perkara jadi saya nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Batang Kali, Batu Tiga minta mencelah.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Nak habis dah. Lepas ni dia orang boleh bahas.

TUAN SPEAKER : Saya bagi teguran kepada semua Ahli Dewan Negeri kena bertanggungjawab terhadap isi ucapan kalau berani cakap memang kena berani menjelaskan kerana Ahli Dewan Negeri semua akan bangun dan minta penjelasan. Ini normal saya rasa.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mereka ada masa untuk berbahas. Jadi dia orang boleh bahas.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya nak minta penjelasan. Kerana saya tak faham.

TUAN SPEAKER : Mereka nak minta penjelasan kerana ucapan Ahli Dewan Negeri kalau tidak dijelaskan akan dimasukkan dalam *hansard*. Generasi masa

depan akan membaca *hansard* dan tak tahu makna. Haa itu sebab kena bertanggungjawab bila membaca isi ucapan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Yang Berhormat speaker saya tidak memberikan laluan buat sementara ni. Mereka boleh buat selepas saya habis.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya mohon penjelasan, sebab nanti saya tak faham susah kita jelaskan kepada penduduk.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga, beliau tidak benarkan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Lima, satu lagi unsur *reactionary budget* ialah berhubung dengan masalah bekalan air dan industri air negeri. Kerajaan Negeri bersedia menggunakan sebahagian rizab negeri. Alhamdulillah. Ini ada usaha ni nak gunakan rizab negeri untuk membangunkan dua loji air iaitu loji rawatan air Semenyih 2 dan loji rawatan air Labuan Dagang yang menelan kos RM800 juta. Nampaknya sudah tenat masalah bekalan air terputus melanda negeri baru hendak bertindak. Sudah terantuk baru mengadap, sudah diketuk baru nak dibuat. Bila projek ini hendak bermula dan selesai? Ini persoalannya. Dari khabar yang baru sahaja saya terima daripada rakan saya, pecah tanah baru dua minggu lepas. Jadi bila nak buat tu? Bila nak selesai masalah air ini, sedangkan masalah air sekarang bukan lagi masalah yang main-main.

Yang keenam, tebatan dan saluran. Kerajaan Negeri mahu menaikkan peruntukan pembangunan JPS kepada RM135 juta berbanding RM80 juta. Sekali lagi rakyat menderita banjir baru hendak membelanja. "Sudah terhantuk baru tengadah, sudah diketuk baru nak buat". Walau bagaimanapun, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada perhatian Y.A.B. Menteri Besar terhadap inisiatif yang dibagi pada kali ini. Untuk di DUN kawasan Batang Kali dah berapa penggal dah saya cakap, saya dah bangkit di sini banjir di Batang Kali tu dah ada tarikh hari jadi. Tiap-tiap tahun hari jadi tu berlakulah banjir. Jadi, saya mintalah kali ini, saya minta daripada Y.A.B. Menteri Besar supaya memberi perhatian untuk memberikan sedikit *allocation* ataupun peruntukan di kawasan DUN Batang Kali yang nampaknya baru-baru ni pun kita dah ada hantar laporan kepada Pengarah Negeri yang anak-anak sungai dia dah mula dah rumput panjang-panjang menutup sungai. Air-air dia dah mula mengalir dalam sungai-sungai yang sangat cetek. Tak diurus dengan baik. Jadi, saya minta sangat Y.A.B. Menteri Besar supaya mengambil perhatian dan memberi sedikit *allocation* untuk kawasan Batang Kali. Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, saya lihat pelbagai janji ataupun jenis bajet yang dikemukakan pada kali ini yang berbentuk sama ada kualitatif ataupun kuantitatif yang disebut oleh Y.A.B. Menteri Besar tapi yang penting saya menyeru kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar *budget being budget*. Maksud saya *promises* mesti dilaksanakan. Suka saya

menyebut di sini mengambil ibrah dari peringatan Surah Al-Saf, ayat 2 dan 3 yang bermaksud “*Wahai orang-orang yang beriman, ya aiyuhallazi na’amanu...mengapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu kerjakan. Itu sangatlah dibenci di sisi Allah apabila kamu mengatakan apa yang tidak kamu kerjakan*”. Jadi ambillah ibrah daripada sini *budget being a budget jadi promises must be a...* minta maaf, janji-janji kotakanlah dengan segera bukan cepat cakap lambat bertindak. Laksanakanlah janji dengan sebaiknya, kita akan terus perhatikan segala janji dengan terperinci dan membangkitkan isu selari dengan kepentingan rakyat. Kami, ADN Barisan Nasional menilai kriteria-kriteria dalam bajet 2017 Negeri yang dibentangkan dan jangan hanya tinggal slogan *smart* sebab saya tak mahulah nanti macam kita sekolah-sekolah dulu bila kita *smart, we study smart* maknanya kita nak lulus periksa sahaja tetapi ilmu sebenarnya tak ada. Jadi, jangan kita ambil slogan *smart* semata *to be a smart person*, itu saja. Tapi hanya bijak menggugulkan rakyat, *smart* beretorik, bercakap macam-macam, janji macam-macam, bila suruh buat lambat nak buat kerja ya, *smart* bercakap beretorik tapi tidak praktikal dan bajet tidak sampai ke kelompok sasaran. Jadi, kepada Kerajaan Negeri suka saya menyeru untuk memastikan bajet yang kita uruskan pada kali ini menepati sasaran, adil dan dapat dirasai oleh semua golongan ataupun *level* rakyat mengikut pendapatan ataupun pendapatan isi rumah masing-masing. Dan yang akhir sekali, yang akhir sekali saya nak menyebut dua (2) perkara iaitu mengenai dengan bajet untuk universiti. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1 juta untuk hal yang dikatakan bahawasanya Kerajaan Persekutuan tidak cenderung untuk terus membantu universiti-universiti ini apabila bajet RM13 bilion sebelumnya diturunkan kepada RM12 bilion iaitu lebih kurang RM1 juta je, tak banyak. Tanpa memahami bahawasanya apa yang kita perjuangkan selama ini iaitu setiap universiti ada autonominya sendiri dalam pengurusan termasuk dari aspek pengurusan kewangan, dan itu satu perkara. Perkara yang kedua yang saya nak perkatakan kat sini ialah kenapa Kerajaan Negeri hanya mengkhususkan RM1 juta itu untuk mereka yang belajar di sekitar Selangor sahaja, iaitu di universiti UiTM, UKM, UIA, UPM? Apa khabar dengan anak-anak Selangor yang belajar contoh di UTM Johor? Apa khabar anak-anak Selangor di UiTM Kangar? Jadi, terangkanlah, terangkanlah apa sebenarnya RM1 juta ini untuk siapa dan apakah dia melata ke seluruh negara? Ini sangat penting untuk kita tafsirkan dengan betul dan *smart*. Yang kedua, mengenai dengan *Smart Bus*. *Smart Bus* kita bagi RM20 juta tambahan. Apa dah jadi dengan pelan *Blue Print* Pengangkutan Awam kita? Janji dulu enam bulan sampai sekarang kita tak ada lagi pelan pengangkutan. Kita tau *Smart Bus* ni dia punya laluan terhad. Tak bolehlah kita gunakan ini semata-mata untuk mengurus masalah pengangkutan awam di Negeri Selangor. Bagi saya, pelan *Blue Print* yang dijanjikan itu mesti diikhtiarkan betul-betul dan ditunjukkan pada dalam Dewan ini untuk dimaklumkan kepada rakyat secara keseluruhan. Ini tidak. Ini yang saya katakan cakap cepat tapi buat lambat. Inilah satu daripada contohnya.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Minta celah.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Dan saya juga nak tahu adakah pelan itu ataupun *rapid* bas ini ataupun *Smart Bus* ini telah benar-benar menyuraikan jem di jalan raya yang ada di Negeri Selangor ni pada hari ini? Jadi, perkara-perkara ini penting untuk kita benar-benar ambil perhatian dan semoga...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon mencilah.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Kerajaan Negeri ambil perhatian...

TUAN SPEAKER : Batang Kali, Bukit Gasing minta.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Haa....sila. Nak sangat.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Berkali-kali dalam Dewan ni kita dah bincang SPAD sepatutnya membekalkan pengangkutan awam kepada Selangor. Kenapa SPAD tidak membekalkan kepada Selangor, kepada Lembah Klang seperti mana mereka buat di Seremban, di Kuantan, di Kangar dan sebagainya? Ini diskriminasi Kerajaan Barisan Nasional di Putrajaya.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Itu tuduhan melulu tu. Bangkitkan Peraturan Dewan tadi yang *expert* nak bercakap pasal Peraturan Dewan. Semua orang bercakap pasal Peraturan Dewan yang sama menuduh saya tanpa bukti. Sekarang ini...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Saya menuduh, saya memberi justifikasi kepada tuduhan saya. Tolong jawab.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Apa? Itu tuduhan jahat. Itu satu tuduhan jahat.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Tapi itu benar.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Sebab apa...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Ada tak fakta kata ia salah?

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Sebab sekarang usaha untuk menyuraikan apa ni, jem ataupun kesesakan di seluruh Negeri Selangor ni Kerajaan Pusat dah buat banyak. LRT, komuter, jalan bersambung-sambung...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Tidak buat cukup. Tidak buat cukup.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Tak cukup?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mana bas?

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Itu sebabnya saya tanya Tuan. Y.B. Speaker, duduk saya terangkan. Itu sebabnya saya bangkitkan hari ini, mana *blue print* tindakan penyuraian jem berkenaan? Enam (6) bulan dijanjikan...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Bukankah *blue print* itu sepatut dibuat oleh SPAD?

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Enam (6) bulan dijanjikan. Naik je jadi Y.A.B. Menteri Besar Selangor cakap enam (6) bulan, dalam masa enam (6) bulan kami nak selesaikan. Kami akan keluarkan *blue print*. Mana dia *blue print* dia? Mana? Ini yang saya nak tanya. Bukan saya nak marah. Maaf Bukit Gasing ya. *As sobirin...*cuma nak bertanya. Mana *blue print* dia? Sebab kesesakan makin hari makin bertambah. Tengok orang-orang Selangor yang beli nombor plat B ni dah bertambah-tambah dah. Semua datang ke Selangor duduk. Maknanya ni kereta makin hari makin banyak. Kerajaan Pusat dah buat macam-macam dah tapi orang nak beli kereta juga. Penyuraian tu mana *blue print* nya? Ini yang saya nak cakap. Jadi, tolong tunjukkan *blue print* ni kepada kami. Itu soalan dia. Yang satu lagi, sebelum itu saya nak mohon sedikit...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Batang Kali, minta penjelasan. Penjelasan sahaja.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Kepada Y.A.B. Menteri Besar. Saya ucap terima kasih nampaknya pelancongan mendapat bajet agak besar kali ni. Mungkin disebabkan Yang Berhormat kita daripada Bukit Lanjan kot, dia suka ikut Nazri Aziz maka hari ini bajet kita pun tinggi untuk pelancongan. Daerah Hulu Selangor...Daerah Hulu Selangor lebih kurang RM7 juta tahun ni kan? Jadi, Daerah Hulu Selangor tahun depan kami nak, walaupun kami bukan kerajaan PBT ataupun kerajaan yang memerintah tetapi atas dasar saya sebagai rakyat Hulu Selangor, saya mohon kepada Y.A.B. Menteri Besar supaya memberi *allocation* yang cukup bagi kami menyambut hari *tourism* ataupun pelancongan, tahun pelancongan tahun depan bagi Daerah Hulu Selangor dan kita, saya rasa Bukit Lanjan dan saya dah banyak dah pergi tengok kawasan-kawasan yang menarik sehinggakan bukit-bukit pun kami panjat bersama-sama. Tak ada apa-apa hal cuma kami pergi tengok kawasan je. Jadi, kami pergi menengok kawasan, kawasan pelancongan. Saya minta kepada Y.A.B. Menteri Besar kalau boleh, kalau boleh untuk tahun yang akan datang ni sempena Tahun Melawat Hulu Selangor kita mintalah sedikit bajet untuk melengkapkan infrastruktur di Bukit Batu Pahat di mana dia telah menjadi gelanggang popular untuk *paragliders*. Jadi, kita pun telah menganjurkan, saya nampak kumpulan kelab-kelab *paragliding* di sana telah pun menganjurkan *International Paragliding Event* di sana dan ramai peserta-peserta luar negara yang

hadir dan saya sempat bertemu dengan mereka dan saya gembira untuk bertemu dengan mereka dan mereka mengatakan bahawasanya di Kuala Kubu itu ataupun Bukit Batu Pahat itu merupakan satu lokasi yang begitu *strategic and the best in Asia, so far*. Jadi, bila saya berpendapat begitu kerana dia boleh pergi hampir kepada 30 km terbang dan dia punya *landing spot* dan *emergency landing spot* di keseluruhan tempat itu sangat sesuai. Dan, kita ada stadium mellenium di sana yang sesuai untuk dijadikan tapak sebagai *landing spot* bagi *paragliding international* ini. Jadi, saya mohon kepada Kerajaan Negeri supaya melihat aspek ini dan memberi sedikit bantuan yang sesuai untuk kami menyambut Tahun Melawat Kuala Kubu ataupun Daerah Hulu Selangor. Yang akhir sekali Y.A.B. Speaker, saya melihat ataupun mendengar kata Y.A.B. Menteri Besar dengan teliti, dia mengatakan bahawasanya Bajet Pembangunan Persekutuan cuma RM18,000.00. Kita sedang menguruskan projek-projek yang telah pun kita rangka, yang telah kita mulakan maka kali ini 18% saja diperuntukkan untuk pembangunan dan ini juga sesuai dengan *claim-claim* ataupun yang dikatakan ketirisan berlakulah. Saya harap bila projek ini kurang perkataan-perkataan ketirisan itu juga akan menjadi kurang. Tetapi, berlainan di Negeri Selangor dia meningkat mendadak hingga 52.2%. Saya bimbang, bukan saya tidak suka kepada pembangunan. Saya menyeru juga kepada Kerajaan Negeri untuk menitikberatkan pembangunan tetapi ada satu perkara kebimbangan saya yang saya merayu kepada Y.A.B. Menteri Besar supaya benar-benar mengikuti perkembangan pelaksanaan pembangunan ini supaya tidak ada ketirisan kerana dia punya percuturan untuk pembangunan bajet kali ini sangat tinggi dan kita tidak mahulah melihat, kita tidak mahu melihat 52.2% ini menjadi *starter kick back* untuk penyediaan wang pilihan raya akan datang. Jadi, tolong tafsirkan dengan betul perkara itu dan tolong ambil berat mengenai perkara ini. Dan akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Speaker yang banyak membantu memberi laluan kepada saya untuk terus bercakap dan terima kasih kepada semua ADUN-ADUN Dewan yang sudi ataupun bersabar dalam masa saya membahaskan ucapan dasar saya. Terima kasih banyak-banyak. *Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh*.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Puan Speaker. Sebelum itu Peraturan Tetap. Peraturan Tetap 26(1h). Izinkan saya bacakan. "Kecuali jika ada syarat lain dalam Peraturan Tetap ini, Usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul yang tersebut di bawah:

(h) menyatakan bahawa Usul hendaklah menggantung kerja seseorang sebagai ahli. Maka berdasarkan ini, saya mengusulkan untuk menggantung Batang Kali sebagai ahli untuk satu tempoh yang ditetapkan oleh Puan Speaker atas alasan bahawa; beliau telah mengeluarkan tuduhan yang sangat serius menyatakan bahawa Bajet Negeri telah meniru atau ia telah dia gunakan perkataan 'tiru' bajet Kerajaan Persekutuan. Apabila telah diarahkan oleh Speaker untuk memberi penjelasan dan

bantahan telah diberikan oleh Kampung Tunku dan Ahli-ahli yang lain, tiada penjelasan telah diberikan. Saya rasa perkara itu perlu diambil berat. Itulah perkara yang sangat serius. Saya rasa perlulah kita mengambil satu tindakan terhadap ahli yang sebegitu, tidak bertanggungjawab langsung. Itu sangat serius dengan tuduhan berkenaan dengan fakta bukan terjemahan. Ini bukan sesuatu yang boleh diterjemahkan. Puan Speaker, tadi saya mengusulkan saya mohon sokongan daripada rakan-rakan saya. Terima kasih Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Pandamaran, selalunya usul begini dibawa oleh Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan, tetapi tidak apa, Dewan Negeri Selangor mengamalkan sikap terbuka. Saya rasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri nanti boleh menjawab segala penjelasan ataupun skrip ucapan Batang Kali tadi, saya rasa ini.. Ya, Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Puan Speaker, saya rasa kalau penjelasan tidak diberikan dengan serta-merta, dia bukan sahaja akan mengelirukan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tetapi dia juga boleh akan mengelirukan media di luar dan juga rakyat di luar. Jadi, saya rasa penjelasan perlu diberikan dengan serta-merta, kalau tidak efeknya tidak ada. Jadi.....

TUAN SPEAKER : Batang Kali

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Jadi, dia telah diberikan peluang untuk memberi penjelasan tetapi beliau gagal. Ini bermaksud beliau mengakui secara tidak terus bahawa tuduhan itu adalah tidak berasas. Itu merupakan satu bohong. Jadi, saya rasa tindakan serta-merta perlu diambil terhadap Ahli Yang Berhormat sebegitu.

TUAN SPEAKER : Batang Kali nak bagi penjelasan tak. Tadi kata, dalam ucapan tadi kata selepas penjelasan akan jelaskan bahawa ucapan bermaksud persamaan bukan "tiru". Batang Kali. *Mirkrophone*.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Minta maaf Yang Berhormat Speaker. Mungkin dia tak ikuti saya punya ucapan dengan betul, dengan teliti ataupun kurang mahir berbahasa Malaysia.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Tak apalah Puan, Puan Speaker, saya rasa dia buat tuduhan lagi

TUAN SPEAKER : Batang Kali, Batang Kali

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sebenarnya

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam duduk dulu. Batang Kali, Pandamaran sekarang membangkitkan Peraturan Tetap 26. Saya minta Batang Kali bagi satu penjelasan

aje, senang sahaja. Kata tak bermaksud untuk menuduh Menteri Besar meniru bajet Perdana Menteri, itu sahaja.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker, saya ingin mencelah sekejap. Tadi Puan Speaker dah buat kenyataan

TUAN SPEAKER : Duduk dulu Permatang, duduk dulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Puan Speaker dah keluar kenyataan. Minta Kerajaan Negeri jawab

TUAN SPEAKER : Batang Kali, Permatang duduk dulu.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Tuan Speaker, Permatang macam peguam. Dia nak

TUAN SPEAKER : Permatang duduk dulu. Batang Kali

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Dia nak mewakili Batang Kali beberapa kali, kalau tak dibenarkan saya juga ingin mohon mewakili untuk rakan-rakan saya

TUAN SPEAKER: Batang Kali

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tiru yang baik apa masalahnya saya dah jelaskan tadi, jadi tak payah ulang-ulanglah. Apa salahnya Kerajaan Negeri tiru Kerajaan Persekutuan

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Dia Ketua Pembangkang

TUAN SPEAKER : Permatang duduk dulu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tiru yang baik. Pandamaran jangan bimbang

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Ketua pembangkang.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tiru yang baik, rakyat boleh menilai ke

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Dia hanya, dia

TUAN SPEAKER : Batang Kali, jelaskan kepada Pandamaran. Dalam dua ayat. Saya dah bagi 40 minit untuk perbincangan Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Okeylah, kita tukarlah, ikut Pandamaranlah. Kita kata persamaanlah. Okey, terima kasih.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Saya pohon dia tarik balik perkataan 'tiru' itu dan minta maaf kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tak payahlah.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sudahlah, orang dah cakap persamaan, apa lagi

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Saya rasa setiap Ahli Dewan bertanggungjawab kepada semua

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Eh... tiru yang baik

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Kepada semua pernyataan yang dinyatakan di dalam Dewan ini.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Okey

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Berapa banyak sangkaan-sangkaan jahat

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Jangan suka-suka hati membuat tuduhan, yang nak di buat, kalau nak buat, buat di luar tak pe. Tindakan undang-undang boleh diambil

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Okey

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Bahaslah, Pandamaran sudahlah. Sangkaan baik.

(Dewan bergaduh)

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Puan Speaker, saya yang membawa usul. Saya yang membawa usul, faham tak

TUAN SPEAKER : Semenyih, tolong duduk. Sungai Air Tawar tolong duduk.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Saya pembawa usul.

TUAN SPEAKER : Semua diam. Sungai Air Tawar. Saya kata, semua diam. Saya hanya nak dengar Permatang dengan Pandamaran. Permatang bangun sekali. Permatang, eh.. maaf. Batang Kali. Permatang tolong duduk. Batang Kali.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Batang Kali.

TUAN SPEAKER : Batang Kali, jelaskan sekali lagi apa maksud ditiru tadi. Senang sahaja.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Dah ku cakap tadi, tak dengar juga, Allahuakbar. Tak faham-faham, ini yang susah ni.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Puan Speaker, saya rasa kita jelas lihat sikap Batang Kali dan itulah saya bawa usul itu.

TUAN SPEAKER : Baiklah, Pandamaran duduk dulu.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Saya belum habis bercakap, tak sabar

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Mohon isu diteruskan.

TUAN SPEAKER : Pandamaran duduk dulu.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Sabarlah Yang Berhormat. Yang Berhormat Speaker, mereka tak sabar.

TUAN SPEAKER : Batang Kali, cakap cepatlah, dua ayat sahaja. Tak susah.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : saya dah cakap satu ayat tadi, tak banyak ayat pun persamaan dan saya tidak mengatakan tak tarik apa-apa. Terima ajelah benda tu sebagai

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Cek dengan kamus. 'Tiru' dengan 'persamaan' sama maksud ke.

(Dewan bergaduh)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Kalau nak ikut, dia bersangka jahat.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Speaker dalam Dewan Negeri ini bukan macam Speaker dalam Parlimen. Dia boleh suka-suka dimainkan oleh Barisan Nasional.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Pandamaran membuat tuduhan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Itu sudah satu tuduhan yang melampau. Kita minta dia tarik balik Yang Berhormat

(Dewan bergaduh)

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Paya Jaras, tolong duduk.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Saya nak duduklah

TUAN SPEAKER : Dengkil. Saya nak ingatkan Ahi-ahli Yang Berhormat semua. Kita ada siaran langsung, ramai pengundi di luar sedang mengikuti perbahasan bajet hari ini, pagi ini. Baiklah, Batang Kali telah menjelaskan bahawa beliau tidak berniat untuk mengatakan bahawa Menteri Besar meniru Bajet Perdana Menteri. Batang Kali telah menjelaskan bahawa bajet ada persamaan. Kita semua setuju.

DEWAN : Setuju.

TUAN SPEAKER : Okey, Sekinchan. Sekinchan silakan dengan perbahasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan kakitangan kerajaan serta para pemerhati yang saya muliakan. Salam sejahtera, salah bersih serta salam reformasi untuk semua. Dalam Dewan yang mulia ini Sekinchan ingin turut serta dalam perbahasan belanjawan 2017 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada Persidangan Ke-3 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Selangor yang Ke-13 ini semalam. Sebelum saya, Tuan Speaker, saya teruskan dalam perbahasan saya, ingin saya balas ye mengenai apa yang dilontarkan, dituduh oleh Batang Kali. Tetapi nampaknya Batang Kali dia nak pergi keluar, ke luar untuk buat PC lagi seperti Sungai Panjang dulu. Ini helah mereka. Apabila mereka buat kecoh, kemudian mereka akan keluar ke luar Dewan dan suruh TV3 dan sebagainya

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ini sangkaan jahat ini

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Untuk buat PC dan sebagainya. Tengok, kalau ada, ada kat situ. Ha.... baru balik dan terima kasih

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Orang tak sempat minum tadi, tak boleh bawa air dekat sini Yang Berhormat Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya... terima kasih, terima kasih.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ini bersangka jahat,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini kerana...

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Tarik balik, tarik balik..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tidak...

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Bersangka jahat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya ucapkan terima kasih kepada Batang Kali kerana dia telah balik

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Tarik balik, tarik balik.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sebelum ini memang begitu. Sebelum ini memang mereka akan keluar akan buat PC. Ini kenyataan. Ini fakta bukan auta.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Nak minta laluan, nak minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sudahlah, tetapi sekarang saya ucapkan terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Batang kali terima kasih, sudah balik.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Sekinchan minta penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Mengikut Peraturan Tetap

TUAN SPEAKER : Sungai Burong duduk dulu...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Duduk, duduk..

TUAN SPEAKER : Permatang, Peraturan Tetap..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker. Peraturan 36(6) seorang Ahli tidak boleh menjangka jahat. Sekinchan, Batang Kali ada kat sana. Tadi tuduh Batang Kali nak keluar buat PC, Batang Kali ada dekat situ. Saya ingat Sekinchan kena tarik balik. Speaker, saya minta Sekinchan tarik balik sangkaan jahat itu.

TUAN SPEAKER : Permatang duduk dulu. Tadi memang Batang Kali selepas perbahasan Batang Kali ada keluar sekejap. Jadi, sekarang untuk menjelaskan bahawa bukan sangka jahat, saya minta Batang Kali jelaskan. Tadi selepas perbahasan kenapa keluar.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Pergi *toilet*, sebab nak pergi *toilet*.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Alhamdulillah, satu permintaan yang baik daripada Yang Berhormat Speaker, Alhamdulillah, Syukur. Itulah tuduhan jahat ni, dia boleh bagi jawapan sekejap aje. Dekat belakang tu ada bilik air. You bagi saya, dulu

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat. Yang Berhormat bukan 'you'. Yang Berhormat

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Yang Berhormat. Minta maaf Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya selalu silap yang tu, minta maaf. Tetapi Yang Berhormat Speaker ni sabar, bagus, sabar.

TUAN SPEAKER : Batang Kali telah menjelaskan bahawa beliau tidak buat PC, beliau pergi ke bilik air tadi. Sekinchan, teruskan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Speaker, saya minta tarik balik tu.

TUAN SPEAKER : Sekinchan, tarik balik.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya. Nanti dulu..

TUAN SPEAKER : Permatang duduk dulu...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Permatang duduk dulu....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Eh tak boleh. Peraturan 36 (6) ni

TUAN SPEAKER : Permatang duduk dulu...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Takkan tak faham. Saya nak jawab...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Susah ke nak cakap..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Permatang tak duduk, saya tak jawab...

TUAN SPEAKER : Permatang duduk dulu...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dia tak duduk saya tak jawab..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak minta dia tarikh balik Speaker.

TUAN SPEAKER : Permatang duduk dulu...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Selagi Permatang tak duduk, Sekinchan tak jawab...

TUAN SPEAKER : Baiklah Sekinchan...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ha... ini tertib dia. Kena faham. Kalau Permatang belum matang, saya akan matangkan sebentar lagi. Ini saya sebagai ketua BBC di sini, tadi saya kata dia keluar. Dia kata dia ada menjelaskan, dia sudah menjelaskan, kata dia pergi *toilet*. Kalau begitu saya tarik balik, ha.. ini contoh yang baik.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Memang jahat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Contoh yang baik, contoh yang baik.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Perkara 36..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tarik balik...

TUAN SPEAKER : Baiklah, Sungai Burong, saya nak dengar perbahasan bajet sekarang, perbahasan bajet

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Dia kena minta maaf tu, sebab dia...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak tarik balik apa lagi Sungai Burong...

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, tak perlu minta maaf. Sungai Burong tolong duduk, Sekinchan teruskan.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Lain kali jangan buat tuduhan-tuduhan ye..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker. Ha.. duduk. Sungai Burong, nanti boleh bahas. Saya dengan Batang Kali, kita *steady* tak ada masalah. Kita Ahli Dewan. Saya nak mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kepada khususnya ucapan tahniah dan syabas kepada pihak-pihak pembangkang ini ye, kerana semalam semasa perbahasan pembentang belanjawan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Belanjawan 2017 sampai ke peringkat akhir mereka keluarkan *placard*. *Placard* nya berbunyi seperti berikut: Tak keluar. Kami hormat Dewan dan mandat rakyat. Satu ucapan terima kasih. Ini secara langsung telah mengiktiraf kepimpinan Kerajaan Negeri yang berintegriti dan berwibawa sebab mereka tak keluar dan hormat Speaker. Ucapan tahniah juga kepada Tuan Speaker kerana telah berjaya mendisiplinkan mereka.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Alasanlah. Minta penjelasan. Sekinchan, boleh minta penjelasan. Minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak apa, Sungai Burong dari tadi dia suka bangun sahaja. Saya bagi, biar dia sejuk sikit.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Sekinchan. Hari ini dia baik hati sikit. Sekinchan bersetuju tak dengan saya bahawa tujuan memaparkan mempamerkan *placard* ini nak bagi tunjuk bahawa pembangkang-pembangkang ni pakatan di Parlimen ini, mereka ini cakap aje demokrasi, menjunjung perlembagaan tetapi mereka tidak menghormati perlembagaan dan undang-undang, jadi kita nak bagi tunjuk kepada Speaker bahawa inilah dia bentuk pakatan yang perlu kita tunjukkan contoh bahawa kita ni sebagai Ahli Dewan di Negeri Selangor Pembangkang ni kalau dia jadi pembangkang kita kena hormat Dewan. Soalan saya bersetuju tak Sekinchan bahawa kita sebagai Ahli Dewan jangan ikut perangai pembangkang Parlimen, ha...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Y.B. bekas mantan ketua pembangkang yang sudah letak jawatan. Tak berani menyahut cabaran. Berkenaan dengan apa yang dilontarkan..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : 36(6)..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak melontarkan..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Kerana tuduh saya tak berani tu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nak jawapan ke tidak?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sebab tak berani. Itu sangkaan jahat ditujukan kepada Sungai Burong. Mintak tarik balik. 36(6).

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya Sungai Burong tak berani menyahut cabaran, letak jawatan. Kalau letak jawatan maknanya tak menyahut cabaran.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ini mulut celopar, Tuan Speaker!

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak berani menyahut cabaran. Betul ke tidak Ahli-ahli Yang Berhormat?

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya menyokong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Dia kata letak jawatan tak berani..

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Itu tafsiran sendiri.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini kenyataan..

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Salah tafsiran..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sangkaan jahat Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ini sangkaan jahat. Dia tidak baca *hansard* saya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Y.B. Sungai Burong, saya beri peluang nak jawab soalan Yang Berhormat. Melencong ke tempat Laut Atlantik buat apa?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Apa sebabnya saya letak jawatan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Balik ke tempat asal. Saya nak jawab.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Peraturan Tetap 36(6). Saya minta Sekinchan tarik balik tuduhan yang mengatakan Adun Sungai Burong letak jawatan sebab ketua pembangkang sebab tak berani.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak jawab. Saya nak bagi jawapan, dia pun tak nak. Batang Kali, Sungai Burong, Sekinchan nak bagi jawapan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Sangkaan jahat. Saya dah bagi jawapan. Siapa kata saya tak bagi jawapan?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan Sekinchan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Itu sangkaan jahat Sekinchan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak bagi tahu letak jawatan sebab tak berani menyahut cabaran.

TUAN SPEAKER : Sekinchan, duduk dulu. Sungai Burong bangkitkan Peraturan Tetap mana?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : 36(6). Sangkaan jahat.

TUAN SPEAKER : 36(6). Hari ini tak payah bahas bajetlah macam ini. Setiap perkataan, setiap ayat semua guna peraturan tetap. Dah 12.30.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Dia orang yang dulu. Siapa mula? Kita dulu diam saja.

TUAN SPEAKER : Saya nak ingatkan Ahli-ahli Dewan Negeri semua, siaran langsung sedang berjalan ya. Pengundi di luar akan menilai prestasi Ahli Dewan Negeri. Kuang. Sekinchan, Sungai Burong telah membangkitkan Peraturan Tetap 36(6).

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Pengerusi Tetap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Sungai Burong. Saya bagi tahu tadi mantan ketua pembangkang. Betul ke tidak? Dan beliau letak jawatan. Letak jawatan. Ini kenyataan. *Hansard* pun ada letak jawatan. Dulu kita bagi tapi dia letak jawatan. Maksudnya dia tak berani menyahut cabaran. Apa salah ayat saya? Tolong tunjukkan. Kamus bahasa definisinya mana? Tunjukkan, apa salah saya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, saya nak tunjukkan kesalahan dia.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak ada. Saya sangat baik. Niat hati saya suci dan ikhlas.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, 36(6).

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nawaitu betul.

TUAN SPEAKER : Baiklah. Saya nak jimatkan masa. Sekinchan bermaksud tidak menyahut cabaran, bukan tidak berani menyahut cabaran. Boleh tak? Jelaskan. Tidak menyahut cabaran berbeza dengan tidak berani menyahut cabaran. Boleh Sungai Burong terima?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima. Ok, ok. Saya (kita) sebagai ADUN yang profesional, kita akur.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Profesional ni mulut celupar.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong duduk. Sekinchan jelaskan dan teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Tidak menyahut cabaran. Tak ada masalah. Tengok cara kita mana ada masalah sebab ayat berani dia takut. Dia takut bayang-bayang berani. Dihantui, diekori dengan bayang-bayang.

TUAN SPEAKER : Baiklah. Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dihantui.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong duduk dulu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Niat dia ni bukannya niat untuk orang kata ikhlas. Sebab bila ni dia..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Eh? Saya tak cakap ayat bersambunglah. Tak adalah.

TUAN SPEAKER : Sekinchan sudah jelaskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sudah jelas..

TUAN SPEAKER : Tolong teruskan dengan perbincangan bajet.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok, ok. Saya kembali kepada *floor* asal. Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Sungai Burong kerana pagi ini banyak menimbulkan ini isu-isu soal berani tak berani ya. Tapi tahulah siapa berani tak berani. Kita tahulah. Ok.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, masih diungkit lagi Tuan Speaker. Saya minta sekarang perbincangan. Dizahirkan oleh Sekinchan bahawa 36(6) saya supaya menarik balik perkataan 'tidak berani'.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Teruskan. Jangan diungkit-ungkit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Berani, tak berani tak boleh sebut ke? Mana ada ayat yang bersambung.

TUAN SPEAKER : Sekinchan, kita sudah bazirkan banyak masa. Saya suruh minta Sekinchan sekarang teruskan perbincangan bajet.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok, terima kasih. Batang Kali tadi menyebut (Y.B. Batang Kali). Dia menyebut, dia bangkitkan isu berkaitan kenapa kerajaan peruntukkan RM1juta untuk pendidikan. Ia mesra pendidikan. Kita pentingkan kualiti pendidikan ya. Bagi pelajar hanya pelajar-pelajar universiti di UPM, UKM, UiTM sahaja yang diberi RM1juta. Pelajar-pelajar di luar (di Johor, di Perlis, di mana? di Kedah) tidak diberi. Jawapan saya mudah Y.B. Batang Kali. Kalau nak kita beri, nak kita jaga seluruh pelajar-pelajar ini boleh. Serahkan Putrajaya kepada kami. *Insyallah* kita akan bagi. Kita akan bagi, tak ada masalah. Ini jawapan saya. Senang. Dan kita akan bantu dalam soal pendidikan ini. Kerajaan yang ada sekarang kita cukup prihatin.

Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR : Mencilah Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak ada Y.B. Hulu Bernam. Rehat sekejap. Saya nak teruskan apa yang dibangkitkan oleh Batang Kali mengenai dengan pengangkutan. Selangor tidak menyelesaikan masalah isu pengangkutan. Saya kadang-kadang saya nampak dah 8 tahun di sini. Pihak pembangkang (mereka) berada di Putrajaya, mereka sebagai kerajaan persekutuan. Tanggungjawab menjaga pengangkutan ini di bawah SPAD.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Yang Berhormat, kalau boleh

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tetapi mereka sengaja memesongkan, memutar belitkan fakta dan menuduh Kerajaan Negeri. Walhal Kerajaan Negeri memberi peruntukan yang banyak untuk membantu

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Y.B. Tuan Speaker, sama ada nak bagi laluan ataupun tidak?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak ya.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Tak. Saya nak ambil statistik saja. Statistik ya atau tidak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sebab saya nak merancang dulu ya. Kerajaan Negeri sudah beri peruntukan yang banyak termasuk Bas Percuma Selangorku. Kita bantu 12 PBT. Tahun lepas RM10 juta, tahun ini (2016) RM10 juta, tahun depan lagi tambah lagi RM10 juta. Ini inisiatif sendiri Kerajaan Negeri. Harus diberi pujian. Tetapi tidak, mereka memperlekehkan. Walhal mereka lupa ini tanggungjawab sendiri. Mereka lupa. Cuma nak sorok-sorok. Ini kerja merekalah. Tak apa. Kita biarkan rakyat di luar dia jelas siapa yang bertanggungjawab soal konteks pengangkutan yang sebenar ini. Dan seterusnya ingin saya teruskan.

Selangor maju sejahtera dan berkebakjikan,
Menteri Besar pandai mengurus kekayaan,
Semua rakyat mendapat habuan,
Membuatkan pembangkang Selangor macam cacing kepanasan.

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya mewakili BBC dan juga seluruh teman-teman Yang Berhormat serta rakyat Negeri Selangor merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana telah berjaya membawa Negeri Selangor terus maju ke hadapan dengan lebih cemerlang sebagai peneraju ekonomi negara dan sekali gus membuat.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Nak minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oh, kita berikan Sri Muda yang sentiasa seri nan muda berseri-seri.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Y.B. Sekinchan, tadi dinyatakan sebagai 'cacing kepanasan'. Boleh definisikan sedikit 'cacing kepanasan' itu macam mana?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih. Ini kalau saya nak bagi tahu. Terima kasih Y.B. Sri Muda yang bijaksana. Saya hairan pihak pembangkang ini kadang-kadang ayat bahasa Malaysia ini, mereka terasa. Sedangkan ini hanya bayangkan. Maksudnya mereka duduk tak senang. Bukan suruh jadi cacing. Tak ada. Ini bahasa. Ini ertinya bahasanya, murninya bahasa Malaysia (*class nya*) di sini. Itu sebab kita suka Bahasa Malaysia. Bukan soal jadi cacing. Ini dia ingat sendiri. Bayang-bayang dihantui. Seolah-olah. Tak apalah. Biar, biar. Boleh jawapan? Ok ya? Ok. Jawapan dia ok lah. Terima kasih kerana Sri Muda terima jawapan saya ya.

Tuan Speaker, Negeri Selangor menjadi tumpuan utama rakyat seluruh negara. Berkat kekuatan ekonomi dan peluang pekerjaan yang banyak. Bukan sahaja dapat menampung permintaan lebih daripada 6.4 juta rakyat Selangor, malah turut memenuhi permintaan rakyat seluruh negara. Di sinilah lubuk emas yang menjadi tarikan dan merealisasikan impian ramai rakyat negara untuk mencari rezeki dan juga mencapai cita-cita mereka. Kebanjiran dan penghijrahan anak-anak muda dari seluruh negara ke Negeri Selangor demi masa depan mereka sudah jelas. Terbukti hakikat kekuatan ekonomi dan tarikan serta keunikan yang ada pada Negeri Selangor ini.

Tuan Speaker, tanggal 23 September 2016 yang lepas, tanggal ya. Tanggal 23 September 2016 yang lepas. Tanggal lah. Terima kasihlah. Saya ingat dia tak mengikuti ucapan saya. Ada juga ya. Terima kasih Y.B. Hulu Bernam kerana begitu

khusyuk mendengar ucapan saya. Saya buat senget sikit pun dia mendengar. Terima kasih Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya ingin mencelah. Tangga lain, tanggal lain. Tahu?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tahu, tahu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya nak ajar sikit anak murid ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Yang Berhormat, tahu. Ha *arek ngomong jowo pun keno* (dengan izin) ya. Y.B. Damansara, sekarang bukan Chempaka yang cakap. Sekinchan. Jadi tak perlulah celah ya. Terima kasih. Terima kasih.

Ingin saya teruskan tanggal 23 September 2016 yang lepas, genap 2 tahun YAB Dato' Menteri Besar (Dato' Seri Azmin Ali) meneraju Negeri Selangor. Dalam tempoh ini, pelbagai rintangan dan cabaran serta halangan terpaksa diharungi oleh beliau.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Mohon mencelah. Saya nak betulkan. 23 September 2014.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ha, 2014. Terima kasih. Saya tercatit. Saya ucapkan terima kasih kepada Sri Muda kerana saya tersasul sedikit kerana terdengar Damansara yang nak mencelah tadi. Tak apa.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tu fasal Setiausaha Politik tu Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Setiausaha Politik? Terima kasih kerana mengiktirafnya ya. Saya tolong sampaikan kerana Permatang sentiasa mengiktiraf Setiausaha Politik. Ini kekuatan SETPOL yang ada aura tu ada. Terima kasih ya.

Terpaksa diharungi oleh beliau. Maklumlah Selangor adalah peneraju ekonomi negara dan sentiasa menjadi tumpuan serta serangan dari pihak pembangkang iaitu UMNO, Barisan Nasional yang menggunakan seluruh kekuatan melalui semua instrumen Kerajaan Persekutuan dan juga semua media-media arus perdana seperti Utusan Malaysia dan TV3 untuk menghentam Kerajaan Negeri Selangor. Namun, berkat kekuatan semangat juang yang kental, Y.A.B. Dato' Menteri Besar sentiasa sabar dan tabah menghadapi rintangan dan ujian. Beliau berjaya membuktikan kejayaan mengurus tadbir Selangor (Kerajaan Negeri Selangor) dengan meneruskan kesinambungan dengan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban.

Tuan Speaker, menerusi pengurusan kewangan Negeri Selangor secara berhemah dan disiplin, kedudukan kewangan semakin kukuh dan stabil. Rizab semakin tinggi. Sekarang ini RM3.62 bilion dan yang paling penting pembangunan negeri semakin rancak. Manakala peruntukan untuk pembangunan negeri dan program kebajikan rakyat semakin bertambah. Dalam situasi perkembangan ekonomi yang lembap dan kadar inflasi yang tinggi serta kos saraan hidup yang semakin membebankan. Bukan mudah untuk menghadapi dengan keadaan sedemikian. Akan tetapi Selangor mampu. Berkat kekuatan pimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Selangor mengorak langkah ke hadapan dan menjadi sebuah negeri contoh dalam konteks pengurusan kewangan yang kukuh, pembangunan ekonomi yang mampan, pembangunan pendidikan yang berkualiti, kestabilan politik, perkembangan kepelbagaian sosial dan kebudayaan yang berjaya untuk dipelajari oleh negeri-negeri yang lain.

Tuan Speaker, saya tertarik dan teruja dengan ungkapan dalam buku 2 Tahun Mendatar Budi yang dilancarkan dalam Majlis Memperkukuhkan Iltizam Memaju Negeri Penjawat Awam Bersama Dato' Menteri Besar yang berbunyi seperti berikut: *"inilah realiti Selangor, rencam dan penuh harapan. Usah bimbang dan gundah gulana. Ekonomi kuat, rakyat selamat, negeri berkat. Rakyat telah memberi mandat berdasarkan muafakat yang berpegang kepada prinsip keadilan dan kemakmuran untuk semua. Jangan khianati amanah"*. Ungkapan ini menzahirkan semangat juang yang tinggi dan keyakinan bahawa Y.A.B. Dato' Menteri Besar begitu komited terhadap tanggungjawab yang digalas demi memaju pembangunan dan masa depan Negeri Selangor.

Sementara itu, hasil tinjauan dan *survey* yang dijalankan oleh Merdeka Centre pada 28 Mei hingga 5 Jun yang lepas telah mendapati bahawa lebih 65% rakyat negeri berpuas hati dengan pentadbiran Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Pendapatan ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa majoriti rakyat Selangor tidak kira Melayunya, cina dan India serta lain-lain tetap bersama memberi dokongan dan sokongan padu kepada Kerajaan Negeri pimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Ia sekali gus menolak segala macam serangan dan tohmahan UMNO/Barisan Nasional yang berniat jahat dan cuba mencari segala ruang yang ada bagi tujuan kepentingan politik mereka.

Tuan Speaker, izinkan saya beralusi dan huraikan beberapa pencapaian cemerlang berjaya dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam tempoh singkat 2 tahun ini. Satu agenda reformasi dalam sistem pentadbiran yang telus pantas dan bertanggungjawab, mengamalkan pendekatan pantas dan *hands-on* apabila dengan izin berlaku sesuatu isu yang mengakibatkan kepentingan rakyat. Seperti yang terbaru, akibat fenomena air pasang besar di seluruh persisiran pantai di Selangor telah terkena tempias daripada fenomena air pasang besar itu dan mengakibatkan penduduk khususnya di Kampung Batu 4 dan Tok Muda dilanda banjir akibat benteng pecah, penahan ombak pecah mereka telah berpindah ke lokasi dan dewan yang disediakan oleh Jawatankuasa Unit Bencana yang terdiri

daripada Jabatan-jabatan yang berkaitan. Kejadian ini telah menyebabkan kerosakan dan kerugian yang dihadapi oleh mangsa banjir mana kampung mereka dinaiki air laut. Dalam konteks ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar begitu pantas turun padang bersama EXCO untuk memberi bantuan dan santuni rakyat rutin harian.

Y.B. KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Tuan Speaker Saya ingin mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Boleh ya, untuk kebaikan. Untuk maklumanlah ya, ini untuk makluman tentang ban pecah tadi. Bahawa untuk makluman ban Sungai Tengah Utara telah diperbaiki sebanyak 4 kali dan semalam ban tersebut telah pecah lagi saya harap EXCO ataupun Menteri besar turunlah, so sekarang ini banjir, bila banjir melibatkan masalah orang kampung. Itu sahaja Y.B. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Tawar saya rasa soalan ini dikemukakan semasa sesi pertanyaan sebab saya bukan EXCO saya Cuma menghuraikan, memperincikan kalau kita men...

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Tuan Speaker, benda ini sebab melibatkan rakyat, saya perlu tindakan segera sekarang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kalau saya EXCO *Insyah-Allah* segera suruh arahkan JPS besok, hari ini juga sampai ke tapak akan betulkan ban.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar, sekarang masa untuk Sekinchan bahas.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Saya hendak sebut perkara yang berkenaan dengan rakyat seperti mana yang dinyatakan oleh Sekinchan.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar boleh bahas nanti selepas Sekinchan.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Tak sempat bahas, sebab perkara ini berlaku sekarang.

TUAN SPEAKER : Ada masa untuk bahas ini adalah untuk perbincangan bajet. Sungai Air Tawar boleh tulis surat boleh *call* EXCO, boleh SMS EXCO. Sekinchan teruskan perbincangan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ia kalau nak cepat segera Sungai Air Tawar saya bagi sikit pedoman bawak usul tergepar itu pun boleh ini tidak boleh ini ya sangkut tengah jalan suruh Sekinchan buat, Sekinchan tak boleh. Sekinchan tak ada kapasiti, EXCO ada, mungkin esok pertanyaan mulutlah ya. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Tawar saya teruskan, saya teruskan, saya teruskan. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pantas turun bersama EXCO memberi bantuan satuni rakyat yang terjejas rutin harian mereka. Pendekatan peduli rakyat mesra dan terjah turun ke lapangan dari kota hingga ke desa mendekati dan mendengar denyut nadi rakyat sangat disenangi oleh rakyat jelata. Contoh yang kedua ialah kita nak cerita soal isu pencemaran air Sungai Semenyih yang berlaku beberapa kali tiba-tiba dalam tempoh dua bulan sejak kebelakangan ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita tahu beliau terus turun ke lapangan mencari apa punca sebenarnya berlaku pencemaran air di Sungai Besar di Sungai Semenyih ini dengan izin dan isu pencemaran ini memberi impak dan implikasi yang besar terhadap kegiatan ekonomi, ekonomi dan juga aktiviti harian penduduk lebih 1 juta, 1.5 juta pengguna terjejas oleh pencemaran tersebut maka Kerajaan Negeri bertindak segera mengarahkan seluruh jentera kekuatan yang ada khususnya Syarikat Air Selangor, Lembaga Urus Air (LUAS) berada di lapangan 24 jam. Saya sebenarnya untuk memantau keadaan dan mengawal apa punca sebenarnya berlaku. Mutakhir kenal pasti 2 bulan ini beberapa kali ini puncanya apa, ada kita buat laporan polis. LUAS telah membuat laporan polis pada 23 hari bulan September yang lepas, sampai hari ini dinilai tentang ada unsur-unsur sabotaj yang berlaku tapi sampai hari ini sabotaj yang berlaku sampai hari ini kita tak dapat jawapan, itu satu. Yang kedua apa yang berlaku di pencemaran di Sungai Semenyih di Sungai Lalang ini.....Yang Amat Berhormat

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker, boleh saya mencelah, saya hendak bertanya dengan Sekinchan unsur-unsur sabotaj ini. Saya nak ingin Sekinchan perelaskan kenapa menyebut sabotaj, siapa yang sabotaj kena perelaskan isu ini. Kalau tidak ia akan masuk isu lain pula. Sila kan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Jawapan saya mudahlah Yang Berhormat Hulu Bernam siapa makan cili dia rasa pedas.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tak boleh ini..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : (Bahasa Jawa).... dengan izin (bahasa Jawa)..

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tadi sebut dengan berniat jahat...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya kata sabotaj..

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Dalam Peraturan Tetap 36.6..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tak kata siapa tadi.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam, Sungai Burong, Sekinchan tidak namakan sesiapa, teruskan Sekinchan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya nak minta penjelasan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sekinchan benarkan atau tidak, Sungai Burong hendak minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih. Ini ialah kita mudahlah saya minta penjelasan mudah hendak tuduh sabotaj, tepi sebenarnya saya ingin bertanya dengan Sekinchan kalau dia nak tuduh siapakah dia kena beritahu siapa yang sabotaj. Dia boleh jadi apa ini pun, jabatan-jabatan pernah orang yang berkenaan kalau tidak ni nampak macam tuduhan melulu. Dia bolehlah cakap, jadi saya nak minta penjelaslah kepada Sekinchan tolong sebutkan siapa yang dituduh sabotaj kalau tidak ada janganlah cakap sabotaj.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih

TUAN SPEAKER : Sekinchan, Sri Muda minta penjelasan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya nak minta sedikit laluan daripada Sekinchan sebentar tadi kita juga menerima satu memorandum yang diberikan oleh Pemuda UMNO Selangor, ya. Pemuda UMNO, jadi dalam ini ada satu beberapa perenggan dengan jelas menyebut tuduhan-tuduhan yang jahat juga secara bertulis, jadi pada saya tak perlu jawab kita bagi Kerajaan Negeri jawab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekinchan, Speaker saya nak minta penjelasan sikit boleh.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok kita bagilah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Sekinchan, kalau Permatang minta dia bagi. Terima kasih nanti kalau Permatang pas pula bagi Sekinchan juga. Saya cuma nak minta satulah mengenai sabotaj ini masa ucapan perbelanjaan semalam pun oleh Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa ada sebut mengenai perkara membuang sisa toksik secara terancang menyebabkan Air Selangor terpaksa menutup loji beberapa kali untuk menjamin keselamatan kesihatan pengguna, tetapi semalam sebab Menteri Besar sedang membentangkan bajet, tapi untuk berlaku adil kepada masyarakat, saya ingin bertanya kepada

Sekinchan mengani sabotaj ini. Dalam negeri kita ini ada peraturan, makna kalau ada nampak apa-apa kesalahan jenayah ada tempat melaporkan, jadi saya hendak bertanya sama ada Menteri Besar ataupun Sekinchan melaporkan kepada media ataupun melaporkan kepada pihak Polis mengenai sabotaj ini. Kalau lapor pada media dan keluar kat media ataupun salah lapor. Bukan lapor kat Polis lapor kat media. Jadi kalau laporan ini dibuat dan apa bukti-bukti yang disertakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Saya nak jawab apa yang diungkitkan oleh Yang Berhormat Permatang yang mempersoalkan konteks ini kita telah buat pihak Kerajaan Negeri Selangor telah melalui LUAS telah membuat laporan polis pada 23 hari bulan September jadi kita biarkan, biarkan pihak Polis untuk buat siasatan tetapi sampai hari ini, cuma kita rasa hairan sampai hari ini rakaman percakapan *statement* belum diambil, jadi kita nampak ada sesuatu tak kenalah kenapa biasanya kalau saya buat laporan polis bersabit dengan apa-apa kes petang itu akan dipanggil, akan dipanggil untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, untuk rakaman percakapan tapi ini pegawai kita, lontarkan ini isu berkenaan dengan rakyat, yang begitu penting satu 1.5 juta rakyat di Negeri Selangor, Putrajaya, Wilayah Persekutuan terjejas dengan bekalan air tapi tidak diambil rakaman percakapan sama ada nak siasat dan sebagainya. Jadi inilah yang menimbulkan kecurigaan di kalangan rakyat. Rakyat sangsi seperti apa ayat yang digunakan oleh Batang Kali rakyat sangsi kenapa wujud perkara sedemikian dan JAS saya nak bagi tahu Jabatan Alam Sekitar apa bila kita beritahu pasukan pemantau air Negeri Selangor beritahu Jabatan pukul 1 pagi tapi responsnya esok pagi. Esok pagi 10.00 pagi dan ini saya nampak tidak ada penyelarasan dari segi ini. Jadi ini saya tak nak cakap apa, tapi ini perkara yang berlaku saya nyatakan saya tak tuduh kes yang sebenar Tuan Speaker. Ini yang dikeluarkan saya tidak nyatakan apa-apa. Tak payah Batang Kali saya tak bagi, Permatang saya pun tak bagi.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Penjelasan sikit sahaja pasal isu mengenai Jabatan tadi, kalau bolehlah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak teruskan

TUAN SPEAKER : Saya rasa ini bila Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menjawab boleh bahas, kerana Sekinchan bukan EXCO

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya, ya, ya..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABUL RAZAK : Pasal disebut fasal jabatan, kalau boleh Sekinchan benarkan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya, ya, ya..

TUAN SPEAKER : Permatang bahas nanti, Sekinchan teruskan...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih. Jadi saya nampak wujud sesuatu yang mencurigakan pada keraguan yang munasabahlah yang kita nampak. Walau bagaimanapun dalam konteks ini kita nak bagi tahu sebelum ini , sebelum setahun dua yang lepas berapa tahun yang lalu Kerajaan Negeri Selangor selalu dituduh.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Minta penjelasan, Tuan Speaker minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya belum pergi lagi,

TUAN SPEAKER : Sekinchan benarkan atau tidak

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Boleh, boleh, boleh, Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI : Speaker, Tuan Speaker, Sekinchan adakah Tuan setuju selain bukti sabotaj TV3 telah membesar-besarkan isu ini, seolah-olah di negeri lain tidak ada masalah air.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Yang Berhormat Kota Anggerik yang berbunga-bunga, terima kasih atas tadi ya, saya nak jawab.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya nak minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak jawab Kota Anggerik.

TUAN SPEAKER : Sekinchan, Sungai Burong tolong duduk dulu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Daripada ucapan

TUAN SPEAKER : Sungai Burong tolong duduk dulu. Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Satu-satu dululah, biar tertiblah, biar tertib saya jawab juga Kota Anggerik kita nampak sangat dalam TV3 kalau isu air di Selangor TV3 seolah-olah nampak *rubber* besar mereka akan gunakan seluruh dia 15 minit untuk cerita air, 15 minit.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya, Tuan Speaker...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : 15 minit ini yang saya ini katakan. Yang kedua sedangkan isu tentang isu air berlaku di mana, di Mersing, Mersing sudah ada sudah 6 bulan catuan air dilakukan. Mersing di Johor siapa yang memerintah, UMNO tapi mereka tak *highlight* sebab itu tak boleh cakap. Nanti rakyat marah, Selangor boleh

diperbesarkan. Itu satu, yang kedua di Melaka di Empangan Bemban, di Melaka air dah 36 *percent* dah air nak kering tak cakap diam sahaja, dia cerita Selangor sahaja.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Eehhh keluar

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak cakap di Selangor sahaja

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ini bersangka jahat sahaja 3.6 ni. Sebab isu Bemban pun keluar.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : TV3 ini saham ke?, saya nak tanya Hulu Bernam ada saham ke?

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Oooi saya tak ada saham,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Lembaga Pengarah ke?

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker, bersangka jahat ini. 3.6

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tanya ada saham ke? Ada cakap

TUAN SPEAKER : Sungai Burong Hulu Bernam nanti boleh bahas, saya minta semua Ahli Dewan Negeri jangan terlalu sensitif ya. Kalau tidak setiap ayat, kita kena bangun jelas kan maksud tak payah habis perbahasan, teruskan Sekinchan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sebab ia tergantung, terima kasih,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, akur dengan peringatan Speaker

TUAN SPEAKER : Sungai Burong bahas nanti, Sekinchan tak benarkan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Peringatan Speaker, jadi saya ingatkan, terus kita terus maknanya kita nampak TV3 ini seolah-olah ada agenda mereka 15 minit, saya tengok TV3, saya bukakan kawan saya nak pecahkan TV itu, saya kata jangan nak bayar mahal. Kalau dia pecahkan TV ramai orang pecahkan TV sebab TV itu seolah-olah TV itu dimiliki dia sendiri, ha inilah yang menyakitkan hati rakyat di Selangor. Walau bagaimanapun tak apa rakyat tahu, rakyat di luar tahu apa sebenarnya yang berlaku. Kenapa perkara ini berlaku.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Peraturan Tetap 3.6. Pengerusi Tetap, Peraturan Tetap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tahu, Pengerusi Tetap UMNO ke ini? Ini Perhimpunan UMNO ke?

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker maaf.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dewan Negeri Selangor.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Lagi satu, Tuan Speaker.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker Peraturan Tetap 36

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ya saya, saya nak memperbetulkan sikit tuduhan jahat Sekinchan ini yang mana isu di Bemban isu di Mersing semua keluar dalam TV3 saya tidak ada sebarang saham dalam TV3 tetapi kita jangan buat tuduhan jahat. Kena keluar semuanya keluar.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : TV3 pun buat tuduhan jahat juga...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sekinchan tak tengok TV ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya selalu tengok TV tapi bukan *channel* TV3, sebab TV kita boikot lama. TV3 ini ia membawa unsur-unsur.

TUAN SPEAKER : Sekinchan duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan pukul 1, maka saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang nanti. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : *Assalamualaikum* dan selamat petang. Dewan disambung semula. Silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, Sekinchan ingin teruskan perbahasan belanjawan 2017. Seperti apa yang saya jelaskan sebentar tadi bahawa isu air ini sebenarnya Kerajaan Negeri sebelum ini beberapa tahun yang lalu sering kali diserang, diserang oleh pihak UMNO Barisan Nasional kononnya kita gagal menyediakan air yang mencukupi. Air bersih tak cukup, air terawat tak cukup dan sebagainya macam-macam. Selepas dari itu inisiatif kerajaan, kerajaan telah mengambil inisiatif dalam beberapa tahun ini dan sekarang ini walaupun, walaupun musim tengkujuh, musim El-Nino kepanasan dalam tahun ini. Buktinya Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, dalam tahun ini musim panas El-Nino, Kerajaan Negeri di Negeri Selangor masalah air, tak ada kekurangan air, air mencukupi. Kita ada HORAS, kita empangan yang baru, ada loji rawatan air yang terbaru dan kita menyediakan air yang mencukupi. Kalau dulu dikatakan air tak mencukupi, sekarang kita selesai. Masalah El-Nino ini semua kita dah selesai. Persoalan sekarang ini ialah air tu tiba-tiba wujud pencemaran. Tiba-tiba wujud pencemaran dan pencemaran sukar dikawal dan kita sedia maklum Sungai Semenyih ini panjang beratus kilometer dan ada jajaran masuk ke negeri lain. Ada masuk ke Nilai dan sebagainya. Dan tiba-tiba ini berulang kali, bertubi-tubi ini berlaku pencemaran dan saya dimaklumkan bau pencemaran ini dia hampir sama ia, kimia tu sama, kimia tu sama. Jadi kita sangsi dan saya bimbang ini seolah-olah ada perancangan, ya ada perancangan Tuan Timbalan Speaker. Untuk memudaratkan saluran bekalan air di Negeri Selangor. Jadi saya minta pihak-pihak yang berkenaan khususnya pihak pembangkang agar jangan politikkan isu seperti ini. Kita nak jaga rakyat, kita jangan susahkan rakyat. Rakyat nak ambil air, nak angkat air ni susah. Sebentar tadi, sebentar tadi sebelah sebelum tengah hari, ada Pemuda UMNO datang ke SUK bawa sekumpulan. Siapa? Siapa Pemuda UMNO tu bawa baldi, campak baldi kat sini. Campak baldi. Siapa, yang diketuai oleh siapa? Zainuddin. Zainuddin ini siapa? Bekas mantan arwah, anak arwah Dato' Zakaria Md Derus. *Jakaliau, jakaliau* tau tak? Orang yang sapu seluruh harta projek kontrak terkenal di Klang. Sapu semua, istana Zakaria dan sebagainya. Ini anak dia, Pemuda UMNO sekarang. Datang ke SUK bawa pemuda diupah ke sebagainya saya tak tau, campak baldi, campak baldi kononnya kita tak selesaikan air, masalah air. Sebentar tadi waktu rehat saya sempat bersama kawan-kawan, ada yang bagi baldi. Kita kutip dan baldi itu saya serah balik kepada wakil di Pahang. Saya serah balik untuk makluman Dewan yang mulia ini. Saya serahkan baldi kepada wakil dari Pahang kerana di Pekan, kawasan Perdana Menteri tak ada air. Jadi baldi ini saya serahkan kepada mereka bawa ke Pekan, ke Semantan dan kawasan-kawasan di Bera yang

tak ada air supaya sana boleh bawa air. Ha, ini cara dia lebih, jangan kita buang-buang...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burong minta mencelah

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Penjelasan. Boleh?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oh boleh, boleh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mendapatkan penjelasan adakah Sekinchan ini sedar ya? Ialah dia buat tuduhan kata orang UMNO ni datang. Tapi sebenarnya kalau UMNO tengok ada juga orang India kat situ kan? Tapi saya ingin sebenarnya mereka ni datang untuk apa? Mereka datang ini bukannya mereka datang ni minta supaya Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah isu air yang telah menjadi masalah mendatang rakyat selama ini ya? Oleh kerana isu ini tidak selesai sehingga hari ini pun ya, sehingga hari ini pun ada lagi tempat-tempat yang tidak ada air ya? Mereka yang duduk di rumah pangsa dan sebagainya. Kerana ini gerombolan ini datang menuntut supaya Kerajaan Negeri nak berjumpa dengan Menteri Besar minta Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah ini dengan segera.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalannya, soalannya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Ini sekurang-kurangnya tidak seperti yang Bersih datang, demonstrasi yang juga siapa di belakangnya? Yang tujuannya tidak lain nak menggulingkan kerajaan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ia, terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya tak nak balaslah daripada Sungai Burong. Tapi saya nak bagi tahu isu air ini kita Kerajaan Negeri Selangor sentiasa ambil perhatian serius. Kita nak pastikan masalah ini boleh diselesaikan secara berperingkat-peringkat. Selangor, baru kita Syarikat Air Selangor baru berjaya penstrukturan setengah tahun sahaja Syarikat Air Selangor baru ditubuhkan dan sekarang kita dapati banyak tangki-tangki, kolam-kolam yang tak dipakai sudah dibelanjakan dan sekarang kita dalam usaha baik pulih dan sebagainya. Ini inisiatif yang Kerajaan Negeri dan sekarang kita peruntukan yang banyak dalam Belanjawan 2017 baiki paip dan sebagainya. Tengok bagaimana kita lakukan? Bukan senang ya? Ini daripada syarikat yang sebelum ini jadi kita kena lakukan satu persatu. Tapi kita tahulah di, di Negeri Selangor ini pihak pembangkang khususnya UMNO Barisan Nasional mereka ketandusan isu. Isu dah tak ada. Mereka hanya ada satu *the only one issue*,

dengan izin. Apa dia? *Manyu, manyu, thani, thani*. Untuk air sahaja dia nak serang Selangor. Kalau tak ada air tak boleh serang. Sebab dia nak kiri kanan, dia nak tengok, nak teropong nak serang. Belanjawan Selangor semakin baik. Belanjawan Selangor.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Boleh minta penjelasan? Minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nampak terbela. Ha

TUAN SPEAKER : Sungai Burong minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya bagi

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Saya, ni saya tak faham dengan Sekinchan ini. Dia kata kita tadi dalam mukadimah ada 1.5 juta rakyat pengguna Negeri Selangor menghadapi masalah catuan air. Sepatutnya kita, kita bersimpati menyelesaikan masalah mereka ya? Dan tujuannya untuk menyelesaikan minta Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah yang pencemaran air yang berlaku di Sungai Semenyih itu kalau boleh seberapa segera yang boleh

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalannya Sungai Burong? Soalannya?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Pergilah tumpu kepada isu

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalannya apa?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Saya nak tanya ni Sekinchan ini kadang-kadang sedar sebenarnya, sepatutnya kita menyokong, saya nak tanya Sekinchan, Sekinchan adakah sepatutnya setakat menyokong supaya masalah pencemaran air yang berlaku di Sungai Semenyih ini perlu disokong walaupun ia dibangkitkan oleh katalah pembangkang? Patut tak?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sekinchan. Cukup, cukup tu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih atas syarahan kerana nak berbahas. Nanti boleh berbahas Yang Berhormat Sungai Burong ya? Kita ada masa kan? Boleh bagi yang Berhormat Sungai Burong untuk bahas. Tapi kita nak tegaskanlah dalam Dewan yang mulia ini. Isu air ini sebenarnya Kerajaan Negeri dah terus komited, kita komited konsisten selesaikan supaya rakyat terbela. Ini sama tidak kira kita daripada parti mana, daripada pihak kerajaan dan pihak pembangkang saya rasa punya niat yang sama tapi pihak pembangkang suka kalo, kalo isu ini tak selesai, isu ini boleh dijadikan laba politik. Boleh jadikan kepentingan politik. Ini biasalah daripada dulu, zaman Pelabuhan Klang pun kena serang bertubi-tubi ya?

Walaupun Pelabuhan Klang duduk di situ lah kan? Kita pun kena serang bertubi-tubi, soal air. Tapi tak apa.

Tuan Speaker, saya nak ucapkan terima kasihlah dalam Dewan yang mulia ini kepada semua jabatan yang terlibat, LUAS, Air Selangor, JPS, UPEN, JKR yang terlibat sama ya. 24 jam ada yang kerja di lapangan bertungkus-lumus untuk nak membantu nak selesaikan masalah isu air ya pencemaran dan sebagainya. Saya ucapkan terima kasih kepada mereka atas usaha mereka dan saya yakin perkara ini kita dapat selesaikan secara berperingkat-peringkat.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh minta penjelasan Sekinchan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang minta bagi tak?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sikit saja. Tertinggal satu tadi yang tak sebut.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak sebut, tertinggal?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya .

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jabatan Alam Sekitar macam tak berapa nak minat nak sebut tadi tu. Tak ada membantu ke?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya harap jabatan-jabatan termasuk yang tadi saya kata Jabatan Alam Sekitar, saya harap Jabatan Alam Sekitar dapat memberi kerjasama yang padulah kepada Kerajaan Negeri Selangor. Semua, saya tak nak tuduh kena beri kerjasama sebab apabila kita nak mendakwa satu-satunya kilang, mana-mana punca yang menyebabkan pencemaran, kita perlu daripada ujian semua perlu daripada Jabatan Alam Sekitar. Lain-lain itu mungkin tidak diperakui di mahkamah. Jadi peranan Jabatan Alam Sekitar ini cukup penting. Kalau tidak kita susah nak sabit daripada pengilang haram dan sebagainya. Jadi kita harap Kerajaan Negeri terus tegas dalam isu pencemaran, isu kilang-kilang haram yang mengeluarkan menyebabkan pencemaran, kena tutup kilang mereka seperti apa yang dilakukan oleh kerajaan dan Notis 7A KTN mesti dilakukan untuk rampas tanah mereka supaya perkara-perkara sedemikian yang memudaratkan rakyat ini dapat diminimakan.

Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, dalam tempoh 2 tahun ini, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar, ikatan dan jalinan hubungan di antara para penjawat awam semakin erat dan padu. Situasi sebelum ini agak berbeza dan tidak semesra seperti dewasa ini. Dalam konteks ini usaha dan peranan penting yang dimainkan oleh yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan, Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah UPEN, Ketua-ketua Jabatan yang lain dan sebagainya sebagai 1 pasukan. Pegawai Undang-undang dan sebagainya yang mantap, manakala keyakinan dan kepercayaan di kalangan penjawat awam kepada Kerajaan Negeri berada di tahap yang tinggi. Faktor ini sangat penting bagi menjamin kelangsungan dan melicinkan sistem pentadbiran khususnya meningkatkan kualiti perkhidmatan yang efektif dan sistem penyampaian kepada rakyat agar segala perancangan dan dasar baru Kerajaan Negeri dapat diberi penekanan dan perhatian serius diterjemahkan dan sampai ke sasaran serta dinikmati oleh rakyat. Oleh sebab itu saya sangat setuju dan menyokong penuh bahawa penjawat awam adalah tulang belakang pentadbiran Kerajaan Negeri. Justeru itu pengumuman Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang berbesar hati dan menghargai jasa dan bakti serta pengorbanan kepada penjawat dengan memberi sumbangan bantuan khas sebanyak 2 bulan gaji. Ini satu bukti ya, di mana sejumlah RM57.25 juta telah dibelanjakan. Ini satu rekod baru dalam sejarah perkhidmatan awam dalam pentadbiran Negeri Selangor. Kita jangan lupa ya ramai kawan-kawan, mereka beritahu ya mereka di Putrajaya, mereka cukup, mereka cukup *jealous* dengan izin ya, mereka nak datang ke Selangor. Kerana apa? Di Putrajaya tahun ini 2 kali pengumuman hanya RM500.00 + RM500.00 penjawat awam yang dapat imbuhan iaitu bantuan kewangan RM500.00 + RM500.00, seribu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Mencilah Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Bernam minta, Hulu Bernam.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Hulu Bernam nak? Ini, tadi Hulu Bernam belum perbetulkan ya? Pengerusi Tetap.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tak pe ini boleh dibetulkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Siapa yang cemburu, siapakah yang teringin sangat? Saya nak tanya soalan kepada Sekinchan yang teringin sangat nak datang Selangor ni? Namakan orang tu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih. Kena duduklah, Sekinchan nak jawab. Ha duduk, ini tertib, tertib. Terima kasih Hulu Bernam. Ramai, kita tak bolehlah umumkan dia punya apa nanti dia ambil tindakan. Siapa-siapa yang dalam radio pun

pengacara umumkan ada soalan daripada Perdana Menteri dia letak jawatan pun, kena buang tau. Tak boleh umum walaupun ada kakitangan daripada Putrajaya

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker, saya rasa Sekinchan ni syok sendirilah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Beritahu saya mereka nak datang ke Selangor sebab Selangor bagi penghargaan dan inisiatif yang tinggi bantuan khas kewangan 2 bulan. Mana ada kerajaan, di Johor ada ke di Johor? Yang Berhormat Sabak, di Johor ada? 2 bulan? Tak ada kan? Di Melaka yang negeri Hang Tuah, hidup Melayu, ada ke? Tak ada. Di Pahang? Tak ada. Di Selangor, hanya di Selangor, ini kena akui. Jadi, oleh kerana kita tadbir urus dengan baik, kewangan kita kukuh, kita dapat melakukan ini semua. Jadi, ini perbezaan yang ketaralah. Kota Damansara...

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Mencilah. Boleh? Sikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ia, Kota Damansara minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok, boleh

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Itu apa yang Sekinchan cakap yang baiknya. Tapi kadang-kadang duit ni bukan segala-galanya. Walaupun kita tahu segala-galanya memerlukan duit. Tetapi walaupun dapat, penjawat awam tapi yang tak penjawat awam yang tak dapat ni pun keluh kesah di bawah sana terutamanya mereka-mereka yang tinggal di flat yang tak ada air ni. Kesengsaraan yang, kesengsaraan yang diterima. *That's why*. Yang lain kat sini dia Ahli Dewan boleh gelak, alah. Sebab kita tak ada masalah tetapi.....

TUAN TIMBALAN SPEAKEER : Yang Berhormat, soalan? Soalannya?

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tak, soalnya macam mana, macam mana Kerajaan Negeri nak menangani serta-merta untuk membantu rakyat yang miskin yang tinggal di rumah flat yang tinggi sampai 19 tingkat ini untuk nak mengangkat air daripada bawah naik ke atas? Jawablah? *You* jangan cakap. Ikut peraturan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oooh marah dia.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Kalau nak bangun, bangun jangan *you* menjawab-jawab macam itu. *You* ingat *you* tu siapa, *you* EXCO ke?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tahniah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok, serius Sekinchan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Kalau tak ada sabotaj, tak adalah pencemaran air.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oooh.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Siapa yang sabotaj? Tolong umum.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Timbalan Speaker, saya nak ucapkan tahniah kepada Kota Damansara baru dapat Darjah Kebesaran Datuk ya... baru dapat jadi sekarang dia garang tau, dia garang tau, lain macam sikit... lain macam sikit. Macam ada gaya baru tau. Macam ada gaya baru, tapi tak apa lah biar, kita ucapkan tahniah. Tapi soal sekarang saya nak buat penghargaan kepada penjawat awam pencong sampai ke rumah PPRT dan sebagainya hanya isu PPRT itu sahaja lain dia tak ada, saya tahu, tak apa lah, kita biarkan dan saya teruskan ya, Tuan Speaker kita terus kan. Di bawah kepimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar bersama Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah pun berjaya membentuk satu pasukan barisan kepimpinan yang kuat, mantap serta disenangi rakyat. Pasukan keluarga besar ini terdiri dari pelbagai latar belakang sangat penting bagi merancang segala dasar, hala tuju negeri demi merealisasikan Gagasan Smart Selangor. Walaupun berbagai-bagai serangan dan cubaan daripada pihak pembangkang untuk memecahbelahkan hubungan barisan kepimpinan ini namun cubaan sedemikian ternyata gagal dan tersasar kerana berkat muafakat yang jitu, saling hormat-menghormati dan kesepaduan yang erat demi satu matlamat iaitu membela hak rakyat. Melakukan agenda reformasi dan membangunkan Negeri Selangor yang tercinta.

Tuan Timbalan Speaker, dalam tempuh dua tahun yang singkat ini Kerajaan Negeri berjaya mengurangkan dan meredakan isu-isu ketegangan kaum dan agama yang sebelum ini telah sering panas dan menjadi kontroversi seperti isu Al-Kitab dan sebagainya maknanya isu-isu sensitif agama makin berkurangan dan terkawal demi menjaga dan mempertahankan keharmonian kaum di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kita harus waspada kerana agenda jahat musuh senantiasa menunggu, mengintai. Mengintai, ruang dan kesempatan yang ada untuk membakar api sentimen fanatik perkauman, fanatik agama supaya keadaan negeri tidak stabil dan terganggu. Mereka ini mengharapkan rakyat akan marah dan tidak memberi sokongan kepada pimpinan Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu, jangan lupa, jangan lupa kita terhadap ancaman yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan pengganas baju merah yang diketuai oleh Panglima Jamban UMNO Sungai Besar, Dato' Seri Jamal Pak Tongkol yang mengancam dan ugut secara terbuka sanggup bermandi darah dan ulangi peristiwa 13 Mei demi pertahankan kepimpinan Dato' Seri Najib

Tun Razak. Yang terpalit dalam skandal curi wang rakyat iaitu Skandal 1 Malaysia dalam bahaya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Pengerusi Tetap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Hah ini di Selangor kita boleh.. 1 Malaysia dalam bahaya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya boleh mencelah tak, Pengerusi Tetap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Walaupun mereka terpalit dalam.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kita tidak ada Pengerusi Tetap di sini.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Speaker. Tuan Speaker (Ketawa).

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Walaupun mereka termasuk....

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Walaupun mereka termasuk menteri undang.....

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker, saya ingin mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Pengerusi Tetap UMNO? Saya nak minta penjelasan Tuan Timbalan Speaker, adakah Tuan Timbalan Speaker sebagai Pengerusi Tetap UMNO? Minta Penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Hulu Kelang minta laluan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ok-ok, saya minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta perbetulkan dulu Pengerusi Tetap UMNO.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya minta maaf. Kita ni jiwa besar. UMNO berjiwa besar kena ingat sikit. Mengenai Baju Merah ini saya nak nyatakan apa yang berlaku daripada Baju Merah, Baju Kuning ni saya ingat semua ADN dalam Dewan ini sudah tahu bermulanya dengan Baju Kuning selepas itu bila Baju Kuning sudah melampau-lampau di Dataran Merdeka memijak gambar-gambar pemimpin maka Baju Merah ini timbul. Ini menyebabkan, siapa yang mula? Saya nak tanya, Sekinchan sila jawab.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, kepada Yang Berhormat Hulu Bernam. Saya nak bagi tahu bahawa tuntutan bersih ini selaras dengan Perlembagaan. Prinsip Perlembagaan menuntut pilihan raya yang bersih dan adil. Yang lagi satu merah, dia buat perhimpunan, dia datang kacau. *Provoke* nak mencari gaduh dan nak timbulkan 13 Mei.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Mana ada bersih, bersih kuning terbalikkan kereta polis, dengan pijak itu bersih ke?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : ini provokasi, ini provokasi, Hulu Bernam di mana? Hulu Bernam tak tahu benda ini. Hah UMNO ini dia berada di atas, dia tak tahu benda rakyat, apa yang rakyat lakukan dia tak tahu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Hah ini bersangka jahat lagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini UMNO macam tu... UMNO.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ini bersangka jahat lagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Hulu Bernam macam tu. Saya bagi tahu. Jadi saya bagi tahu walaupun mereka termasuk menteri undang sebelum ini dan sekarang ini Menteri KPKT hah saya nak mereka menafikan bahawa ini Baju Merah tiada kaitan, tiada kaitan dengan UMNO. Mereka dalam surat khabar tiada kaitan. Dato', Ketua Jamban UMNO Sg. Besar ni tak ada kaitan. Saya nak bagi tahu saya dari Sekinchan, saya tahu ada kaitan ke atau tak ada jangan nak menipu lah. Siapa taja mereka di belakang? Siapa bagi fulus. Siapa *master mind* semua tahu. Semua tahu Dengkil, siapa tahulah, tak payah Dengkil bangun soal Baju Merah ini, sudah terang lagi bersuluh.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Tak saya nak Baju Kuning

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dengkil minta laluan tu. Minta pencilahan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nak minta laluan? Ok-ok Dengkil bagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Nak tanya Sekinchan, macam Sekinchan ni jadi jurucakap Baju Kuning, bersih kan tetapi siapa kah di belakang bersih ini? Dengar daripada luar negeri George Soros bersama-sama membantu bersih membantu Malaysia kini, membantu Merdeka Center, adakah ini benar dakwaan yang diuar-uarkan di luar sana.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini Tuan Timbalan Speaker, ini dakwaan seperti dulu lah. Seperti satu ketika zaman reformasi Yang Berhormat Batu Tin Chua, Badrul Amin, Yang Berhormat Hulu Klang dituduh ada *Molotov Cocktail*. Hulu Klang, Yang Berhormat Hulu Klang ada *Molotov Cocktail*, tak ada hah, tak ada. Tak ada tapi dikurung dalam sel berapa tahun? Dua tahun, loro, loro dengan izin. Dua tahun, hah ini kerajaan zalim. Dia buat satu tuduhan supaya boleh ambil tindakan. Ini sudah ternyata dan baru-baru ini dalam kes ISA Yang Berhormat Hulu Klang ni mereka menang ya, mereka menang ya kerajaan kalah nampak tak? Menang. Hah buktinya apa? Buktinya pihak UMNO ni jahat. Jahat. Mereka ni jahat dulu, kini dan selamanya. Dulu, kini dan selamanya dan saya diberitahu ni mereka ini ada DNA jahat. DNA ini tidak boleh dihilangkan. Minta maaf saya nak sebutkan dalam konteks ini ya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya berkeras menyatakan Sekinchan ini melampau mengata jahat, saya rasa kalau nak kata UMNO jahat. DAP lagi jahat

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak minta laluan, saya tak bagi. Saya tak bagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Bernam, tak bagi. Sila sambung Sekinchan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker, minta penjelasan sedikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Permatang nak lagi ke?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Baru nak cakap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nak cakap bagi lah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya boleh tuduh lah apa ni baju merah belakangnya UMNO tapi saya nak tanya lah yang baju kuning tu berlindung di sebalik kononnya NGO tapi yang berhimpun yang kat depan tu saya tengok semua pemimpin-pemimpin DAP, pemimpin-pemimpin PKR. Dalam Dewan ini pun ramai, Bukit Antarabangsa pun ada. Sekinchan pun ada.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya ada, saya ada, saya ada.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Majoritinya pemimpin yang depan tu semuanya pemimpin DAP, PKR depan. Jadi saya nak kata...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Apa salahnya?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Hah yang ini kata salah pulak? Jadi siapa sebenarnya di belakang yang penghasut utama bersih? Bukannya agenda dia untuk agenda demokrasi, bukan untuk agenda pilihan raya sebenarnya ialah agenda nak

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Soalan-soalan?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : soalannya ialah kerana itulah, saya nak minta penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri yang ada kat depan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Jawapan dah bagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sekinchan beri penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Ni soal bersih ni, tuntutan ini untuk semua. Bersih untuk semua. Saya nak tanya Cina, Melayu, India, Kadazan, Iban siapa yang tak suka bersih? Tolong angkat tangan daripada agama apa? Apa agama sekali pun yang tak suka bersih angkat tangan. Tak ada dalam Dewan ini Yang Berhormat. Yang Berhormat suka bersih tak? Bersih kalau nak sembahyang ambil air wuduk kena bersih semua air hah. Kena bersih, betul ya. Bersih tapi yang suka kotor satu sahaja UMNO Barisan Nasional. Sebab dia suka kotor jadi sebab dia tak suka bersih kotor lah senang aje nawaitu suka kotor.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Nama aje Bersih tapi kotor.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Itu senang sahaja, jadi Bersih ni, Bersih ni, salam Bersih sejagat. Sejagat untuk semua. Yang suka bersih semua boleh masuk tak kira dia daripada PKR ke, daripada PAS ke, daripada AMANAH ke, daripada DAP ke, daripada UMNO ke

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Boleh mencelah, tapi kalau air tak ada Sekinchan boleh bersih ke?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dia boleh masuk, sebab Bersih, kalau Tuan Timbalan Speaker kalau dia besok dia pergi ke Bersih boleh, tak ada masalah hah sebab Bersih bagi orang yang suka Bersih hah cuma orang yang benci dengan bersih, dia kotor, hati dia kotor.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tuan Speaker, nak mencelah, terima kasih Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Damansara minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Cukuplah saya nak teruskan. Nak teruskan sebab kita nak bersihkan sampah-sampah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dia tak bagi YB. Yang Berhormat dia tak bagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nak bersihkan sampah-sampah. Bersihkan sampah-sampah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan tak bagi Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Jangan bangun-bangun, saya nak bersihkan sampah-sampah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan terus.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok, Tuan Timbalan Speaker,

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan, Semenyih minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Yang ingin saya teruskan untuk

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan tak bagi Semenyih duduk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini penting ya kandungan bajet cukuplah

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dudu-duduk Semenyih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Air pun kita nak bersih, semua nak bersih cuma nak kotor kita tahulah siapa dia hah ok terima kasih. Terima kasih. Tuan Speaker, belanjawan 2017 membangun bangsa, memakmurkan negeri ini satu tema yang cukup hebat di mana kita memperuntukkan 52.2% peruntukan pembangunan. Tak pernah dalam sejarah sampai UMNO pun cemburu semalam dalam surat khabar saya baca surat khabar Cina mereka ini cemburu macam mana Selangor boleh buat sampai 52.2 hai tabailahum mereka tak boleh buat dengan izin. Mereka tak boleh buat. Berapa puluh tahun UMNO dulu tak boleh tapi Yang Amat Berhormat, Bukit Antarabangsa boleh buat. 52.2, saya mulakan ya sedikit, saya nak beritahu sedikit perincian di mana pada tahun 2014, pengurusan peruntukan pembangunan ini kita 36.8 waktu itu. Kemudian 2015, kita naik ke 48, kemudian tahun 2015, 50. Separuh-separuh, mengurus, pembangunan separuh-separuh sampai ke tahun 2017, 52.2. Hah, maknanya RM1.8 bilion akan dibelanjakan untuk pembangunan. Ini hebatnya Selangor ini. Tahniah. Dan kalau kita bandingkan kita pusing balik ke Putrajaya, kita tengok betul-betul ya apa yang disampaikan hah cukup sedih kerana cukup malang

hanya ada 17 *point something percent* saja lah. 17 sedikit *percent* sahaja. 17.63 untuk pembangunan dan 82.37 untuk mengurus. Maknanya tahun depan di Putrajaya seolah-olah tak ada lah pembangunan hanya mengurus sahaja. Bayar emolumen, bayar pegawai khas di Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pegawai-pegawai ini, pegawai-pegawai itu, bayar jet yang baru-baru ini bawa Reza Aziz dan sebagainya hah saya pun tak tahu siapa Reza Aziz Yang Berhormat Sabak? Saya semalam tengok dalam aplikasi *whatsapps* ada Reza Aziz boleh naik jet. Sekinchan pun tak boleh naik. Kena *delete* ya, tak boleh ya, saya rasa kalau dari segi protokol nya saya rasa tak boleh, tak boleh ya, tapi Malaysia ini serba boleh, di bawah UMNO semua boleh dia langgar semuanya sebab habiskan duit rakyat. Habiskan duit rakyat. Ini memang tak payah menafikan lagi lah satu dunia tahu sekarang tak boleh tutup. Pekong ini tak boleh tutup kenapa hari tu, kenapa saya nak jawab. Kenapa hari itu, waktu Pembentangan Bajet pembangkang keluar, ambil berkat, kenapa kita keluar sebab kita hormat speaker, hormat dewan yang kita tak hormat Perdana Menteri sebab MO1, sebab MO1 pencuri, penyangak semua bukan ini, itu, itu. Bukan ini, ini bukan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan itu tuduhan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Itu satu tuduhan berniat jahat 36 Peraturan-peraturan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuduhan tidak berasas. Peraturan 36.6.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Peraturan Tetap 36.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Pembangkang tak dapat jawapan, jadi kita keluar lah.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Peraturan Tetap 36.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak ada, tak ada..

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Eh Speaker tak buat keputusan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sekinchan duduk.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Eh Speaker tak buat keputusan. Bukan keputusan Sekinchan, duduk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mana satu?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sekinchan duduk dulu

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Hah duduk,

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Peraturan Berapa Yang Berhormat Hulu Bernam?

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasih, hah ini nak jadi Speaker pulak dia. Sekarang ini saya nak nyatakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Apa Peraturan apa?

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Peraturan Tetap 36.6. Hah ada.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Apa dia?

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ok saya bacakan, seseorang ahli tidak dibenarkan untuk menyebarkan nama dan ahli dan adalah tidak bersangka jahat.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Mana ada ahli?

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : 36.6 seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Oooh *you* bukan Ahli.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, Peraturan Tetap tak relevan di sini.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Apa dia?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Tak relevan. Ok silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, saya teruskan jadi saya nak beritahu Dewan yang mulia ini bahawa Pengurusan Bajet kita tersusun dan berhemah. Kita belanja ikut kekuatan yang ada walaupun tahun ini mengalami defisit RM9 bilion. RM900 juta ada defisit tapi tak apa kita berbelanja untuk nak memangkinkan ekonomi supaya pembangunan itu lebih terancang. Dalam ekonomi yang lembap ini kita perlu suntikan wang. Jangan macam Putrajaya tak ada wang untuk disuntik sampai ada laporan di surat khabar Sin Chew saya baca, diplomat-diplomat kita di luar negeri *driver* mereka nak *claim* OT pun tidak boleh, gaji tidak dibayar, lambat bayar. Saya tidak tahulah negara kita yang kaya dengan hasil mahsul tiba-tiba berlaku perkara sedemikian. Saya sayu, sedih tentang perkara ini. Tapi tak apalah kita bersedia untuk ke Putrajaya untuk menukar segala kecelaruan yang berlaku ini dan seterusnya saya nak nyatakan di sini bahawa perlu kita suntik dana yang besar supaya kegiatan ekonomi lebih rancak, ada timbulkan kesan gandaan, ekonomi akan

rancak maka rakyat akan rasa terbelah, ada pembangunan, apa perkara yang ada akan mereka nikmati.

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin teruskan dalam perbahasan pada kali ini di mana saya nak menyentuh mengenai program kebajikan. Kerajaan Negeri banyak menyediakan program-program kebajikan sejak 2008 macam-macam program kebajikan. Kita boleh dikatakan juara program kebajikan di Malaysia ini. Tiada negeri yang peruntukan sebesar duit untuk program kebajikan. Sebelum ini kita ada merakyatkan ekonomi, Skim Mesra Emas, Air Percuma 20 meter padu, Tabung Warisan Anak Selangor, Jom *Shopping*, Tuisyen Rakyat dan sebagainya. Sekarang kita ada baru *Full Stand* bantuan makanan asas kepada warga golongan miskin dan sebagainya setiap bulan, kita bagi bantuan makanan asas. Ini bagaimana kita nak bantu rakyat di bawah yang miskin. Seterusnya kekayaan Selangor juga kita dikembalikan dengan berbagai-bagai cara seperti menyediakan perkhidmatan bas percuma. Bas Smart Selangor di mana peruntukan sebelum ini RM10 juta, sekarang ini 2017 berapa RM20 juta. Sekinchan sebelum ini Sabak Bernam Yang Berhormat Sungai Panjang tidak ada, di Sabak Bernam, Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor perkhidmatan awam bas ini sepatutnya disediakan oleh SPAD tetapi bas berhenti-henti tersebut *yelek* dengan kata lain tidak ada bankrap, bankrap tidak ada, tidak disediakan. Ramai ibu tunggal, ibu tinggal, warga emas, ICT ibu cantik tinggal, OKU orang kuat UMNO, bukan orang kuat UMNO, orang kelainan upaya, minta maaf, minta maaf saya tersasar sikit dan juga orang rakyat mahir, pelajar-pelajar mereka terpaksa guna teksi atau guna kereta sapu, UBER belum ada Sekinchan, Uber belum ada, *Grabcar* belum ada mereka terpaksa belanja lebih atau gunakan kereta sapu. Ini antara keluhan orang bawah tetapi Kerajaan Negeri Selangor walaupun itu bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor tapi kita ambil inisiatif, ambil perhatian dan bantu adakan bas percuma, bas Smart Selangor. Bas Smart Selangor di Sekinchan ada, satu pukul 6 sampai pukul 9, 6 pagi subuh bas dah menunggu di situ, subuh kalau subuh nak pergi ke Sungai Besar boleh daripada Sabak Bernam ke Sekinchan boleh, dari Sekinchan ke Kuala Selangor pun boleh, tengok hebatnya Selangor, hebatnya Selangor bumi yang barakah, diberkati, *Insyallah* saya yakin rakyat akan memberi sokongan padu kepada kita semua. Tak apa kita memikirkan bagaimana untuk membantu mengurangkan bebanan rakyat bukan seperti di Putrajaya mereka tindas, minyak semalam naik sebanyak 15 sen, walaupun 15 sen itu bukan besar tetapi minyak di global turun tapi kita naik apa punya. Kedua Tuan Timbalan Speaker, minyak masak subsidi tarik habis potong, cantas, tarik potong dulu saya berniaga kedai runcit saya tahu minyak itu penting untuk rakyat. Suri rumah tangga datang ke kedai saya kerana apa beli minyak peket, beli apa minyak 5 kilo, 3 kilo sekarang minyak 5 kilo yang capnya segi dulu RM13.35 - 5 kilo, sekarang harga terbaru untuk makluman dewan ini RM21.30 naik berapa RM9.00, naik RM7.00 lebih tengok nak cekik darah, nak tekan rakyat sampai ke tumbang. Inilah Putrajaya, jauh sangatlah Putrajaya, saya belum cerita lagi GST lagi, cerita minyak sahaja soal minyak, tepung pun ditarik, gula, tepung, minyak semua, jadi Putrajaya bagaimana nak berjuang untuk rakyat kalau benda-benda ini terus tekan rakyat.

Rakyat tahu, seterusnya nak nyatakan di sini sekarang bas percuma Smart Selangor di Sekinchan, orang suka naik bas, rakyat di bawah tiap-tiap hari saya kalau tidak pergi mana-mana, saya naik bas, suka-suka naik bas Smart Selangor, pagi dia pergi naik dia *round* sekali tengok pemandangan Sekinchan hijau dan sebagainya. Dia suka sebab tidak perlu bayar boleh jalan-jalan hari-hari, tengok sampai macam itu, dia menikmati sampai macam itu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sekinchan, saya nak cakap.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Bernam minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya Hulu Bernam.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya nak nyatakan pada Sekinchan, bas dekat Hulu Selangor itu *first* hari pertama naik dah tersadai dah, jangan main politik. Ini bukan *Smart* bas, semak dah, semak bas.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Hulu Bernam, kalau ada bas di Hulu Bernam rosak tak apa, saya minta kerajaan ambil perhatian kalau ada.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIAM : Yang Berhormat sebenarnya perkhidmatan Bas Smart Selangor sampai ke KKB sahaja belum sampai ke Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya sebut tadi Hulu Selangor.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sungai Pinang ke dengar betul-betul, Hulu Selangor, saya tidak sebut Hulu Bernam, telinga kena Smart.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Denyut nadi kena bawa.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Telinga kena Smart sedikit, bukan telinga semak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : ADNnya tidak turun padang, santuni rakyat kerja tidak tahu, duduk di atas bersama dengan ketua-ketuanya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Bersama dengan ketua wanitanya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ini 36.6 bersangka jahat, Tuan Speaker peraturan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ketua wanita salah ke.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya Sekinchan Peraturan Tetap, apa dia Yang Berhormat.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Peraturan Tetap ini bersangka jahat, dia menuduh ok saya baca 36.6.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Apa dia Yang Berhormat?

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sekejap ya, bukan tadi ada.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Hulu Bernam duduk, Yang Berhormat buang masa, sambung Sekinchan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ok saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Hulu Bernam duduk.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Seorang ahli tidak boleh bersangka jahat ke atas sesiapa ahli lain.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Hulu Bernam duduk.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Seorang ahli tidak boleh bersangka jahat ke atas sesiapa ahli lain. Saya dituduh tidak turun padang, saya nak tanya kepada Sekinchan, apa asas tuduhan Sekinchan kepada saya. Kerja tetap saya jalankan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dengar dulu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ada tengok *facebook* saya? Baru betul jangan tuduh melulu, jangan bersangka jahat. Tarik balik perkataan ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok, Yang Berhormat Hulu Bernam duduk.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tarik balik perkataan ini, saya tidak setuju selagi tidak tarik tidak boleh mulakan sambungan dewan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : *Unfriend*, jadi macam mana nak tengok. *Unfriend block*.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Tolong tarik balik.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Kalau tidak ada *friend* jangan tuduh.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : *Gentlemen*, tarik balik..

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sekarang tarik balik tuduhan itu, tarik balik tuduhan itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Apa nak tarik balik, saya kata duduk di atas biar betul.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Dia tuduh saya tidak turun padang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Bernam duduk sekejap bagi saya bercakap. Ok apa yang disebut oleh Sekinchan ialah tiada di sini di atas yang saya dengar ialah turun padang, tak turun padang mohon Sekinchan jelaskan yang itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Maksudnya apa yang diungkapkan tadi soal balas dia tiada kaitan di situ, jadi saya kata tidak turun padanglah ertinya ada kaitan jadi sudah itu hanya penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sambung.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Timbalan Speaker ingin saya teruskan bas percuma Smart Selangor ini kenapa ramai rakyat walaupun dia tidak ke mana dia suka naik bas sebab apa ada kemudahan *aircond*, ada WIFI sekali. Jadi kalau ada WIFI ada, duduk di dalam *aircond*, pandangan kehijauan Sekinchan, pemandangan hijau di Sabak Bernam, dia suka tengok macam mana Kerajaan Negeri Selangor jaga rakyat. Ada yang pergi jejak Pokemon pun ada, tengok balik pun ada macam-macam jadi saya bagi contohlah maklumlah negeri-negeri.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Macam Melaka mana ada bas percuma, macam kat mana ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dekat Pahang tidak ada.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan, Sungai Burong minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nantilah bahas.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Nanti dulu Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sebab dia cakap dalam bas itu ada Wifi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burong dia tidak bagi. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya ingin teruskan negeri-negeri yang UMNO yang kononnya hebat sampai sekarang air percuma tidak ada idea, ada idea pun mereka susah nak buat, inilah yang kita lakukan di Negeri Selangor dan ingin saya teruskan dan saya ucapkan tahniah dan harapkan bas perkhidmatan percuma ini Smart Selangor dipertingkatkan kualiti perkhidmatan sampai ke sasaran dan *ontime* maksudnya sampai masa janji masa kena sampai itu kena sampai, jangan bas itu kena pusing ke tempat lain itu jangan. Itu kita kena pantau PBT supaya benda ini tidak berlaku. Seterusnya Tuan Timbalan Speaker saya sentuh satu perkara yang saya kira cukup penting, paling penting, mustahak sangat kerana tidak pernah dalam sejarah di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri memikirkan satu program yang memikirkan bagaimana kita nak kurangkan bebanan rakyat di bawah khususnya mereka nak mendapat rawatan kesihatan di bawah rakyat di bawah, saya ramai kawan yang datang ke pejabat saya sebagai ADN, saya tahu sebagai ADN datang ke pejabat di kawasan sekitar jauh nak pergi ke klinik, ada Klinik 1 Malaysia sesetengah tempat ubat yang diberikan tak memenuhi piawaian dan ada juga laporan-laporan. Jadi mereka kadang-kadang sakit, anaknya petani, nelayan Tuan Timbalan Speaker, mereka ini orang luar bandar petani, nelayan pendapatannya tidak menentu. Anak ada lima, mereka ini subur-subur anak ramai, subur-suburlah anak ramai lima kadangkala demam panas, kahak dan sebagainya mereka hanya pergi ke kedai singse hanya pergi ke kedai runcit beli apa panadol, panadol dan makan sahaja.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Mohon penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Anggerik minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila, Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Saya nak tanya kepada Sekinchan dan apa jadi Hospital Tanjong Karang yang beberapa kali dirasmikan tetapi tidak siap-siap lagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini kemudian saya sentuhlah ya sebab soal ini jangan potong stim dulu ya tak apa. Terima kasih Kota Anggerik jadi mereka ini kadangkala anak demam panas, tidak boleh hantar hari ini, tidak ada duit poket ada RM10.00 nak makan hari ini dan sebagainya tidak boleh hantar walaupun pergi klinik swasta sekali RM35.00 tidak boleh hantar kena *delay*, sakit pun kena *delay*, *delay* 2 hari, *delay* 3 hari ini masalah rakyat di bawah. Jadi sekarang Kerajaan Negeri Selangor memikirkan bagaimana nak mengurangkan tekanan dan bebanan lebih-lebih lagi GST dilaksanakan, cukai GST ini dilaksanakan sampai orang OKU yang duduk kerusi roda pun dikenakan 6 % dan ramai orang Islam yang terima, yang asnaf terima bantuan zakat itu pun kena 6 % tak patut mana patut. Saya bukan Islam tetapi saya rasa itu tidak patut. Orang asnaf ini tidak boleh kena 6 % sebab mereka tidak ada duit dibantu, ditarik juga 6 %, ini kerajaan zalim, ini kena beritahu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan, Permatang minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Boleh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasihlah Sekinchan, semangat sangat tengok fasal GST, pertama tolong komenlah Singapura GST 7 % dah buat lebih lama dah daripada kerajaan Malaysia, saya minta komen seluruh dalam Asia Tenggara kita terakhir buat Vietnam dah buat, Thailand dah buat, Indonesia dah buat pun bertahun dah. Yang keduanya saya nak beritahu kepada Yang Berhormat masalah orang OKU kena GST kalau dia beli barang kena GST, kena GSTlah, kalau dia orang OKU tidak boleh GST, tak kenalah beribu barang yang tidak kena GST Yang Berhormat tidak pernah kata pun. Dok cerita barang yang kena GST memanglah kena semua orang kena tidak kira dia OKU ke, orang miskin ke kalau dia beli barang GST, GSTlah tapi ada beribu barang yang tidak ada GST yang sepatutnya tidak kena pun kepada rakyat. Saya minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Yang Berhormat Permatang sebab saya tegaskan di sini banyak kali orang yang seperti asnaf, orang seperti OKU kategori ini tidak boleh dikenakan GST walaupun apa barangan patut dikecualikan ini sepatutnya dan Singapura dan sebagainya. Singapura dulu mula-mula nak *start* GST – 3 % sahaja.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Nak minta mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Batang Kali, Kampung Tunku minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya bagi Kampung Tunku, Batang Kali kemudian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila, Kampung Tunku,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat terima kasih, berkenaan dengan GST ini ianya satu bentuk *test* iaitu ianya perlu *consume* kalau asnaf ini dia perlukan bantuan peralatan untuk mengekalkan dia pun kehidupan dia. Kalau dia tidak ada tidak membeli barang-barang bantuan ini atau pun ubat-ubat ini, dia menghadapi masalah. Ini tidak boleh kira sebagai *consumption* ini berbeza dengan kalau dia beli minyak wangi, baju mewah, kasut-kasut mewah, beg-beg mewah itu *consumption*, *consume* baru kita kenakan *tax*. Di UK saya baru pulang Yang Berhormat barang-barang makan semua tidak dikenakan GST, dia kenakan 20%. Makan apa tidak ada GST, beli buku tidak ada GST tapi beli pakaian 20% GST. Di Malaysia yang kita semua hampir, bukan semua tetapi bahan makanan perlu untuk mengekalkan kehidupan kita ini dikenakan GST. Ada kah ini adil Yang Berhormat?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku, yang bijaksana memberi cerahan dan maklumat tambahan, saya setuju., saya memang setuju.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Penjelasan lagi, saya rasa Sekinchan tidak menjawab soalan saya tadi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya memang setuju. Saya nak menjawab Soalan Kampung Tunku.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya tanya dulu mengenai GST , orang.....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dah terlepas, kereta api dah terlepas. Ah... terpulang, dah terlepas, kereta api dah terlepas.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terpulang kepada Sekinchan nak jawab atau tidak

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kereta api terlepas dia tak boleh undur. Pantang undur.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak pandai jawab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Pantang undur.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak erti jawab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya teruskan, saya teruskan mengenai cerahan yang diberikan oleh Kampung Tunku memang, kalau ia tak ada perubahan yang itu untuk hidup dan sebagainya. Itu keperluan tak boleh, tak boleh dikenakan GST. Memang zalim jadi kita pertikai benda seperti ini tetapi Kerajaan dia sampai sekarang dia tak faham. Tak faham tapi tak apa ialah peruntukan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang minta lagi. Permatang minta lagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Belanjawan di Bajet di Putrajaya mereka suruh rakyat ikat perut, ikat perut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Batang Kali minta, Batang Kali minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Janji tidak ditepati betul.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Janji tidak ditepati betul.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Macam BN dicapati.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Sekinchan dah semak atau pun belum senarai yang selepas GST. Dah ke belum? Dah? Soalan kekal tak pernah baca tengok jangan komen. Tak tahu itu, sila jawab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat daripada Batang Kali yang sekarang sebagai Penyelaras Ketua Pembangkang. Soal GST kita mudah rakyat tak nak tanya apa benda di bawah apa benda. Dia tahu tiap-tiap hari kena 6% itu yang rakyat pertikaikan sampai hari ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan saya tak berjawab lagi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : *Cut* kan kos berbeban rakyat. Ya... setiap hari keluarga RM18.00 satu keluarga.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat Tuan Speaker

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan sekejap Sekinchan bukan tanggungjawab mereka yang bebas menjawab semua soalan dan cara jawapan terpulang kepada mereka yang ada *floor*. Dia bukan Kerajaan yang kena jawab satu persatu, itu penjelasan saya. Silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih jadi Negeri Selangor kita prihatin kita peduli rakyat maka kita memikirkan bagaimana kita nak tolong golongan nak pergi, nak dapat kesihatan dan rawatan percuma, bagaimana dan akhirnya Kerajaan Negeri fikirkan memperuntukkan sejumlah yang besar dalam sejarah RM125 juta untuk program peduli sihat ini, di mana memberi rawatan percuma kepada 250,000 keluarga yang melibatkan RM 1 juta rakyat di Negeri Selangor. Ini cara Kerajaan Negeri mentadbir, mengurus negeri bagaimana nak bantu rakyat. Ah ini dia ada program sedemikian, saya semalam balik dan terima banyak panggilan telefon, ada orang telefon macam bila nak dapat borang. Ada rakyat di bawah tanya bila nak dapat borang, ini sudah meletup. Skim peduli rakyat dah meletup, ramai dah tanya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker, boleh mencelah?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan, Hulu Bernam minta

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tadi Hulu Bernam nak minta borang. Borang belum ada.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya nak cakap dengan Saya nak minta penjelasan oleh Sekinchan, selama beberapa tahun termasuk ayah, termasuk ibu, sekeluarga semua mendapat rawatan hospital RM1 bukan kakitangan kerajaan itu memang sudah adalah. Kerajaan daripada turun temurun dah sudah sediakan perkhidmatan hospital yang percuma kepada kakitangan kerajaan dan kepada yang bukan kerajaan. Dah ada dah Kerajaan dari turun temurun sudah sediakan perkhidmatan hospital yang percuma kepada kakitangan kerajaan dan kepada bukan kerajaan. Ini dah ada Klinik 1M pun sudah ada tak payah bangga walhal itu yang dah ada dulu bertahun-tahun kita menikmati, kita lupa, sila beri penjelasan betul ke tidak?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak bagi tahu Yang Berhormat nak respons kepada Yang Berhormat Hulu Bernam mengenai kerajaan dah bagi dia RM1 dan sebagainya. Ini memang tanggungjawab Kerajaan, sebagai Kerajaan Negeri kita bantu tambahan tetapi kenapa ramai rakyat dia tak pergi ke Klinik 1M, kenapa tidak pergi ke Klinik ramai-ramai kerana apa ramai tak pergi.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Klinik kerajaan penuh, penuh.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kenapa ramai tak pergi itu sebab Doktor yang dilantik atau pun ubat yang diberi kadang-kadang ada masalah. Ia tidak menikmati piawaian seperti apa yang saya tegaskan, kalau saya nak baca ini banyak saya dah cari *point* nya tak mahu buang masa nak layan ini satu persatu. Tapi saya nak bagi tahu rakyat tidak mahu pergi sana tunggu lama sangat. Hospital Kerajaan kan janji 16 tahun, janji 16 tahun 3 kali, 4 kali Pilihanraya Rancangan Malaysia Kelapan hingga ke Sebelas tak tahulah nak ke Rancangan ke berapa. Ah.... di Tanjung

Karang, Menteri dia sekarang Menteri undang sekarang dia Menteri KBKT dia juga undang tak berjaya, gagal sekarang dia janji 16 tahun yang lalu nak dirikan Hospital di Tanjung Karang sampai hari ini walaupun dikatakan sudah nak *start* saya marah saya tunjukkan disitu baru sekarang dia pergi buat satu pagar.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Buat klinik gigi dulu, klinik gigi dulu saya suruh hospital dulu, klinik gigi dulu. Kenapa Klinik gigi diutamakan, hospital bukan klinik gigi, tapi dia buat.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan, Permatang minta penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Sekinchan. Ini pasal kawasan saya pun terlibat benda ini. Tak adalah janji sampai tahun 16 tahun jangan bohonglah dalam Dewan ini. BN baru umumkan pada tahun 2015 bajet itu, ya 2015. Yang kedua hospital di klinik gigi itu sebenarnya bajet yang lain peruntukan yang lain, asalkan buat di Pekan Tanjong Karang klinik yang lama. Oleh kerana tapak tak sesuai dan ada lebih kawasan Hospital yang baru maka dipindah ke tapak hospital yang baru disebelahan dia bukan yang sama. Jadi kena jelas dan sekarang ini untuk maklumat kontraktor telah dilantik legakan kerja, sabarlah Sekinchan tidak kata janji 16 tahun. Itu saya ingat tak betul.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih .

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jangan pusinglah faktalah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Cukup, cukup. Silakan Sekinchan sambung.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak terima kasih Permatang, waktu janji dari Menteri ulang dulu Permatang belum ada, tak tahu tanya rakyat di sekitar Tanjung Karang 16 tahun dah janjilah bukan kita kata kita tak boleh tunggu, dah 16 tahun kita tunggu bila nak bukti lagi Sekinchan 16 tahun itu? 16 tahun tunggu

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Apa bukti itu 16 tahun?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : 4 Pilihanraya

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bagi-bagi bukti

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : 4 kali Pilihanraya tanya rakyat turun tanya. Jadi saya tak perlulah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak da.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang, Permatang boleh balas baik dan berbahas lagi. Sambung Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Maknanya Undang ini yang berlagak di Parlimen masuk isu campur air dan sebagainya. Puas mintalah khabar ini balik naikkan Hospital dulu kalau Hospital, nak dulu baru ada *authority* nak cerita lain. Kalau tidak terus pergi jaga undang sampai tutup undang.

Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, dan skim peduli rakyat ini kesihatan cukup tepat pada masanya. Lebih kurang RM1 juta rakyat akan menerima manfaat, saya yakin rakyat yang tunggu nak 4 borang ini sekarang di kedai kopi sudah meletup, rakyat cakap inilah yang kita tunggu, orang UMNO pun tanya ini yang dulu waktu kita melaksanakan Skim Mesra Usia Emas orang UMNO bagi racun, orang MCA bagi racun jangan ambil borang Kerajaan ini tipu tak boleh dapat duit khairat tak akan bagi tipu, UMNO bagi cucuk di bawah *surrender* tak nak datang tapi selepas beberapa tahun kita bayar mereka percaya sampai Ketua Cawangan pun datang. Ketua Kampung mereka yang lama pun datang, datang ambil borang dan sekarang saya ambil gambar dengan dia juga bayar-bayar RM2,500.00 ambil gambar. Sekarang mereka dah okey, kita tak ada masalah dengan mereka. Tetapi kenapa mereka dulu buat macam itu sebab kena cucuk. Mereka bagi tahu mereka tipu dan sekarang ini program saya yakin Selangor dah tahu. Program peduli sihat ini betul, ah ha.... Ini betul. Jadi kita akan laksanakan di lebih 1,000 panel klinik swasta yang akan kita terlibat sama. Saya yakin ini program yang terbaik dapat kita perhebatkan di bawah supaya ramai rakyat akan mendapat rawatan percuma supaya penyakit-penyakit apa masalah sakit tekak, batuk, "lau sai" mana 'lau sai', "fatt sui", "lau sai" maksud cirit birit semua selesai. Semua selesailah Nurul tak datang mungkin dia pun "lau sai" juga. Tak apa jadi mungkin esok dia kena pakat golongan B40 tak boleh, dia kena bawa RM3,000 kena ada slip pendapatan dan seterusnya Tuan Timbalan Speaker saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini soal bebanan kos saran hidup ini cukup kritikal sekarang, cukup kritikal. Kesejahteraan rakyat yang diberi keutamaan bajet 2017 sudah dibentangkan hakikat rakyat terus sehingga ada yang terjun jambatan ke laut.

Tuan Timbalan Speaker, saya sebab dan sayu sedih serta marah apabila mengenang nasib malang arwah Mohd Shukri Saad, 38 tahun, seorang anak muda yang sepatutnya mempunyai masa depan yang cerah untuk diri beliau tetapi beliau memilih terjun dari jambatan ke laut sanggup memilih mati atau bunuh diri kerana apa, kerana tertekan dizalimi oleh kerajaan yang ada sekarang, ya kerajaan BN Barisan Nasional seperti apa seperti arwah muat turun, muat naik dari FB, nanti saya akan baca. Dia nak sampai ucapan salam takziah kepada keluarga beliau. Kita simpati dengan keadaan hayat kita boleh sampai jadi memilih bunuh diri sanggup

mati kerana tekan dengan kerajaan yang zalim dan kos sara hidup yang tinggi. Ya, / bagi apa yang tulis dalam FB ini. Celaka pimpinan kerajaan sekarang ah ini dalam FB saya tak tambah celaka punya pimpinan kerajaan sekarang berniaga kedai runcit kampung sahaja bukan untung besar pun margin cukup nipis dibebani dengan cukai GST. Lagi memang Kerajaan sekarang memang zalim, kataknya dalam FB yang terakhir sebelum beliau melompat. Arwah Mohd Shukri Saad didapati bersalah dia jual rokok, dia mengakui jual rokok RM360.00 dan beliau tidak sanggup ke penjara sebab apa, sebab tidak mahu anak dia ditanggung ini daripada keluarga yang jadi banduan dan sebagainya. Beliau memilih terjun ke laut sebab apa kerana tertekan dengan kehidupan tak sanggup berada dalam kerajaan yang zalim ini seperti dalam pepatah bahasa Cina pun ada dia mengatakan maknanya Kerajaan dengan izin, dengan izin...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya mencelah.

Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Bernam minta mencelah. Bagi tak bagi? Belum lagi Yang Berhormat. Baik duduk dulu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Maksudnya kerajaan yang zalim dia bagai harimau yang berbaham ini dia rakyat sekarang kita dah ada kes rakyat sanggup mati, bunuh diri kerana kezaliman, GST dan sebagainya bukan saya tuduh dia jadi sendiri. Tuan Timbalan Speaker saya harap kita munasabah dirilah sebagai pimpinan khususnya di Putrajaya ini janganlah terus melaksanakan dasar-dasar yang mencengkam. Ia, ia menekan rakyat seperti GST, seperti naik turun harga minyak, seperti tak potong subsidi, seperti potong subsidi bantuan pendidikan dan sebagai semuanya dia potong. Kita jangan lakukan yang di bawah ini sekarang dalam keadaan yang cukup susah.

Seterusnya saya ingin teruskan dengan bagaimana kita nak teruskan dengan isu pendidikan. Saya nak ucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri kerana sudah agar lama pihak BBC memanjangkan isu soal pendidikan ini dan sekarang ini dalam keadaan Belanjawan 2017 sudah diumumkan bahawa bantuan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan bantuan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan seperti apa yang kerajaan sebelum ini menjanjikan dalam Manifesto kita laksanakan RM1 juta untuk 5 buah Sekolah SMJK dan juga 20, 5 buah *mission school* RM1 juta untuk permulaan. Ini satu langkah yang terbaik walau pun kita ini tanggungjawab kita sedia maklumlah bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri. Tapi Kerajaan Negeri membantu. Cuba membantu dengan kewangan yang ada, cuba membantu. Ini satu perkara yang cukup kita sanjung, kita puji. Soal janji kita tepati, kita tidak mahu macam UMNO Barisan Nasional, selalu janji itu di capati.

Sementara itu, sejumlah RM21 juta telah di peruntukkan untuk seperti apa yang kita nampak, ada peningkatan dalam Sekolah Agama Rakyat RM9 juta, seperti pecahan,

sekolah jenis kebangsaan, adalah Sekolah Cina, RM7 juta, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, RM5 juta. Ini semua, bagaimana kita perhebatkan. Kita mementingkan pendidikan, modal insan, kualiti modal insan. Kerajaan Negeri terbuka. Saya memuji Kerajaan Negeri kerana terbuka. Terbuka, mengambil sikap peduli. Semua aliran sekolah kita santuni, dan kita cuba beri perhatian dan bantuan. Supaya di Negeri Selangor ni, isu pendidikan itu jangan dipolitikkan. Saya sedih sampai hari ini, dah lapan tahun kita beri bantuan kepada sekolah rendah. Sekolah rendah dan sebagainya. Wakil rakyat nak turun ke sekolah rendah. Wakil rakyat yang bagi bantuan, bagi sek. Kadang-kadang dah pergi ke sekolah rendah jenis kebangsaan. Tak boleh masuk. Sampai hari ini pun tak boleh masuk. Kenapa... Kerajaan Negeri nak bantu soal kewangan. Kita bantu, bukan nak dapat apa.. Nak sampaikan cek, tak boleh masuk. Masuk pun tak boleh. Dia tahan. Ini sikap UMNO, sikap BN, sikap MCA, MIC. Kenapa rakyat tolak mereka. Sebab itu, Mereka pemikiran sempit, tak nak bagi kita masuk. Biarlah mereka terus halang. Tapi rakyat di luar mereka faham. Siapa sebenarnya yang betul-betul berjuang untuk rakyat. Membantu mereka.

Dan satu isu yang saya nak timbulkan. Saya baru-baru ini dapat aduan daripada Lembaga Sekolah Persendirian Cina, di mana kita setiap tahun, sejak 2008, 2009 kita peruntukkan RM2 juta untuk 4 buah sekolah, 4 sekolah persendirian menengah, ya. Kita bagi bantuan RM2 juta. Peruntukan itu sudah ada, tapi tahun ini saya hairan kenapa sampai sekarang, dah bulan sebelas, duit itu tak sampai ke lembaga. Lembaga tanya, mana duit yang dijanjikan. Saya tau, duit itu ada tapi tidak disampaikan. Ini mungkin ada kelemahan. Saya minta Yang Berhormat EXCO Seri Setia kena pantau perkara ini. Sepatutnya duit dah ada awal tahun, bulan 3, sebelum bulan 6, kita kena bayar. Sebab duit ada, kalau duit tak ada, lain cerita lah kan. Macam hospital, dia tak boleh bina lagi, sebab duit tak turun lagi. Ini lain, ini beza, kita ni, duit ada. Jadi saya minta Yang Berhormat EXCO kena pantau perkara ini. Kita nak sampaikan supaya mereka mudah untuk buat perancangan. Lembaga sekolah pun mereka nak buat perancangan, dapat duit ini, nak buat itu, nak buat ini. Ini dah sampai akhir tahun dah tak dapat, perancangan agak terbantut dan tersasar sikit. Terganggu lah. Saya minta ini satu.

Yang kedua, saya nak bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa saya tidak begitu setuju dengan cara pengagihan, pengagihan peruntukan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan sebagainya, sekarang jawatankuasa yang dilakukan sekarang oleh Yang Berhormat EXCO saya tidak berapa setuju. Sebab sebelum ini Yang Berhormat Selat Kelang lebih terbuka. Dia memberi kuasa kepada ADN-ADN untuk memberi kata putus, bagaimana sekolah di kawasannya, berapa peruntukan yang harus kita beri. Kita ada cakap, *final say*, dan keputusan itu dihormati secara kolektif. Tapi sekarang ini, dengan cara pendekatan yang baru, kita nampak, kita datang diberi, diminta untuk memberi pandangan dan sebagainya kemudian lain-lain kita ada hak dan tidak diberi pandangan. Jadi saya rasa, cara kaedah pengagihan sedemikian perlu dirujuk semula, disemak semula. Supaya ADN-ADN ini diberi

akses, diberi hak untuk menentukan semua sekolah-sekolah di Negeri Selangor. Sebab kita kadang-kadang faham, di masyarakat Cina, di masyarakat India, di mana sekolah itu kita tau. Tapi oleh sebab kita tidak diberi, diminta untuk bagi pandangan dan sebagainya, kadang-kadang peruntukan yang disampaikan tidak seperti yang dihasrati, di minta. Jadi ini perkara kelemahan. Ini soal kelemahan. Jadi saya minta perkara ini, mesti dipertimbangkan, disemak, tahun hadapan kita ada satu kaedah seperti dulu yang lebih baik. Ini semua untuk penambahbaikanlah, demi kebaikan. Supaya sistem penyampaian peruntukan yang ada sampai ke golongan yang betul-betul memerlukan bantuan tersebut.

Dan seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit tentang peruntukan, sebelum ini ada pinjaman. Saya pun dah tanya perkara ini berapa kali. Pinjaman daripada Kerajaan Negeri, RM430 juta. Kumpulan Darul Ehsan. Dulu kita gunakan Dewan untuk lulus. Lulus, kita pinjam, sebulat suara. Pinjam kepada KDEB dan di bayar faedah, dibayar faedah, tapi sampai hari ini, mungkin dulu janji setahun dua nak bayar, setahun. Sekarang kalau dalam ingatan saya, dah lebih tiga empat tahun, tapi bayaran RM430 juta, bagaimana. Saya mahu penjelasan yang lebih terperinci daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar soal perkara ini. Dan seterusnya, ingin saya sentuh sedikit tentang pembangunan sektor pertanian. Di mana isu pertanian ini di Selangor kita terus memaju, membantu rakyat di bawah supaya sektor pertanian di Selangor ini dapat berkembang lebih maju dan kehidupan rakyat petani-petani dapat ditingkatkan. Tapi baru-baru ini, beberapa masalah wujud. Masalah seperti, ingin saya tekankan di sini, ada mula berlaku jangkitan penyakit hawar daun iaitu BLB, melibatkan kawasan Sungai Burong dan Sekinchan. Dan ini perlu perhatian daripada Yang Berhormat EXCO, supaya ada bantuan kecemasan untuk petani-petani kerana, serangan penyakit ini dia cepat merebak. Dia bukan disebabkan apa, disebabkan angin yang tiup kuat. Itu kadang-kadang boleh melukakan daun-daun, dan akhirnya timbul penyakit BLB ini. Saya harap ada bantuan daripada pihak Yang Berhormat EXCO Pertanian, dapat beri perhatian supaya dapat mengurangkan tekanan petani-petani yang menghadapi permasalahan ini.

Dan seterusnya, isu yang saya ingin timbulkan adalah soal air. Air di bendang. Air di kawasan Sawah Sempadan, di kawasan Sungai Burong. Setiap musim, sering kali berlaku kekurangan air. Kekurangan air. Pihak JPS, pihak IADA, perlu ambil, Jabatan Pertanian, perlu ambil satu pendekatan yang, jangka panjang dan jangka pendek. Supaya perkara ini dapat di atasi. Sekarang ini saya nampak, setiap musim mesti berlaku kekurangan air. Dan saya cadangkan, saya cadangkan daripada Sungai Burong ke Sekinchan, dia adalah satu blok yang besar, Sungai Burong ke Sekinchan. Kemudian daripada Sekinchan ke Sungai Nipah, dia ada satu blok yang dua kali ganda besar. Dua kali fasa yang kedua, dua kali ganda besar. Jadi saya minta pihak Jabatan Pertanian, kalau boleh pecahkan blok daripada Sekinchan ke Parit 9, satu blok. Parit 9 ke Sungai Nipah, satu blok. Jangan Sekinchan terus ke Sungai Nipah. Itu melibatkan dua kali ganda keluasan bendang di situ. Akhirnya menyebabkan hari yang tidak mencukupi dan air tidak dapat disalurkan. Perkara ini

harus dicari satu penyelesaian. Setiap musim berlaku, setiap musim berlaku. Mungkin saya tahu, mungkin ini berkaitan dengan Jabatan Pertanian, berkaitan dengan IADA dan sebagainya. Tapi saya minta selepas ini ada satu pertemuan, ya, di kalangan petani-petani di Sekinchan dan juga EXCO dan juga pihak IADA, MARDI, JPS, Jabatan Pertanian, supaya ada dialog antara petani, apa-apa isu yang berlaku dapat kita suarakan. Termasuk mutu, benih padi, 284, 293 yang MARDI perkenalkan baru ini. Benih baru ini begitu mudah dijangkiti penyakit-penyakit. Ha, jadi saya nampak ini ada persoalan mutu benih padi itu. Jadi saya harap EXCO Pertanian dapat mengambil maklum tentang perkara ini.

Dan seterusnya, di Sekinchan sekarang ini, memandangkan pembangunan semakin pesat, pembangun semakin pesat dan juga pembangunan pelancongan juga semakin pesat. Di sini isu bagaimana kita nak kekalkan, kekalkan keluasan tanah untuk bekalan makanan keselamatan negara. Bekalan makanan keselamatan negara ini penting. Ya, jadi kita tidak boleh demi generasi akan datang, kita mengekalkan ini ekopelancongan, kehijauan yang terbentang luas ini. Jadi sekarang terdapat permintaan oleh sebab tanah di Sekinchan ini, di DUN Sekinchan tanahnya terhad. Tanah kerajaan dah tak ada. Tanah kerajaan yang dulu semua, pihak MCA dan UMNO dah agih-agihkan. Dah tak ada dah. Tak ada tanah sehingga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar nak turun ke padang nak cari satu tanah untuk naikkan, pendaratan ikan, cari berbulan-bulan tak boleh dapat tanah sebab tanah sapa ambil. Semua MCA, UMNO, MIC dah sapu. SSTATIM, Skandal Sapu Tanah Satu Malaysia. Semua habis dah,

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Tuan Speaker,

Y.B. TUAN NG SUE LIM : Ini fakta, tak payah lah Sg Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Tak... pasal kita dah bagi rizab Melayu kat situ, janganlah salahkan UMNO dan sebagainya, kita dah bagi tanah rizab Melayu kat situ... untuk masyarakat orang Cina...

Y.B. TUAN NG SUE LIM : Sungai Air Tawar ni...

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Jangan tuduh yang bukan-bukan. Itu sangka...

Y.B. TUAN NG SUE LIM : Dia tak ada dalam keadaan, dia tidak berada dalam keadaan, tapi tak apa.

TUAN SPEAKER : Sekinchan, saya minta Yang Berhormat Sekalian, patuhi peraturan dewan. Itu saja. Tak payah saya sekolah kan lah ya.. silakan Sekinchan... sekejap Sekinchan ya, nak tanya, agak-agak berapa minit lagi nak ambil. Dua minit...

Y.B. TUAN NG SUE LIM : Err, saya perlu lagi 20 minit untuk *landing* kerana cuaca tidak begitu baik. Jadi nasihat daripada anak kapal dan juga kapal terbang dia perlu sedikit masa lah. Ya, minta maaf, harap maklum tuan timbalan speaker..

TUAN SPEAKER : Terima kasih..

Y.B. TUAN NG SUE LIM : Jadi sekarang oleh sebab tanah dah diagihkan semua. Tak tanah dah. Dan sekarang orang mencari tanah untuk pembangunan. Kebetulan sekarang ni di depan BERNAS ada sekeping tanah 84 ekar, 84 ekar. Di depan BERNAS. Jalan Parit 5, Jalan Parit 5. 84 ekar betul-betul di tepi Jalan Persekutuan 5. Di mana di situ ada 60 lebih pekebun-pekebun 84 ekar ini. Mereka ini mengharapkan untuk pembangunan tetapi ada pro dan kontra, ya.. dan status tanah tersebut sekarang ini semua padi, ditanam padi. Kehijauan. Dia merupakan, kalau kita masuk ke Sekinchan, nampaklah jendela, nampak satu perkembangan hijau, Yang Berhormat Timbalan Speaker, di parti 4 tentu sudah tahu. Hijainya di situ, kalau di situ, 84 ini, dibangunkan dengan kedai-kedai yang berlambak, saya rasa tidak begitu sesuai dengan keadaan setempat. Kerana kedai dah melambak. Kedai dah melambak dan sekarang *zoning* nampaknya sudah, oleh sebab dia tak ada gazet sebagai padi, jadi dia dah jadikan satu tempat boleh dijadi *zoning* komersial dan *zoning* perumahan. Ramai *wong* berebut-rebut naikkan harga untuk bangunan di situ. Tapi saya nak minta penjelasan daripada, pandangan daripada Kerajaan Negeri tentang bagaimana nak kita menjaga kelestarian, kehijauan, ekopelancongan di Sekinchan untuk generasi kita akan datang. Untuk pada masa yang sama kita juga nak menjaga, mempertahankan keselamatan bekalan makanan yang mencukupi kerana Sekinchan satu-satunya kawasan jelapang padi yang ada di Negeri Selangor. Jadi kehijauan itu adalah aset, khazanah yang tidak bernilai, tidak boleh dikira daripada nilainya untuk generasi masa akan datang. Jadi saya harap di sini ada keputusan yang lebih tegas daripada Kerajaan Negeri tentang bagaimana cadangan tersebut untuk pembangunan di situ.

Dan seterusnya, saya juga ingin bangkitkan tentang masalah nelayan. Oleh sebab saya nampak hari ini, Sungai Panjang tak datang kerana dia dah jadi Ahli Parlimen dalam pilihan raya kecil yang lalu, mereka beria-ia, memperjuangkan soal nelayan. Saya nak tanya sekarang, sampai hari ini, sampai hari ini, mana yang dijanjikan, tiga, tiga nelayan nak dipulangkan ditebus balik akibat ditangkap oleh, ditangkap oleh polis marin, oleh Indonesia kerana di soal pencerobohan perairan antarabangsa dan sebagainya. waktu pilihan raya, Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Zahid datang. Kita bantu, kemudian dibalikkan dua, ditebus dua orang. Ada sorang tersangkut sampai hari ini. Janji mereka tiga, tapi balik dua. Di mana janjinya. Kemudian botnya tiga-tiga bot nak dibalikkan, sampai hari ini, kayu pun belum nampak. Jaring pun tak nampak. Bot lagi tak nampak lah. Dan kerajaan, saya ucapkan terima kasih, kepada Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, yang baru-baru ini, terjah, turun ke, membuat lawatan rasmi ke Daerah Sabak Bernam, sempat singgah di Sekinchan dan memberi sedikit bantuan kemanusiaan kepada keluarga yang

masih ditangkap, di penjarakan di Indonesia. Ha, inilah sikap Kerajaan Negeri Selangor. Kita tak ambil pendekatan politik untuk nak tarik undi, tapi kita bantu yang sebolehnya. Tapi nak janji nak balikkan mereka sampai hari ini, mana janji mereka, mana janji Sg Panjang untuk balikkan, tebus balik lagi sorang, dan bot itu tiga-tiga ditebus balik. Sampai hari ini membisu seribu bahasa. Kerana apa, pilihan raya sudah lepas. Inilah kaedah rakyat diperbodohkan dengan cara sedemikian. Ini... oh! Panglima, panglima geng Sungai Besar sudah datang. Panglima zaman Sungai Besar sekarang kononnya sudah naik pangkat, saya ucapkan tahniah. Tapi hendak tekankan di sini ya, mana janji

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Celahan, Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mana janji nelayan dikembalikan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Panjang minta laluan. Sila Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya bila tengok berlari Sekinchan tadi. Dia beri bermacam-macam tuduhan demi tuduhan yang dia buat. Kita pun hendak... apa dia? Suka menuduh. Kita pun juga hendak bertanya Sekinchan semenjak 4 penggal, 3 penggal dia di sana, apa yang janji hendak bantu nelayan? TRM di tempat-tempat itu pun dia kalah. Itu sebab hendak beritahu Sekinchan jangan buat tuduhan-tuduhan terlalu melulu. Orang yang namanya yang Sekinchan sebut 'Pak Tongkol' itulah yang tolong nelayan. Ya. Jadi saya minta Sekinchan jangan terlalu membuat tuduhan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Soalan tiada ya? Ok. Tuan Timbalan Speaker, saya hendak memberi tahu di Sekinchan ini isu nelayan kita banyak selesaikan. Kita bantu dari kuasa yang ada pada Negeri. Saya hendak beritahu kepada Sungai Panjang kalau tidak faham belajar dulu ya. Soal bagaimana kita bantu isu geran, hak milik tanah Lorong 1 hingga Lorong 5 yang Barisan Nasional perintah 50 tahun, 50 tahun nelayan di Bagan, Sekinchan 180 orang di situ keluarga, tidak dapat. Selalu ditipu tiap-tiap pilihan raya kita akan beri geran, kita akan bagi permohonan geran dan sebagainya, tidak dapat.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : 180 lebih. Tapi bila kita buat

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Panjang minta bagi laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Cukuplah. Dia kata kita tidak bantu. Jadi saya hendak ditegaskan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Sebab fitnah yang diberi itu adalah Tanah Rizab Melayu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sekinchan tidak beri laluan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Kawasan yang diberi itu adalah kawasan rizab Melayu dan dia kena sebutkan

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat boleh.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nanti dulu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Baru dibenarkan. Sila.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Maknanya dia kena beri penjelasan, di mana kawasan? di mana lokasi? kawasan rizab Melayu. Jadi penjelasan daripada Sekinchan supaya dalam dewan ini tahu dia tidak buat tuduhan yang melulu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya hendak bagi tahu yang Berhormat Sungai Panjang baru jadi ahli parlimen turun padang tengok dulu, *survey* berapa lorong yang ada di Bagan Sekinchan? Lorong 1 hingga Lorong 12. Yang saya sebut itu Lorong 1 hingga Lorong 5. Itu bukan rizab Melayu. Kalau tidak faham balik tanya Sidang. Sidang di kampung. Tanya dulu. Yang Berhormat Pelabuhan Klang datang bagi geran pada waktu itu. Tanya dulu. Itu tidak tahu. Itu bukan tanah rizab Melayu Lorong 1, Lorong 5, Lorong 1 sampai Lorong 5. Tidak tahu. Lorong 1 sampai Lorong 5 zaman Sungai Panjang, Khir Toyo dulu Menteri Besar tiap-tiap pilihan raya 'kita akan bagi', 'kita akan bagi sokongan' tapi tidak adapun... tapi selepas 2008 kita memerintah di Negeri Selangor diberi mandat dan kita jalankan tanggungjawab, kita kalaskan tanggungjawab dengan ikhlas. Kita bantu Lorong 1 dan Lorong 5 Rizab Melayu kita bagi geran haaa... ini saya kena ucapkan terima kasih kepada Pelabuhan Kelang. Pelabuhan Kelang sebelum ini berusaha dan dia bantu ini hakikat, fakta yang tidak boleh di auta kan. Haa... jadi saya mengucapkan terima kasih lah walaupun sekarang dia telah menjadi bebas. Dia telah jadi bebas. Ini benda betul saya tidak pernah memesongkan fakta yang betul ya. Jadi Sungai Panjang tidak faham tanah rizab Melayu. Saya pun, bagaimana? Tidak apa. Yang kedua, yang dipersoalkan rizab Melayu adalah Lorong 6 hingga Lorong 12, Sungai Panjang. Saya sekarang bagi kuliah, bagi kursus sedikit ya. 6 hingga 12, itu Rizab Melayu. Kita sudah cari satu resolusi yang duduk di atas itu semua majoriti semuanya 100% nelayan sudah lebih 50 tahun. Jadi kita cari satu pendekatan yang terbaik iaitu cara gantian tanah di Sungai Tinggi, tanah 77 ekar yang sama kita gantikan batalkan warta Melayu dan tiada guna ... tanah Rizab Melayu. Ini mereka hendak perjuangkan, Sekinchan angkat! Sekinchan rampas! Tanah Rizab Melayu. Ini UMNO lah dulu kita tahu, dia hendak bakar sentimen.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan, Sungai Panjang dan Kampung Tunku minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya hendak beritahulah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ada dua Kampung Tunku dan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kampung Tunku dulu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Sekinchan. Bukankah satu etika yang sangat penting dan sikap sangat penting kepada ahli-ahli politik dan calon pilihan raya bahawa setiap kali kempen pilihan raya kita perlu jujur dan perlu menjanjikan sesuatu yang boleh kita lakukan. Jadi Sekinchan, bahawa satu contoh iaitu berkenaan nelayan yang diculik bukan sahaja janji ini tidak ditepati malahan tersasar lagi, itu contoh pertama. Yang kedua, dengan pemberian kebenaran ataupun lesen untuk bot nelayan Kelas B untuk mengupah warga asing, pekerja-pekerja itu dijanjikan kerajaan parti Barisan Nasional semasa kempen pilihan raya sehingga sekarang pun dikeluarkan kerana apa? Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Sekinchan adakah kerana ia tidak boleh dilaksanakan terhitung dahulu sampai sekarang. Tapi kerana hendak menangkan pilihan raya, Barisan Nasional sanggup menjanjikan apa sahaja? Adakah ini ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku. Memang saya tegaskan berulang kali dalam dewan yang mulia ini. Perjuangan mereka sebelah sana, usaha UMNO, Barisan Nasional mereka bukan ikhlas betul-betul. Jika betul kenapa begitu lama mereka minta untuk mengambil dua (2) pekerja asing dalam Lesen Bot B untuk Bot B /Permit B ini tidak boleh, berkali-kali pilihan raya, tidak boleh. Tapi oleh kerana hari itu yang pilihan raya kecil, Pilihanraya Kecil Sungai Besar tiba-tiba boleh. Dibolehkan. Dibolehkan. Ini bukti apa? Bukti apa? Bukti mereka tidak ikhlas. Mereka hanya menggunakan ini sebagai umpan undi. Umpan undi. Jadi nelayan di Sungai Besar di sana mereka terima kasih kepada Barisan Nasional kerana ada pilihan raya kecil baru mereka ...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker, minta penjelasan sedikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tiada. Tiada.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan, Permatang minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sedikit lagi. Bagilah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kalau kata umpan, Sekinchan , pilihan raya tiba-tiba ada bas *Smart* Selangorku buat di Sungai Besar, ini macam mana tu? Saya hendak tanya pula bagaimana tiba-tiba boleh lancar bas *Smart* Selangor? Kebetulan juga. Itu bukan pilihan raya ya?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Yang Berhormat Permatang kerana tidak merampas fakta yang tepat. Bas Smart Selangor ini sebelum pilihan raya lagi pun kita telah buat dari situ dah. Kita telah rancang semua dah. Tidak macam dia orang *ad-hoc* dulu minta Lesen B Pekerja Asing tidak boleh, berkali-kali sampai Chua Soi Lek dulu Chua Soi Lek itu sapa ya?

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Tuan Speaker, Sungai Air Tawar.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Air Tawar minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sungai Air Tawar tidak apalah! Dia sana banyak

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, Sekinchan tidak bagi. Sekinchan tidak bagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sambung Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Zaman Chua Soi Lek datang, Ong Tee keat, Presiden MCA datang zaman ke zaman, silih berganti, zaman ke zaman. Soal nelayan Lesen B ini minta

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sri Muda minta

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini tidak boleh dapat. Tidak boleh. Eh Sri Muda. Berseri dan muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Sekinchan, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan yang tadi disebutkan oleh Permatang janji pilihan raya. Baru-baru in Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar merasmikan Jambatan Ke-3, Klang. Penyambungan Jambatan Ke-3 itu adalah salah satu projek yang dipotong rebennya pada zaman BN, zaman masuk pilihan raya. Jadi, apa komen Yang Berhormat tentang perkara itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat Sri Muda mengingatkan saya benda yang lama saya baru ingat balik ini. Pilihan raya 2008 zaman Sungai Panjang yang dulu/Menteri Besar bersama Samy Vellu nya. Samy Vellu, Dato' Seri Samy Vellu. Dato' Samy bersama dengan Khir Toyo dan sebagainya pembesar-pembesar. Pembesar-pembesar ketika itu turun ke Klang. Permatang tidak tahu ikut ke tidak? Saya takut kena tuduh sebab saya tidak nampak Permatang pada waktu itu. Saya tidak tuduhlah, nanti dia marah. Permatang ada atau tidak ada, saya tidak tahu ya. Saya cuma tidak sebut pergi ke sana. Pecahkan tanah dengan cangkulnya, cangkul dan tanah pecah tapi apabila sudah dilancarkan kita demi rakyat jaga. Demi rakyat kita jaga. Surat khabar cina keluar besar, surat khabar itu saya gunting, dekat rumah ada sampai sekarang. Simpan. Simpan, saya hendak tengok janji ditepati ke tidak. Manalah tahu selepas kalah 8 Mac 2008 tsunami politik kalah pilihan raya janji yang sepatutnya mereka laksanakan hilang. Cangkul pun campak masuk ke Sungai Klang. Cangkul pun sudah tidak ada dah. Cangkul lama tidak ada. Tidak boleh masuk muzium. Cangkul pun tiada. Akhirnya bagaimana jalan di Klang semakin apa ya... jambatan 1, 2 pun tidak berapa cukup. Akhirnya, akhirnya Kerajaan Negeri menggunakan peruntukkan sendiri. Menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri yang sepatutnya boleh disalurkan lagi satu skim baru, betul tak! Yang lebih hebat. Tapi kerana janji

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Cakaplah Sekinchan, terima kasih kepada Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tadi saya

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Bukit Antarabangsa cuba sambung reben je. Pelabuhan Klang yang mulakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Duduk-duduk. Yang Berhormat kita tidak ada masalah jika kalau dia buat dulu, dia yang tolong, terima kasih pelan-pelan tiada masalah. Dia kutuk, dia marah. Dia marah, dia kutuk. Kita bagi air percuma pun dia kutuk. Kita bagi air percuma, Khir Toyo 7 bulan ½ bulan, hujung tahun *bankrap*... Ini Pembangkang cerminkan muka sendirilah! Cukup-cukup sudahlah, rakyat di sana tahu, rakyat di luar tahu bagaimana pihak Barisan Nasional menindas rakyat bukan menolong rakyat. Jadi Jambatan. Seri Muda, *respons* saya ok ya. Sekarang kita buat tahu. Sekarang Yang Berhormat EXCO Pengangkutan, Sungai Pinang dan Menteri Besar sudah turun jambatan telah lebih 80% ya persiapan. Ada orang tanya baru-baru ini, pemimpin MCA, bekas ADN Pelabuhan Klang dia tanya mana Kerajaan Negeri janji hendak buat Jambatan Ke-3, mana dia tanya? Walhal kita buat telah buat 80% tapi dia tanya lagi. Sebab dia duduk di Negara China terlalu lama tidak balik. Ini jenis politik apa saya pun tidak tahu. Maklumlah, rakyat boleh tolak sebab itulah ya. Ini puncanya. Jadi saya teruskan, jadi saya harap janji pilihan raya

Sungai Panjang kita akan menuntut satu persatu, nelayan satu lagi belum balik lagi, bot 3 belum balik lagi, hari itu jadi jaguh saya masih ingat. Kita akan menuntut satu persatu

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Beri saya peluang, beri saya peluang...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya akan terus

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Beri saya peluang,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tiada.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Pergi Parlimen minta peluanglah! Dan saya tahu, saya baru semak *handsard* baru-baru ini. Ucapan Parlimen Yang Berhormat Sungai Besar. Sepatutnya Sungai Besar isu yang paling penting di Sungai Besar isu petani, isu nelayan tetapi ucapan beliau perbahasan di Parlimen tidak membangkitkan isu sedemikian. Jadi saya rasa cukuplah Sungai Panjang, kena perjuangkan bagaimana dia hendak bantu nelayan-nelayan di Sekinchan, nelayan-nelayan di Sungai Besar kena sebut. Minta kepada menteri peruntukkan lebih, bagaimana hendak minta jeti dan sebagainya itulah yang kita hendak.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Bagilah peluang Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Bagi *floor* dia lah! Nanti bagi, saya akan terus. Sebab cuaca nampak *clear* sedikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sekinchan, saya minta duduk sebentar.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Duduk ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat sekalian, urusan dewan yang masih panjang maka dewan pada hari ini perlu sambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa sesuatu usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya Dewan Yang Bersidang Pada Hari Ini mengikut Peraturan 11 Dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Hendaklah Disambung Sehingga Jam 6.00 Petang”

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli Berhormat sekalian, usul telah disokong. Saya kemukakan untuk minta persetujuan. Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Yang Berhormat tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui. Silakan sambung Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ingin saya teruskan kepada isu menyentuh tentang kepentingan sektor pelancongan. Pagi tadi ada slot pertanyaan mulut tentang pelancongan ini di mana kita difahamkan bahawa Negeri Selangor meningkat pelancong-pelancong yang datang ke Negeri Selangor pada tahun ini iaitu 27 % lebih 600,000 lebih yang datang ke Selangor dan sekarang ini kita tengah giat promosikan pelancongan di Negeri Selangor dan di Sekinchan ini di Parlimen Sungai Besar di Sekinchan ini dan di Kuala Selangor. Kita cuba sedaya upaya mempromosikan Sekinchan sebagai destinasi baru pelancongan *ecotourism* dan sekarang saya berterima kasihlah kerana kita ada produk pelancongan yang begitu menarik sekarang. Orang-orang bandar sekarang anak-anak di bandar mereka suka datang ke desa ke luar bandar seperti Sekinchan ini kerana apa, ada pemandangan padi yang hijau terbentang meluas di situ. Terbentang luas di situ, ada nelayan yang disinar dengan bot-botnya hasil laut yang apabila naikkan ikan suka teruja sangat tengok ikan dan sebagainya dan ada juga buah-buahan mangga, Sekinchan ada beras Padi *Best* Sekinchan dan sebagainya semua ada banyak di Sekinchan. Lain kali saya akan bawa satu persatulah kita ikut peringkat-peringkat juga ini adalah untuk membantu promosikan Sekinchan satu persatu. Jadi sekarang sejak 8 tahun, 10 tahun yang lalu kita telah mengusahakan kuat dan saya dengan pasukannya telah mempromosikan DUN Sekinchan dan sekarang DUN Sekinchan sudah terkenal sampai hujung minggu, Ahad, kelepasan umum ramai yang datang ke Sekinchan sehingga ada yang sesak sedikit jalan raya dan sebagainya. Ini berlaku tidak pernah sekangkang hotel semakin bertambah, restoran-restoran seafood bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan. Ini telah meningkatkan hasil kegiatan ekonomi di rakyat setempat. Ini penting bagi kita bagaimana kita nak memperkasakan desa menjana ekonomi tambahan untuk rakyat di luar bandar. Jadi dalam usaha saya berterima kasihlah, ucapan terima kasih kepada kerajaan kerana dalam belanjawan 2017 ini telah bercadang dan bersedia dengan penambahan dan peruntukan kepada *Tourism* Selangor sebanyak 7.75 juta dan Sekinchan dikategorikan akan didirikan dan ditubuhkan satu Sekinchan *Touris Information Centre* di situ. Ini satu kebanggaan kepada seluruhnya rakyat Sekinchan kerana kawasan yang kecil seperti Sekinchan ini ada *Touris Information Centre*.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Anggerik minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kota Anggerik saya bagi.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Sekinchan, adakah kehadiran Menteri Pelancongan di Sekinchan itu satu pengiktirafan kepada Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Anggerik, saya ucapkan terima kasihlah kepada Kota Anggerik sebelum saya jawab soalan Kota Anggerik. Kota Anggerik juga banyak membantu Sekinchan bawa rombongan daripada Kota Anggerik datang melawat satu hari ke Sekinchan. Cuti-cuti Sekinchan, terima kasih Kota Anggerik dan kedatangan Menteri Pelancongan Dato' Seri Nazri Aziz tahun yang lepas sebelum ini datang ke Sekinchan bersama saya dan juga wakil dari EXCO kita melawat Sekinchan ke Pantai Redang, ke Galeri Padi. Ini satu pengiktirafan Menteri Pelancongan terhadap pembangunan Industri *ecotourism* di Sekinchan ini. Saya harap kita akan dapat memperkasakan industri pelancongan di Sekinchan dan sekarang saya telah melakukan dengan pasukan saya dengan menubuhkan satu pertubuhan iaitu Persatuan Kemajuan Pelancongan Sekinchan. Persatuan Kemajuan Pelancongan Sekinchan di bawah persatuan ini kita kerahkan semua pemain dalam *tourism* ini dalam pelancongan ini dalam satu persatuan supaya kita dapat mencari idea baru, cetusan idea baru inovasi bagaimana kita nak tarik perkhidmatan promosi supaya lebih ramai pelancong-pelancong seluruh Malaysia daripada utara sampai ke selatan, Singapura dan sebagainya, daripada Taiwan datang ke Sekinchan dan boleh mengadakan pakej 2 hari 1 malam, *two days, two nights* ataupun pakej 3 hari 2 malam dan baru-baru ini saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO dan *Tourism* kerana kita diberi peluang ke MATTA Fair di PWTC. Sekinchan ada *booth* yang tersendiri, kita promosikan di situ bagaimana keindahan Sekinchan kepada seluruh rakyat Malaysia. Ini cara kita melakukan promosi pelancongan di Sekinchan dan sebelum ini tahun lepas saya mengadakan satu rombongan 40 orang bayar sendiri pergi ke mana dengan sedikit tajaan daripada *Tourism* kita pergi ke Taiwan, ke Iran dan sebagainya. Luar negeri sana untuk menyelidik kehidupan dan tengok apa yang kita boleh pelajari di Taiwan. Bagaimana mereka kita mengembangkan eko-pelancongan, ini cara kita nak menghebatkan pelancongan di Sekinchan. Jadi saya juga mengucapkan terima kasih kepada *Tourism* kerana telah memberi sedikit dana kepada Persatuan Kemajuan Pelancongan Sekinchan dan sekarang kita telah berjaya membuahkkan satu buku pelancongan, majalah pelancongan edisi khas untuk Sekinchan. Sekinchan Go maknanya yang datang Sekinchan sahaja Go pergi ke mana-mana di dalam itu makanan *seafood*, kawasan tarikan pelancongan, buah-buahan yang enak ..."bercakap dalam Bahasa Cina"...dengan izin. Yang sedap-sedap semua di Sekinchanlah, yang kawasan peranginan semuanya di Sekinchanlah. Sekinchan Go, saya harap kita telah terbitkan sebanyak 100,000 naskhah dan dijual di semua buku-buku di Gedung-gedung buku yang besar, MPH, Popular untuk satu tahun termasuk di Singapura. Saya harap dengan cara promosi sedemikian Sekinchan akan terus berkembang maju dan saya harap Yang Berhormat dari Sungai Panjang Ahli Parlimen baru-baru ini dia membantu, saya

nampak. Dalam Metro dia mengeluarkan tulis Sekinchan kawasan mencari ketenangan di Parlimen Sungai Besar, memang bagus. Saya ucapkan tahniah, dia mencuba membantu kita dan saya harap percubaan ini ikhlas. Saya percaya ikhlas tapi mintalah kepada MCA-MCA di Sekinchan bagi tahu mereka jangan gunakan akaun *facebook* yang palsu untuk bantai industri di Sekinchan. Suruh mereka berhentikanlah kalau kita tidak membantu.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Mencilah sedikit, Sekinchan. Bagi peluang Sekinchan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Kita tahu ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Panjang minta laluan Sekinchan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ok.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Terima kasih Sekinchan puji Sungai Panjang, Sungai Besar cuma mereka tidak berpuas hati *banner* Sekinchan besar sangat, dia ada tanda begitu, dia kata kalau tukar dengan buah-buahan lebih baik apa pandangan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih muka saya ada di sini mungkin Sungai Panjang pun hendak tapi masuk kepada sini, kita boleh lakukan semua itu untuk Sungai Panjang tidak ada masalah itu kita boleh buat. *Can make it* dengan izin, kita boleh buat, saya harap dengan suburnya Sekinchan *Touris Information Centre* akan memperkasakan pelancongan di Sekinchan dan saya minta pihak *Tourism*, pihak EXCO pelancongan dapat mengadakan satu saya mengesyorkan satu karnival promosi pelancongan di Sekinchan setiap tahun secara tahunan di Sekinchan supaya kita boleh kerahkan seluruhnya datang 2 hari 1 malam, 3 hari 2 malam, kerana apa mereka lebih lama duduk di situ mereka belanja lebih barulah boleh meningkatkan kegiatan ekonomi di DUN Sekinchan. Ini yang saya harapkan dan seterusnya saya ingin menarik sedikit perhatian tentang isu yang saya ingin timbulkan ialah tentang saya berterima kasihlah tentang baru-baru ini sebab belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, belanjawan membangun bangsa, memakmurkan negeri. Saya mewakili rakyat Sekinchan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas kenaikan peruntukan setiap Ahli-ahli Dewan Negeri bagi tujuan program mesra rakyat. Saya yakin peningkatan peruntukan ini akan meningkatkan kualiti khidmat Ahli-ahli Dewan dalam program kemasyarakatan dan pembangunan kecil kawasan masing-masing. Sekali gus menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Namun begitu saya memohon Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah yang memegang amanah kepada peruntukan ini supaya sentiasa memastikan kelulusan dan kebertanggungjawaban setiap hari dewan. Dalam perbelanjaan supaya kita kekal terus berhemah dan kita

juga harap peruntukan kita diharap kali ini. BBC sebenarnya kita minta lebih iaitu RM1 juta dan sebagainya tapi walaupun tidak mencapai 100% saya harap ada berita yang baik akan datangnya. Tapi kita terima kasihlah dengan penambahan RM100,000.00 menjadi RM800,000.00 dan saya hairan kita juga ada RM200,000.00 peruntukan kepada ahli dewan negeri pembangkang. RM200,000.00 setahu saya kita bagi dia tak belanjakan kenapa kita nak bagi lagi saya nak minta penjelasan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar pada penggulungan akan datang kenapa RM200,000.00 bagi mereka, mereka tidak berbelanja, kita nak bagi lagi. Saya nak minta penjelasan yang menyeluruh kenapa begitu saya ini soal memperkasakan perkhidmatan di kawasan memandangkan kita ada banyak di kawasan. Rakyat dah minta macam-macam program di Selangor ini Smart Selangor, dia lain banyak permintaan. Saya harap pada masa akan datang bagi pihak BBC saya minta ya sasaran target adalah 1 juta. Itu yang kita minta dan sekarang isu yang seterusnya ialah isu premium tanah ingin saya sentuh premium tanah. Premium tanah kedai di luar bandar sebelum ini lanjutan daripada jangkaan lanjutan daripada saya sebut bulan 3 dah kerana dah 60 tahun sampai 30 tahun dah sampai lanjutannya peduli lanjut premium 20 kali 70 terlalu mahal, agak membebankan. Jadi 150,000 rakyat rasa terbeban nak membayar tersebut. Jadi saya minta ada satu pekeliling atau satu anjakan satu insentif baru kepada rakyat. Bulan 3 telah saya sebut dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak janji untuk mempertimbangkan nak merujuk semula tetapi sampai bulan 6 tiba-tiba ada Pilihan raya kecil di Sungai Besar. Isu ini dijadikan oleh Pembangkang untuk bantai Sekinchan pun, Kerajaan Negeri zalim dan macam-macam. Tapi kita nak minta sebab kerajaan ini kita nak minta sesuatu fasa baru perlu kena pengertian, perlu pertimbangan, ini sudah dibantai tak apalah pihak Pembangkang menggunakan isu ini tetapi saya yakin, saya minta ada berita baik daripada kerajaan supaya premium tanah ini, berita baik daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya dapat membantu golongan peniaga-peniaga di luar bandar yang punya kedai-kedai lama ini supaya premium ini dapat diberi sedikit insentif. Kalau mereka ada insentif mereka yakin dan saya rasa mereka boleh bayar dan akan juga menjana hasil kerajaan. Ini yang saya minta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bagaimana permintaan saya sebelum ini, apa perkembangan status yang kita nak tahu dan seterusnya saya untuk *landing* sebelum saya *landing*, cuaca baik, kita pasang tali pinggang untuk turun dan Tuan Timbalan Speaker persempadanan semula kawasan Pilihan raya. Persempadanan semula kawasan Pilihan raya ada usul ya jadi saya tidak banyak cakap ada usul, jadi ada usul boleh cakap panjang di usul, ada usul ya Seri Andalas terima kasih. Seri Andalas dia tahu kawasan dia terjejas juga ya, tidak terjejas banyak agihan ini sebab ini bercanggah dengan prinsip demokrasilah. Jadi saya tidak mahu memanjangkan isu yang berkaitan dengan persempadanan kerana sudah ada usul. Kalau tidak ada usul saya tidak akan teruskan dengan apa yang saya nak *highlight* kan dan seterusnya sebelum saya *landing* saya nak beritahu dewan yang mulia ini cukai GST sudah dilaksana untuk mengurangkan beban negara katanya. Subsidi ditarik rakyat makin sengsara sedangkan pemimpin hidup mewah dan bersuka ria.

Jadi Tuan Timbalan Speaker, saya harap peruntukan untuk perbelanjaan Belanjawan 2017 ini dapat kita lakukan yang terbaik ini bantuan daripada kakitangan kerajaan semua EXCO kita bekerja kuat dan saya yakin dengan usaha yang kita ada sekarang muafakat membawa berkat. Muafakat membawa berkat kita nak pastikan belanjawan kita terhebat dalam sejarah Negeri Selangor. Skim Peduli rakyat yang terbaik sekarang nak termeleTOP di bawah ini. Kita sekarang ini lepas dewan besok ini kita sibuk nak isi borang nak bantu rakyat nak isi borang bagaimana nak mendapat kad-kad untuk skim ini. Jadi saya akhir saya ucapkan terima kasih dan sekian saya menyokong perbelanjaan ini sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Sekinchan, saya dipersilakan Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, tunggu panjang untuk Sekinchan habiskan. Seri Andalas nak mengambil bahagian di dalam ucapan bajet yang bertajuk Pembangun Bangsa Memakmur Negeri. Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Minta maaf Seri Andalas, saya nak bagi peringatan kepada rakan-rakan Yang Berhormat sekalian saya bagi setiap seorang 30 minit, tidak lebih 30 minit terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tidak cukup, Pembangun Bangsa Memakmur Negeri seperti mana perbelanjaan 2017 yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar adalah satu perbelanjaan yang bersifat *people strengthen*. Ini adalah perbelanjaan terbesar dalam sejarah Negeri Selangor dengan bajet RM3.45 bilion dengan kedudukan *surplus* sebanyak RM351.38 juta pada tahun 2014 Oktober lalu. Rizab Negeri Selangor juga terus melonjak kepada RM3.62 bilion walaupun perbelanjaan defisit telah dibentangkan pada tahun lepas, ini membuktikan kewangan Kerajaan Negeri Selangor telah diurus tadbir dengan baik dan berhemah. Syabas dan tahniah kepada Dato' Menteri Besar dan EXCO bersama dengan kakitangan, pekerja-pekerja jawatan awam di dalam Negeri Selangor. Perbelanjaan yang mengutamakan pembangunan perbelanjaan pada kali ini meletakkan Negeri Selangor sekarang sekali lagi sebagai peneraju dalam menyediakan peruntukan pembangunan yang melebihi peruntukan mengurus perbelanjaan 2017. Memperuntukkan 50.2% untuk pembangunan dan sebanyak 47.8% untuk pengurusan. Jika dibandingkan dengan bajet kerajaan Persekutuan, kita dapat lihat Putrajaya memperuntukkan hanya 17.6% untuk perbelanjaan pembangunan dan selebihnya 82.4% untuk perjalanan pengurusan. Dengan pengumuman peruntukan pembangunan sebanyak RM1.8 bilion ini, iaitu peningkatan 25% rakyat sudah pastinya akan berpeluang menikmati kemajuan yang lebih baik dari segi kemudahan-kemudahan awam dan program-program yang meningkatkan sektor ekonomi negeri. Negeri Selangor seperti yang kita maklum menyumbang 22.6% kepada keluaran kasar dalam negeri ataupun KDNK maka

perlu kita tekankan bahawa jika sumbangan dan ekonomi Negeri Selangor terjejas sudah pasti ekonomi negara turut terjejas. Mengambil kira betapa besarnya sumbangan ekonomi Negeri Selangor dan rakyatnya kepada negara maka adalah sangat perlu kerajaan pusat memberi keutamaan kepada Negeri Selangor dari segi kerjasama pembangunan dan program-program yang melibatkan kepentingan rakyat Negeri Selangor khususnya.

Berbalik kepada Belanjawan 2017, Negeri Selangor saya ucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Besar. Ini adalah perbelanjaan rakyat yang menekankan pembangunan dan perlindungan sosio ekonomi rakyatnya. Harapan saya adalah supaya perbelanjaan ini mencerminkan keadaan dan keperluan populasi sebenar di Negeri Selangor. Populasi Negeri Selangor ini adalah lebih kurang 5.8 juta penduduk dengan peratusan lebih kurang 50% bangsa Melayu dan 50% bukan Melayu yang terdiri daripada bangsa Cina, India dan sebagainya. Keperluan rakyat perlu lah dipenuhi secara berperingkat dan mengambil kira peruntukan yang lebih besar untuk golongan minoriti rakyat Selangor pada masa akan datang. Saya juga berharap dengan pembentangan belanjawan ini akan mengukuhkan lagi bantuan kepada kumpulan isi rumah pendapatan 40% terendah. Yang itu katakan B40, iaitu kelompok yang paling tertekan mengikut kenaikan kos sara hidup. Sekinchan tadi sudah pun dengan kos. Harapan hidup dengan naikkan harga minyak, minyak masak, GST dan sebagainya. Memang, Kumpulan B40 ini kita nampak, akan datang kepada pejabat-pejabat ADN untuk bantuan-bantuan harian untuk mereka. Saya nak mulakan dengan Skim Peduli Sihat yang telah diumumkan oleh Dato' Menteri Besar dengan perbelanjaan besar RM129 juta kalau tak silap saya. Atas semangat kepedulian dan keprihatinan yang tinggi, Kerajaan Negeri Selangor, saya ucapkan tahniah atas perancangan untuk melaksanakan Skim Peduli Sihat. Mengikut cadangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kerajaan seharusnya memperuntukkan perkhidmatan kesihatan sebanyak 5% dari KDNK namun Malaysia hanya pada tahap ini menggunakan 4.2% sahaja kalau ikut dengan negeri-negeri, jangan lah kita banding dengan negeri Barat, tetapi Thailand, Vietnam pun lebih tinggi di dalam perbelanjaan mereka. Dan sebuah negeri bernama Cuba yang KDNK mereka lebih rendah dari Malaysia pun, membelanjakan dekat 11% dari KDNK mereka untuk kesihatan yang ada.

Kerajaan Negeri Selangor melalui pelaksanaan Skim Peduli Sihat akan membantu sebanyak 250 keluarga, 250,000 keluarga, pendapatan isi rumah RM3000.00 ke bawah yang layak menerima rawatan kesihatan atas *Primary Health Care System* sehingga RM500.00 sebulan, setahun. Ini sangat membantu terutamanya kepada golongan B40. Yang kita cakap tentang kesihatan ini, saya dengar tentang isu menangani denggi dan zika juga yang saya nampak ada peruntukan dari Kerajaan Negeri. Saya nak beritahu khususnya Sungai Burong yang minta tentang denggi. Kita tidak boleh hapuskan denggi. Kalau Sungai Burong ada cadangan macam mana nak hapuskan denggi, saya nak tahu lah. Sebab di dunia, mereka tidak cakap tentang hapuskan denggi tapi mereka kata macam mana kita nak menurunkan kes-

kes denggi dan juga kematian melalui denggi dan sekarang ada zika di dalam negara kita juga.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Boleh penjelasan?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sg. Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Tadi sebenarnya dalam soalan mulut yang saya kemukakan. Penjelasan telah dibagi oleh EXCO berkenaan. Saya telah mengatakan *hotspot* dalam KPI untuk sasaran mengurangkan denggi ini kalau boleh ke tahap yang paling minima, kalau boleh ini. EXCO sendiri telah memberi jaminan bahawa ia boleh disifarkan. Jadi, kalau nak tanya, nak mencabar saya, boleh juga cabar EXCO sebab EXCO kata *hotspot* boleh disifarkan, masalah denggi.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Bersifarkan *hotspot* itu bukan bererti boleh selesaikan masalah denggi. *Hotspot* kawasan-kawasan itu boleh disifarkan tetapi denggi itu tidak boleh diselesaikan di dalam kawasan. Kena faham. Kalau tak ada, saya minta Sg. Burong baca *National Geographic* yang bulan Oktober punya. Ada satu bahagian di dalam *National Geographic* itu dekat 8 mukanya, tulisannya jelas dengan nyamuk dalam dunia. Dia ada 3600 jenis nyamuk di dalam dunia. Dan sekarang mereka telah belanjakan besar untuk cari macam mana atasi masalah denggi, malaria, zika dan beberapa kesihatan yang lain. Saya pun nak katakan terima kasih juga kepada Ahli Majlis, Ketua Kampung yang telah bekerja dengan EXCO Kesihatan untuk mencubakan untuk mengurangkan denggi di dalam negara kita Malaysia ataupun di Selangor.

Program Dialisis Rakyat ini yang saya nampak meningkatkan peruntukan kepada RM5 juta, saya telah berterima kasih kepada kerajaan sebab kencing manis dan juga *kidney failure* yang kita adakan ini, tiap-tiap tahun kita ada jumlahnya meningkat sampai 3500 lebih kes baru di dalam Malaysia. Ini memanglah tanggungjawab Kementerian Kesihatan untuk atasi masalah ini tetapi Kerajaan Negeri Selangor pun telah menyumbangkan RM3 juta untuk penyakit-penyakit dialisis ini untuk dapatkan dialisis mereka di klinik-klinik semasa di dalam Selangor. Tetapi saya minta juga kepada EXCO berkenaan untuk memberi bantuan ini kepada semua dan tak kisahlah di mana mereka buat rawatan ini. Biarkan mereka cari dan gunakan satu klinik yang sesuai dengan mereka, terdekat dengan mereka untuk digunakan, jangan sekat dengan klinik-klinik sahaja yang akan ditentukan oleh kerajaan. Dan prosesnya, saya baru dengar, prosesnya untuk kita membuat bantuan ini ialah sudah tukar dari format lalu iaitu dengan Borang Kesihatan yang ada tetapi sekarang kita kena melalui internet ataupun *web based, online*. Betul? Saya minta kerajaan untuk teliti balik. Orang yang datang untuk dapat bantuan kesihatan ini, kalau katakan B40, dia 70% dari B40 ini ialah golongan termiskin di dalam bawah. Mereka, untuk ada *online* ataupun ada *internet facility* ataupun untuk adakan kemudahan-

kemudahan ini saya ingat mereka tidak ada. *They won't have this facility.* Saya, di dalam pejabat, saya sudah pun sekarang *advertised* untuk 2 *data analyse* ataupun *data recording staff* sebab saya tahu mereka akan datang kepada pejabat untuk kita buat bantuan. Kalaulah *you* teruskan dengan kaedah *online* ini untuk kesihatan. So, saya minta kerajaan untuk kaji balik penerimaan orang-orang ini dalam isu kesihatan ini, saya mintalah untuk buat kajian balik ya. Teruskan dengan borang yang ada sekarang lebih senang dan juga kena *execute* ataupun bila borang itu sampai kita kena faham, kita kena tahu dalam tempoh katakan lama-lamanya ialah 3 minggu boleh dapat rawatan, dia boleh dapat rawatan yang perlu dibagikan.

Saya pun nak minta juga kepada pihak kawan saya sebelah sana UMNO dan Barisan Nasional ini tentang isu kesihatan di dalam Negeri Selangor jejas sekarang. Hospital tak cukup. Kalau kita masuk kepada Hospital Klang, apa yang telah jadi di Sultanah Aminah Hospital di dalam Johor Bharu kalau berlaku di dalam Hospital di Klang, ramai akan meninggal. Tak ada tempat. Sebab itu pembinaan hospital di dalam Negeri Selangor saya minta, sudah minta kepada Menteri, Menteri kata akan bina 2 lagi tapi tak nampak sampai lama-lama ini. Tanjung Karang ini bukan 16 tahun, saya tak tahu lah. 8 tahun saya tahu, yang telah janji sampai sekarang tidak dimulakan di Tanjung Karang. Dan di dalam Klang juga kawasan ini kita mesti ada lagi satu hospital yang kita minta untuk hospital di Banting dinaiktarafkan kepada Hospital Besar. Tak cukup katil di dalam kawasan dan yang saya tahu yang dapatkan *instructions* baru dari Kementerian Kesihatan, mereka akan buka di hospital, mereka akan buka rawatan wad swasta. *They are going to privatise some parts of the hospital even* Hospital Klang akan diswastakan untuk *doctors* gunakan kawasan itu sebagai tempat rawatan *private*. Saya memang dukacita dengan apa yang saya dengar. Ada 7 hospital di dalam Negeri Selangor akan dibagi kuasa. Ini akan adakan *effect* yang besar kepada pelanggan yang gunakan hospital sebab 70% penduduk di dalam Negeri Selangor gunakan *public hospital* untuk rawatan, 30% sahaja yang gunakan untuk *private hospital*. Kalau kita *privatise* wad-wad kesihatan di dalam hospital macam Klang dan sebagainya, kita tak cukup doktor untuk rawat, tak cukup pakar-pakar yang akan buat kerjanya dan sebagainya. So, saya minta Ahli Parlimen yang ada sebelah sana untuk bawa kes ini kepada Parlimen untuk tentukan bahawa ini tidak akan berlaku di dalam Negeri Selangor. Ini penting untuk kesihatan orang ramai di Selangor.

Tuan Speaker, saya nak kembali kepada satu isu yang katakan pendidikan yang telah dibawa dalam ucapan Dato' Seri Menteri Besar. Saya nak minta berapa orang ada tengok..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Speaker. Boleh minta penjelasan sikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya Permatang minta, sila Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Sri Andalas. Saya berminat juga dengan apa isu Yang Berhormat sebut itu tadi mengenai *privatised hospital*, menswastakan hospital. Sebenarnya apa yang saya ada maklumat ialah bahawa hari ini kebanyakan doktor-doktor pakar di hospital kerajaan, mereka ada *tendency* yang besar pergi ke hospital-hospital swasta kerana bayaran gaji dan sebagainya lebih berbanding daripada hospital kerajaan. Jadi memandangkan keadaan ini untuk berlaku adil juga kepada hospital-hospital pakar kerajaan mereka diberikan ruang untuk membuat rawatan swasta tetapi dia di luar pada waktu penyelenggaraan untuk pesakit-pesakit yang sedia ada. Dan ini mungkin Sabtu ahad ataupun lepas waktu pekerja dengan temu janji dan juga diberi peluang kepada rakyat-rakyat yang ada kemampuan untuk mendapatkan rawatan pakar tetapi ia tidak mengganggu pun dari segi pesakit-pesakit awam yang lain dan juga waktu bekerja itu adalah berdasarkan pada waktu bekerja yang lebih *fleksibel* boleh digunakan. Sebenarnya tidak lebih kepada usaha sedikit sebanyak membantu supaya hospital yang apa ini doktor-doktor pakar ini untuk mendapat ruang menambah pendapatan. Jadi saya fikir itu mungkin hasrat asalnya tapi kalau itu mendatangkan perkara-perkara yang boleh dibincangkan saya rasa kita bolehlah mengambil pandangan-pandangan kepada pihak-pihak Yang Berhormat.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih. Tapi saya ingat hujah yang dibagi oleh Yang Berhormat kurang tepat. Kalau saya beri hujah ini panjang ya isu sistem kesihatan di dalam Malaysia. Ini masalah besarnya ialah lesen-lesen yang diberi kepada hospital-hospital swasta ini ialah dari Kementerian Kesihatan. Sekarang kita nampak hospital swasta ini terlampau banyak sekali di dalam kawasan. Bila bagi lesen untuk bina hospital baru memanglah pakar-pakar dari hospital kerajaan akan keluar untuk hospital-hospital swasta. Tadi saya katakan 70% daripada penduduk di dalam negeri ia pergi kepada hospital kerajaan untuk dapatkan rawatan. Adakah pakar-pakar yang akan kerja di hospital itu akan diberi rawatan yang perlunya kepada 70% ataupun kepada RM1 sahaja di mana ada keswastan ia akan dapat lebih duit kalau dia pergi tengok. *Is amount* untuk dapatkan bantuan, untuk dapatkan kewangan ini lebih. Kalau nak simpan pakar-pakar di dalam hospital saya cadangkan kepada Barisan Nasional untuk meningkatkan gaji-gaji doktor-doktor di dalam hospital-hospital kerajaan boleh simpan mereka. Tapi sekarang masalahnya besar ialah kita tidak cukup hospital-hospital *public* di dalam Malaysia dan sebab itu *houseman-houseman* pun sekarang tidak ada tempat-tempat untuk buat *houseman* untuk mereka dan belajar tentang isu ini. Ini satu isu yang kritikal yang kita akan hadapi pada masa depan. Saya balik kepada pendidikan saya berterima kasih kepada Negeri Selangor untuk memberikan dana yang tinggi untuk pendidikan khususnya kepada golongan yang pendapatan rendah ataupun vokasional dan *training* ataupun untuk kolej UPEN di dalam Negeri Selangor. Saya hendak tanya di sini berapa ADN telah tengok satu video sebelum Deepavali boleh Petronas yang panggil *I Am Muniady* ada tengok Dato' Menteri Besar *I Am Muniady*. Saya ingat kita semua kena tengok video itu saya bawa isu ini di sini sebab video itu bukan untuk katakan Selamat Hari Deepavali tetapi persepsi kepada anak muda

India di dalam Negeri Selangor dan di Malaysia. Persepsinya yang kita nampak di dalam video itu adalah orang ganas orang yang akan bawa satu isu yang jahat. Persepsi orang Malaysia kepada pemuda India kalau kita tengok video ini jelas apa yang berlaku selama 25 tahun ini kepada pemuda-pemuda India di dalam Negeri Selangor. Sebab itu saya berterima kasih kepada negeri untuk wujudkan satu asrama untuk RM4 juta dibina di Sekolah Maidline kita akan mulakan dengan budak-budak ini berumur 10, 11 dan 12 tahun. Untuk kita ambilkan mereka dari kawasan-kawasan yang pendapatan rendah untuk bagi peluang untuk mereka keluar dari sasaran gengsterisme ini kalau kita hendak *brief* ini satu persepsi yang betul yang padat yang betul di dalam komuniti kita ia dan ini ialah caranya untuk kita balik dan tukar keadaan di bawah untuk kita bagi peluang kepada anak-anak muda kita pada masa yang akan datang. Saya juga berterima kasih kepada Selangor untuk adakan Bas Selangorku saya nampak Bas Selangorku itu banyak di kawasan dan tempat sekarang dan dengan peruntukan RM20 juta ini saya minta EXCO berkenaan untuk tengok Bas itu melalui beberapa kawasan-kawasan yang penting *very habby of pipel* saya hendak EXCO ambil perhatian untuk bas ini lalui kawasan-kawasan ini dengan peruntukan yang ada lebih ini RM20 juta ini lebih bas boleh kita gunakan di dalam kawasan-kawasan untuk bantu penduduk-penduduk di dalam kawasan ini termasuk di dalam kawasan bandar dan taman dan sebagainya ada beberapa taman di dalam bandar-bandar ini mereka bawa aduan kepada saya katakan bas langsung tidak masuk ke kawasan-kawasan ini dan kawasan-kawasan ini padat dengan penduduk dan dia ialah dari golongan pendapatan rendah di dalam kawasan-kawasan ini saya minta kita buat kajian dan berikan peluang untuk bas-bas ini melalui kawasan-kawasan berdekatan dengan kawasan itu.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat boleh beri tahu kawasan mana yang katakan padat penduduk dan tidak ada bas.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Taman Sentosa, Seri Andalas.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Yang isu yang lagi saya hendak bawa ialah EXCO Tempatan tiada di sini ok. Ialah tentang isu sampah ia dan juga isu di mana kita pernah jaga kebersihan kawasan. Dan juga dengan kilang-kilang haram. Dato' Menteri Besar kita telah bawa isu ini selama di dalam Dewan ini tentang kilang haram dan sebagainya. Saya tidak nampak penyelesaian ini walaupun jawapan dari EXCO itu ada komuniti dan sebagainya. Saya minta EXCO untuk dapatkan satu jawatankuasa khas dengan situasi pencemaran air ini dengan kilang-kilang haram ini yang diletakkan di tepi sungai-sungai kita kena adakan satu *conversion* ataupun keberanian dari segi negeri untuk buat sesuatu. Adalah kita kena tutup kilang itu rampas tanah mereka ataupun denda mereka dengan satu *fine* yang besar ini mestilah lakukan *very cannot very* atas isu ini. Dan saya nampak ada beberapa kawasan ia sampai sekarang tidak ada tindakan yang diambil dan *to make works* ada

PBT-PBT yang ada peruntukan masing-masing atas kilang haram ini *at is not schronize at is not one* sistem yang kita ada untuk keseluruhan Negeri Selangor. Seterusnya saya minta sangat untuk EXCO teliti balik isu ini dan buat sesuatu saya telah banyak kali dalam dewan ini tentang *public licing* isu ini telah banyak kali saya bawa dalam dewan. Sampai sekarang ini menjadi satu isu yang besar dibawa di taman-taman dan juga kawasan-kawasan bandaran. Dan ini kita kena lihat macam mana kita hendak atasi masalah ini dalam tempoh yang terdekat. Tuan Speaker kerajaan Selangor ini satu-satu negeri yang kita telah katakan menyumbang 22.6% KDNK negara. Ini sebab syarikat-syarikat besar mereka bertapak di dalam Negeri Selangor. IJN, GAMUDA, MICB, WITA, AZIB atau George dan sebagainya semuanya bertapak di dalam Negeri Selangor. Dan mereka membuat projek-projek *infrastructure* yang besar dan mewah di dalam Negeri Selangor. Dia mendapat arahan daripada Putrajaya, dia mendapat projek daripada prasarana dia membuat projek di dalam Negeri Selangor. Lepas itu dia datang ke Negeri Selangor untuk mendapat kelulusan atas tanah isu lesen dan isu KN dan sebagainya. Tapi baru-baru ini saya dengarlah amat dalam ini seorang Menteri yang cabar yang katakan dia, dia ambil keras tentang isu orang-orang yang bekerjasama dengan Kerajaan Selangor dan orang-orang parti politik di Negeri Selangor. Dia kata akan *black list* syarikat-syarikat yang ada berkaitan dengan kita semua. Saya hendak beritahu kepada Ahmad Maslan kalau Kerajaan Negeri Selangor mengambil tindakan yang berat di atas syarikat-syarikat mega ini membuat kerja di Negeri Selangor. LRT 2, LRT 3, sekarang yang ada jalanraya-jalanraya besar apa akan jadi kepada mereka semua. Dan kepada syarikat-syarikat ini pun saya *you* kena bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor, jangan abaikan Negeri Selangor, jangan ketepikan Negeri Selangor *you* ada masalah u datang jumpa kita. Kita akan bekerjasama fasal apa ramai sangat datang hendak buat *infrastructure* besar dalam Negeri Selangor sebab ironi dia kita hendak *in remain best* di Negeri Selangor *nothing in Johor* kawasan so saya hendak memberi amaran syarikat-syarikat besar sebab mereka bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor dengan EXCO berkenaan, ADN berkenaan jangan abaikan kita. Dan buat terus tanpa ada apa-apa perbincangan dengan kita.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat 1 minit lagi Yang Berhormat.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Saya cakap tak cukup masa ya. Tuan Speaker. Saya datang kepada juga satu isu dengan syarikat-syarikat besar ini yang dikatakan di mana Kerajaan Negeri telah membuat keputusan bahawa *infrastructure on transport* di dalam Negeri Selangor ini kita adakan satu kajian baru di mana kita katakan 60% dan 40% 640. Bila kita hendak bawa penduduk luar kita hendak gunakan kaedah LRT, MRT dan sebagainya. Tapi saya hendak beritahu kepada kerajaan juga saya membuat sedikit kajian dengan *rike* rekod dan juga dari (MMAA) Malaysia Otomobile Asision. Sekarang kereta yang kita ada saya hendak campur Wilayah Persekutuan dan Selangor sekali sebab ramai bekerja di Wilayah Persekutuan duduk di Negeri Selangor walaupun kereta *register* di dalam Persekutuan. Di Wilayah Persekutuan pendaftaran kereta ialah 4,900,140,992. Di

Selangor ialah 2,359,126 keseluruhannya ialah 712 bilion kereta di dalam *Klang Valley* dan sebagainya. Tiap-tiap tahun sahaja 2019 sahaja mereka *register* dekat 660,674 kereta. Kalau katakan tahun ini sampai sekarang di dalam Selangor sahaja dan Wilayah ada 197,200 kereta yang telah didaftarkan. Kalau kita bandingkan di dalam 5 tahun ini akan naik sampai 1 juta kereta. Walau saya terima bawa *infrastructure* program ini ialah *transport* program ini ialah 60% dan 6 40 . tapi kita kena lihat berapa cepatnya kita akan dapat melalui *transport system* ini. Adakah peluang untuk kita buat jalan raya di beberapa kawasan cepat mungkin tidak kita akan sesat dengan kereta di dalam 5 tahun ini *total gred time at appointments* kita ada masalah besar. Sebab itu kita minta buat kajian dengan Kerajaan Pusat untuk mempercepat prosesnya untuk pembinaan *infrastructure* nya projek ini sama-sama adakah dia LRT, Komuter ataupun jalanraya-jalanraya yang kita akan adakan di dalam Negeri Selangor. Akhirnya Tuan Speaker saya hendak bawa isu yang dikatakan tadi dengan 1,500 orang yang datang kepada pintu depan kita tadi buat demonstrasi air. Ini adalah dalam *report* Utusan Online. Utusan Online kata 1,500 orang datang ini utusan saya kira tak sampai 100 orang pun tapi utusan online kata 1,500 orang datang bawa baldi *English* ini baldi kosong buat bising sangat. Ini ke cara hendak dapatkan sokongan dari rakyat untuk katakan 1,500 orang datang nampaknya 1,500 orang UMNO pemuda pun tak datang 100 pun tak ada bawa baldi kosong hantar balik kepada Pahang. Tapi, saya nak katakan ini cara Barisan Nasional sekarang untuk haramkan DAP ini sebagai satu parti Cina di dalam Malaysia ini terlalu sangat-sangat kelihatan. Saya minta kepada Barisan Nasional Perdana Menteri kita di mana sekarang? Di mana dia? Di China? Apa dia buat? Harta benda negara ini dijual kepada China. Berapa kawasannya yang telah dibagikan kepada mereka semua? di dalam Johor Bahru ialah kepada syarikat China. Kuantan Port yang keseluruhan kawasan itu ialah kepada syarikat China. / *will..*

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat, semua sebutan itu betul ke tidak akan disalah faham. China.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : China ok *sorry*.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya. Syarikat China.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Syarikat China.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Sebab ini, saya tersinggung juga ini.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Syarikat China, ok, saya betulkan. Syarikat China, bagikan kepada syarikat China. Sekarang 650km kereta api dari Port Klang sampai Kuantan ditandatangani oleh Perdana Menteri kita kepada Syarikat China. Bandar Malaysia telah dibagikan kepada China. Tapi, bayaran dia pada tahun 2022. Itu skim baru oleh Perdana Menteri kita. Kalau

macam itu, kita semua boleh jadi tokeh-tokeh besar. Beli tanah ini tak payah bayar, lepas 12 tahun, lepas itu kemudian kita bayar. Ini Menteri dulu, bekas Menteri beritahu. Ya, dan saya dengar *high speed railway* dari Singapura ke Kuala Lumpur akan dibagi kepada China. Soalan saya, *you* haramkan DAP, *you* katakan dia macam ini di dalam Malaysia dan sebagai itu lepas itu *you* pergi China *you* cium tangan orang-orang di sana untuk dapat *business* yang besar di dalam negara kita. Apa rasional dia? 1MDB nak bayar balik? Tadi bising sangat katakan M.O. satu siapa dia kita tanya katakan bising. Memang M.O. satu semua orang tahu. DOJ telah pun namakan siapa dia sudah beritahu macam mana duit. Dia pun sudah mengakui duit masuk dalam akaun dia dan sebagainya. Apa jawapan dari semua Ahli-ahli Dewan Negeri Barisan Nasional di dalam Parlimen ataupun di dewan atas isu ini? Yang bentangkan bajet di dalam Dewan Rakyat Perdana Menteri yang telah pun dunia tahu dah seorang yang menipu yang pencuri besar. Yang bawakan bajet di dalam Malaysia. Boleh terima? Tak boleh. Walaupun kita bajet bukan besar di..macam di Parlimen, bajet kita ini RM3.54 bilion ialah satu kerja yang kita telah lakukan di dalam Negeri Selangor untuk bawa kemudahan untuk rakyat Negeri Selangor keseluruhannya.

Tuan Speaker, saya nak habiskan dengan satu cadangan kepada Dato' Menteri Besar dengan EXCO, tentang Rumah Selangorku ataupun Rumah Kos Rendah ini yang telah kita dapat tahu, penjualan Rumah Selangorku ini yang kita tahu 50% dari 17,000 lebih yang minta untuk rumah, 8,770 telah gagal untuk dapatkan *loan* bank. Itu kita tidak boleh buat apa-apa. Itu di tangan Bank Negara dan bank-bank di dalam satu skim yang tadi disebutkan oleh Dato' Menteri Besar di mana kita akan sewa rumah kos rendah untuk orang-orang yang berpendapatan rendah dan lepas 2 tahun kita boleh ambil 30% dari penyewa itu untuk bagi sebagai deposit kepada Rumah Selangorku itu satu cara yang baik. Saya nak cadangkan kepada EXCO, bolehkah Kerajaan Negeri Selangor ambil alih Rumah Selangorku dengan simpanan yang kita ada besar itu, kita boleh ambil *loan*, sampai, *loan* ya, *loan*, dari bank sampai RM200 juta dan kita akan mengendalikan penjualan rumah-rumah Selangorku itu kepada orang-orang yang hendak membeli rumah Selangorku ini. Mereka akan bayar bulanan kepada kita dan kita bayar balik kepada bank. *It is only an issue of formulating the feasibility* untuk kita buat demikian sebab *reserve* kita banyak, banyak bank nak bagi kita duit untuk kita buat dan kita boleh bagi peluang kepada orang-orang sekarang gagal untuk dapat *loan* sebab dia ada banyak kaitan tapi mereka boleh bayar bulanan tapi mereka tak dapat itu sebab ada sekatan dari bank negara dan juga peruntukan yang dikeluarkan oleh bank-bank di dalam Malaysia. Kalau kita boleh berlaku macam itu, kita boleh tentukan bahawa ramai orang akan dapat Rumah Selangorku itu mahalnyanya saja sampai RM250,000.00 sahaja. Yang kita negeri akan ambil pendirian untuk buat demikian. Saya dapatkan penjelasan ini dari Bajet Alternatif Malaysia 2018 yang katakan perumahan awam diarah pemilik bukannya sewa kawalan penuh kerajaan atas pembangunan dan penjualan berikutnya dan kejuruteraan sosial untuk integrasi etnik dan kelas. Ini saya dapat dari alternatif bajet

yang kita ada. So, kalau ini kita boleh lakukan, memang ini akan kurangkan beban rakyat di dalam Negeri Selangor yang akan beli Rumah Selangorku selama-lama ini.

Tuan Speaker, saya akan ambil petikan dari Franklin D. Roosevelt yang telah katakan *let us never forget that government is ourselves and not an alien power over us. The ultimate rulers of our democracy are not a president and senators and congressmen and government officials but the voters of this beloved country of ours.* So, marilah kita bekerjasama untuk bagi bantuan kepada rakyat Negeri Selangor dan saya harap, saya berterima kasih kepada Setiausaha Kerajaan dan juga rakan-rakan mereka yang telah bekerjasama dengan Dato' Menteri Besar untuk bawa satu, bajet yang berjiwa kepada rakyat Negeri Selangor. Tapi atas satu *caution* sahaja. Kita telah nampak banyak yang telah diberi di dalam bajet kita. *Implementation*, laksanakan projek-projek dan program-program ini penting *and vital*. Kalau katakan kita adakan pilihan raya terdekat di dalam beberapa bulan lepas 2017, implementasi itu penting untuk kita. Saya minta kerjasama dari pegawai-pegawai di Pejabat Tanah, di Majlis Perbandaran, dari UPEN untuk bekerjasama dengan ADN-ADN dan di dalam kawasan-kawasan untuk membuat implementasi yang pantas dan cepat untuk projek-projek berlaku di bawah dan orang ramai boleh nampak perbezaan dari tahun yang lepas kepada tahun yang akan datang dengan perbelanjaan besar yang telah dibawa di dalam dewan ini. Sri Andalas menyokong bajet.

TUAN SPEAKER : 15 minit, Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Ooh, diskaun 15 minit. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya memulakan perbahasan ini dengan menyebut, dengan izin, ayat Allah SWT. (surah Al-Quran), yang bermaksud '*dan apa sahaja yang kamu belanjakan daripada sesuatu harta pada jalan yang benar maka Allah akan gantikan yang lebih baik. Dan Dia lah Allah sebaik-baik pemberi rezeki.*' Daripada surah Sabak ayat 39. Melalui tema Membangun Bangsa Dan Memakmurkan Negeri. Kita telah meletakkan angka RM3.4 bilion lebih sebagai belanjawan yang akan kita belanjakan untuk rakyat Negeri Selangor. Jumlah yang terbesar yang pernah kita lakukan dan belanjakan di Negeri Selangor ini merangkumi berbagai-bagai sektor sebagaimana yang telah dibentangkan. Saya percaya dan saya tidak sangsi bahawa kita akan mendapat semula daripada perbelanjaan sejumlah yang kita telah belanjakan kepada rakyat sebagai pulangan balik asal saja kita dapat melaksanakan urus tadbir dengan integriti dengan adil dan penuh bertanggungjawab. Apatah lagi keyakinan saya berasaskan juga kepada firman Allah, dengan izin, yang menyebut (surah Al-Quran), '*orang-orang yang kami perteguhkan kedudukan mereka di muka bumi ini. Mereka mendirikan solat dan mereka mengeluarkan zakat dan mereka menyuruh kepada yang baik dan mereka menegah daripada kejahatan dan hanya bagi Allah lah kembalinya setiap urusan*'. Lima asas penting yang disebutkan ini sebagai kekuatan dalam urus tadbir. Memastikan bahawa setiap daripada pegawai-pegawai kita yang beragama Islam, mereka menunaikan solat, mereka tidak lupa

untuk mengeluarkan zakat, mereka sentiasa menyuruh kepada yang baik dan mereka menegah daripada kemungkaran dan yang kelimanya ialah setiap daripada urusan yang mereka lakukan, serahkan kepada Allah SWT untuk memberi sebaik-baik balasan. Dengan makna kita mengelakkan daripada sebarang bentuk kesombongan dengan kita meletakkan lafaz kesyukuran terhadap kejayaan demi kejayaan yang telah kita capai selama ini. Oleh sebab itu, saya percaya bahawa kita akan menepati sasaran bahkan kita akan dapat lagi limpahan-limpahan rezeki daripada Allah SWT apatah lagi kekuatan itu berasaskan kepada apa yang telah disebut dalam pembentangan Yang Amat Berhormat di atas keyakinan Ayat juga yang menyebut Ayat Al-Quran) *sekiranya kamu menolong agama Allah, maka Allah akan menolong kamu dan akan memperteguhkan kedudukan kamu.*' Bagi memastikan kemakmuran, itu sebahagian daripada tujuan untuk menolong masyarakat terutama rakyat Negeri Selangor yang sentiasa memerlukan urus tadbir yang baik malah di atas kekuatan ataupun di atas usaha kita untuk mengembalikan hasil negeri kepada rakyat. Oleh sebab itu, suka juga boleh jadi saya mencadangkan dalam kesempatan yang terbaik ini, selain daripada apa yang telah saya sebutkan, supaya Kerajaan Negeri memperuntukkan satu minggu, boleh jadi melalui usaha Kerajaan Negeri satu hari dalam satu minggu disebut sebagai Hari Turun Padang. Yang pada hari ini semua pejabat-pejabat dikosongkan, dengan makna, semuanya pakat turun padang dan pada hari itu SUK boleh pantau mana-mana yang boleh jadi yang sepatutnya dia kena turun padang, dia kena turun padang. Turun padang bukan bererti mereka merayau-rayau tetapi ada kerja dan ada tugas. Boleh jadi pada hari Khamis, boleh jadi pada hari Isnin dan sebagainya. Saya merujuk kepada strategi yang kedua dalam pembentangan belanjawan, iaitu lah menyemai, menjamin perlindungan dan mensejahterakan rakyat. Dalam strategi ini antara yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat dalam pembentangannya ialah kebimbangannya terhadap kemungkinannya usaha-usaha mensabotaj air di Negeri Selangor ini. Selain daripada kita menyokong usaha-usaha yang telah dilakukan Kerajaan Negeri sama ada melalui pihak undang-undang ataupun apa sahaja usaha untuk kita mengenal pasti siapakah di kalangan mereka melakukan sabotaj ini tetapi saya juga nak mencadangkan juga kepada negeri kerana ini sebahagian daripada usaha untuk memecah-belahkan usaha-usaha untuk meliarkan rakyat daripada kesatuan yang utuh apatah lagi usaha-usaha ini sebahagian daripada fitnah-fitnah lain yang akan datang kepada Kerajaan Negeri makalah sebab itulah boleh jadi boleh di cadangkan kerana kita di Negeri Selangor mempunyai Alhamdulillah kemakmuran masjid yang melimpah terutama sekali dengan kehadiran ahli-ahli jemaah dan ini kita boleh gunakan dan kita boleh masukkan sebahagian doa di dalam Khutbah Jumaat kita supaya kita mohon kepada Allah SWT agar usaha-usaha mereka yang dengki, mereka yang berkeinginan untuk memecahbelahkan dan memfitnah Kerajaan Negeri ini supaya mereka dibalas dengan mereka supaya mereka dibinasakan oleh Allah SWT ataupun dengan ayat yang terbaik yang kita susun. Saya percaya kalau ini kita boleh lakukan dengan sebahagiannya maka itu sebahagian daripada apa yang saya sebut kita mengembalikan apa yang disebut mengembalikan urusan kepada Allah SWT. Kemudian yang kedua dalam strategi ini

juga menyebut tentang Perkhidmatan Bas Percuma. Saya bersyukur kepada Allah SWT di atas pengumuman yang telah dibuat terhadap Bas Percuma yang ada pertambahan sehingga kepada 20 Juta untuk Belanjawan Tahun 2017. Cuma boleh jadi apa yang kita perlukan ialah di hujung daripada ataupun pada jawapan EXCO dapat menyebutkan tentang satu keputusan supaya jajaran ini terutama sekali boleh jadi telah ada dalam keputusan EXCO dan sebagainya cuma kalau belum ada ataupun kalau ataupun sebagai satu cadangan ataupun telah ada iaitu lah jajaran yang sebagai mana disebut oleh Yang Amat Berhormat untuk menghubungkan bas ini ke kawasan-kawasan pendalaman sebab sebelum daripada ini kita telah menyebut dan saya telah menyatakan kepada Yang Amat Berhormat tentang keinginan kita untuk melihat bas itu sampai ke Tanjung Medan di Sabak Bernam, Yang Amat Berhormat telah melawat satu keluarga yang *accident* yang hilang kedua belah kakinya kerana *accident* untuk ke perjalanan jauh ke sekolah dan terutama pada waktu-waktu yang puncak pada waktu pagi yang pelajar-pelajar akan ke sekolah dan pada tengahari ataupun dalam jam 2 yang pelajar-pelajar ini akan balik dari sekolah dan ke duanya ia akan menghubungkan terus ke Parit Baru di sana menempatkan tiga empat sekolah selain daripada Politeknik selain daripada begitu juga Perakaunan, Jabatan Perakaunan semua ada sana dan ini adalah berita yang sangat gembira terutama sekali kepada penduduk di luar bandar terutama sekali kepada rakyat Sabak Bernam yang selama ini menginginkan supaya bas ini sampai ke tempat sampai ke tempat mereka. Kemudian yang ketiga ialah pengumuman Pasa Rakyat. Dalam empat PBT yang telah disebutkan tidak memasukkan Sabak Bernam untuk cuma boleh jadi ia bukan satu berita satu tindakan yang baik tetapi boleh jadi peruntukan sebagaimana yang di maklumkan kepada kita peruntukan bukan datang dari negeri tetapi PBT tersebut kena menyediakan peruntukan sendiri untuk membangunkan pasar-pasar rakyat ini. Jadi bagi saya terutama sekali melihat di Sabak Bernam terutama sekali kita mempunyai Usahawan-usahawan Tani, kita mempunyai di kalangan masyarakat yang *core business* nya adalah pertanian dan pasaran terhadap hasil pertanian ini adalah satu yang sangat penting sebab itu kita mohon supaya boleh jadi kekangan kewangan yang ada kepada PBT di Sabak Bernam menyebabkan boleh jadi tidak ada keupayaan oleh sebab itu ini kita minta supaya Kerajaan Negeri membantu Sabak Bernam bagaimana untuk membangunkan Pasar Rakyat supaya Sabak Bernam juga tidak ketinggalan dalam merencanakan persaingan ekonomi terutamanya hasil-hasil pertanian ini. Kemudian perkara yang seterusnya yang saya akan bangkit ialah tentang mengilap kemakmuran desa dalam strategi yang termasuk dalam strategi yang kedua sebanyak lebih kurang 5.3 juta telah pun diperuntukkan untuk latihan niaga tani cuma saya melihat saya telah mencadangkan saya telah menyebut pada EXCO bahawa sebelum daripada ini ada satu Bangunan Sabak Bernam yang bangunan ILDAS milik ILDAS, Institut Latihan Jabatan Alam Sekitar yang sampai hari ini tidak digunakan kerana apron jatuh tetapi struktur bangunan dalam keadaan yang kukuh. Kita telah mintak dua tiga cadangan sebelum daripada ini tapi belum ada keputusan. Kalaulah sekiranya belum ada kita mencadangkan supaya dijadikan tempat ini sebagai latihan untuk belia-belia tani sebab kita sedang memasuki satu fasa yang mana petani-

petani yang ada yang memiliki pertanian asalnya sudah dalam keadaan yang mereka tua dan generasi yang kedua sekarang ini dalam keadaan serba tidak ada pengalaman sama ada mereka nak mengurus sawah mereka hanya berbekalkan maklumat-maklumat daripada orang-orang yang sebelum ini berbekal pengalaman-pengalaman orang sebelum ini tetapi tidak mempunyai satu kepakaran untuk melihat secara dekat latihan, latihan secara dekat membimbing mereka bagaimana untuk keluar memanfaatkan tanah mereka memanfaatkan hasil mereka oleh sebab itu, ini penting saya rasa untuk dilihat dan satu lagi *wallalhuallam* saya pun setakat ini tidak mendengar lagi kita ada *One Stop centre* terhadap pertanian yang menyatukan pertanian, veterinar, perikanan, nelayan, penternakan yang disatukan di satu tempat untuk supaya menjadi tempat penghubung antara mereka dengan masyarakat yang mudah untuk didatangi oleh masyarakat supaya dia tidak pergi ke banyak sangat. Jadi ini usaha yang saya fikir boleh dilakukan untuk memudahkan petani dan kalau ianya satu yang sangat menarik bagi pihak Kerajaan Negeri maka saya kira Sabak Bernam antara tempat yang paling baik untuk dilaksanakan. Seterusnya saya pergi kepada strategi yang seterusnya membikai muafakat. Saya sangat teruja terhadap pengumuman Yang Amat Berhormat tentang satu Program *Unity interfaces*, program yang menggabungkan dialog di antara agama-agama di Negeri Selangor khususnya. Sebelum daripada ini saya pernah menyebut terhadap usaha yang perlu kita buat terhadap *interfaces* dialog ini supaya *beyond* kepada masalah-masalah yang akan berlaku kerana kita menjadi negeri yang rencam negeri yang menjadi pusat tumpuan masyarakat ada 5.8 juta penduduk Negeri Selangor yang dihuni pelbagai bangsa, pelbagai agama yang sudah tentulah kalau kita tidak *beyond* kepada masalah ini kita akan menghadapi masalah-masalah yang mendatang. Maka ini sangat penting supaya untuk mengelakkan sebarang bentuk salah faham terhadap agama-agama dan waktu yang sama kita bersedia masing-masing untuk mendukung semangat melalui Perlembagaan Persekutuan. Perkara yang ketiga bahawa Islam adalah sebagai agama rasmi persekutuan dan agama-agama lain bebas untuk diamalkan dalam negara kita dengan makna bahawa agama-agama lain itu ialah masing-masing tentunya merujuk kepada kitab suci masing-masing. Masing-masing merujuk kepada *reference* kepada kitab masing-masing. Sudah tentu bagi seorang Islam yang mereka yang dinamakan seorang muslim kehidupan mereka yang bebas ialah apabila mereka boleh mengamalkan Al-Quran dalam kehidupan, kalau bagi Orang Budha tidak silap saya lah dia boleh berpegang kepada Tripitaka, kalau orang Kristian boleh kepada Bible, kalau Hindu boleh berpegang kepada Kitab Bhagavad Gita dan orang lain mereka beragama Tao mereka akan berpegang kepada Agama Tao Te Ching dan agama lain ada rujukan mereka masing-masing. Sebab itu kita tidak boleh diganggu dalam lingkungan amalan agama mereka sebagai mana juga orang yang mengamalkan Islam tidak boleh diganggu dalam soal pengamalan agama mereka sedang saya percaya bahawa tiap agama ada peradaban nilai masing-masing. Islam tidak pernah mengajar penganutnya supaya menghina sembah orang lain. Islam tidak pernah mengajar penganutnya untuk mencaci agama-agama lain apatah lagi menceroboh agama-agama orang lain, menceroboh kepada tempat-tempat mereka dan sebagainya.

Oleh sebab itu yang kita perlu satu pemurnian supaya kita dapat hidup dalam keadaan yang bersatu dan waktu yang sama saya tengok.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sabak boleh rumuskan tak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Tadi saya dah *prepare* untuk setengah jam Tuan Speaker sebab Tuan Timbalan Speaker kata sebelum ini kata setengah jam. Sebab itu sikit lagi, sikit lagi Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Tiga minit lagi ya Yang Berhormat Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Tiga campur tiga lagi. Sebab itu dalam bukan sekadar itu, bahkan kebimbangan kita di Negeri Selangor ini ialah Negeri Selangor sekarang ini menjadi tempat tumpuan fahaman-fahaman dalam Islam sendiri yang rencam termasuk menjadi tempat tumpuan fahaman-fahaman yang sesat fahaman-fahaman yang terkeluar daripada fahaman tidak Ahli Sunah Waljamaah yang ini menjadi kebimbangan. Oleh sebab itu, apa yang penting terhadap program ini bukan sekadar ia menjadi dialog tetapi kemungkinannya kita boleh menginstitusikannya supaya ianya juga menjadi kepada satu pemurnian akidah sebab nak memperbetulkan tentang salah faham sebab saya percaya bahawa mereka-mereka yang terjebak atau mereka-mereka yang minat terhadap fahaman-fahaman yang lain ini mereka serba kejahilan dan tidak ada ilmu mereka tidak ada asas agama yang kukuh bukan sekadar kita menyebut tentang soal fahaman Syiah tetapi juga kepada pelbagai bentuk tarekat-tarekat yang datang dan Negeri Selangor dan Negeri Selangor yang menjadi pusat dan tumpuannya. Boleh jadi bukan sekadar pelaburan yang sangat menarik dan tempatnya yang eksklusif dan selesa untuk menjadi tumpuan mereka. Oleh yang sebab itu, di sini yang boleh jadi kita mengambil semangat Nabi Musa A.S yang diperintahkan Allah SWT untuk berjumpa Firaun tetapi berjumpa dalam keadaan yang serba dalam keadaan serba sopan, dalam keadaan yang Allah kata (Bahasa Arab) berkatalah kepada Firaun dengan perkataan yang santun bahasa. Maka ini yang disebut dalam apa yang dinamakan Takrib, maknanya menghampirkan kepada Firaun sedang Nabi Musa boleh hampir kepada Firaun ini kita program yang kita kena hampirkan kepada penganut-penganut fahaman tarekat yang tidak betul ataupun kepada fahaman-fahaman lain termasuk kepada Syiah sebab kita tidak boleh biarkan tetapi kita datang kepada mereka menyantuni dalam keadaan membawa hujah yang benar kepada mereka kerana kita berkeyakinan atas pegangan akidah yang benar kita boleh berhujah dengan mereka tetapi kita membawa kepada satu *message* hujah yang benar dan saya percaya bila kita menginstitusikan dia boleh menjadi sekurang-kurangnya juga tempat latihan waktu yang sama ialah membantu supaya pemurnian terhadap hidup beragama yang rencam dalam Negeri Selangor ini. Maksud saya takrib tadi tidak supaya tidak disalah faham dalam konteks agama dipanggil sebagai kita boleh (bahasa arab) kita boleh berpisah dari sudut akidah ataupun fahaman tapi kita tidak boleh (Bahasa arab) kita tidak boleh memisahkan diri mereka dari sudut

jasad. Kita hendaklah dekat dengan mereka dan memberikan hujah yang benar kepada mereka kemudian Tuan Speaker sikit lagi tentang memacu industri sukan pelancongan sebagai strategi yang akhir kalam yang akhir daripada saya, saya boleh jadi tidak jemulah untuk menyebut tentang pembangunan di Stadium di Sabak ini Yang Amat Berhormat walaupun saya menyatakan sebelum ini. Pada 2 sidang yang lepas saya dimaklumkan bahawa, kita dimaklumkan bahawa telah lulus peruntukan RM1.2 juta untuk Stadium Sabak tetapi yang turun ke Stadium Sabak dia RM1 juta lebih kurang ke Stadium Sungai Besar yang RM2 juta tetapi tempat itu sebagaimana yang saya sebutlah dengan keadaan yang persekitaran walaupun tempatnya luas bahkan boleh jadi lebih luas dari Stadium Sungai Besar tapi dalam keadaan semak samun yang saya sebut dulu, boleh jadi bahasanya tak berapa bagus jugalah, boleh jadi nak jadi tempat zoo ataupun ternak binatang buas banyak di situ. Tapi ketika meluluskan itu, saya dah membayangkan dan saya dah terapung di atas kolam renang dah saya rasa. Ketika meluluskan itu, saya dah membayangkan saya akan pegang bola boling sekurang-kurangnya. Itu kehendak kita sebab saya hendak supaya kita hendak supaya masyarakat anak muda di Sabak Bernam tidak ketinggalan. Saya dah sebut banyak kali, mereka nak main *bowling* mereka pergi Setiawan, mereka nak main *bowling* mereka pergi ke Kuala Selangor. Terlalu jauh, Sekinchan pun tak ada.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak ada, tak ada.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Tapi elok buat di Sabak, jangan di Sekinchan dulu. Buat di Sabak dulu. Begitu juga tentang pelancongan. Kita usaha murni Kerajaan Negeri untuk mencantikkan Sungai Klang itu satu yang sangat baiklah, *Alhamdulillah*. Tapi, Sungai Sabak ni sebenarnya lebih mempunyai nilai-nilai pelancongan yang tersendiri. Jadi, saya dah sebut dua tiga kali supaya turun tengok Sungai Sabak itu apa yang kita boleh buat. Banyak cadangan-cadangan boleh dibuat dan kalau mengikut kajian ya, kelip-kelip di situ jauh lebih banyak daripada yang ada di Kuala Selangor tetapi dia terabai dan banyak pandangan-pandangan dibuat tapi saya harap EXCO Pelancongan boleh tolonglah Sabak ni sebab Sabak ni dari sudut kuasa membeli jauh lebih ke bawah berbanding dengan pekan Sungai Besar. Pekan Sg. Besar dulu dia membangun ketika saya menjadi ADN Sungai Besar boleh jadi ketika itu saya ADN terakhirlah sebelum persempadanan baru dibuat boleh jadi BN nak ambil balik itu, dia bangunan Sungai Besar tapi nampak gaya Sabak agak tertinggal jauh ke belakang. Pukul 6 dia dah sunyi dah petang dah. Dah tak ada apa, jadi kita nak supaya jangan tertinggal jauh sangatlah dengan Sungai Besar, dengan Sekinchan supaya kita dapat membangunkan, Kerajaan Negeri membantu untuk membangunkan pekan Sabak ini dan itulah kalam saya yang akhir terima kasih kepada Tuan Speaker, dan saya mohon, saya menyokong kertas belanjawan. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.A.B. TAN SRI DATO' ABD KHALID BIN IBRAHIM : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih Puan Speaker. Saya merasakan bahawa usaha kita ketika bermula pada tahun 2008, menentukan terdapatnya ketelusan dalam kerja kita dan tanggungjawab kita. Kita bertanggungjawab dengan mempunyai keupayaan, dan keupayaan kita yang kita landaskan itu mula menunjukkan hasilnya bagaimana kita boleh mentadbir dengan cermat.

Kedua, saya juga mengingatkan Puan Speaker bahawa kitalah negeri yang pertama yang meluluskan dasar kebebasan maklumat (*freedom of information*), dan diterima. Dalam risalah Commonwealth pun ada artikel tentang perkara tersebut. Landasan ini memberi kita pegangan supaya kita dapat menjalankan pengurusan dengan bertatasusila yang tertib, dan *Corporate Governance* yang diterima. Oleh itu, dalam belanjawan ini, saya memikirkan tentang nilai tambahan yang saya boleh berikan supaya analisis kita dapat dipertingkatkan.

Saya dapati hasil berkembang dengan banyak. Ia suatu petanda yang sangat baik tetapi antara kumpulan hasil yang saya dapati meningkat dan perlu mendapat perhatian adalah hasil premium tanah. Hasil premium tanah merupakan 52% daripada RM2.25 bilion yang kita dapati iaitu 1 daripada RM1.38 bilion. Namun, perkara yang jelas, menurut kajian saya adalah terdapatnya dua (2) projek yang besar yang memberi sumbangan kepada angka tersebut. Pertama, Sungai Buloh Township. Ia besar, termasuk pemilik saham EPF dan sebagainya. Kedua, *City of Elmina* iaitu daripada kumpulan Sime Darby. Saya masih teringat projek kedua ini adalah melalui *Guthrie Corridor*, yang bermakna ia adalah kumpulan yang dikatakan telah memberi sumbangan melebihi RM800 juta dalam kumpulan RM1.38 bilion itu.

Perkara yang hendak saya tunjukkan, bahawa kalau keadaan ini menjadi angka yang kita terima itu boleh jadi luar biasa (*extraordinary*) maka kita mesti bersiap siaga. Sebabnya, saya juga membuat analisis tentang kenyataan bahawa dalam masa hingga akhir Jun 2016, Selangor mencatat RM3.04 bilion di tangga kedua, selepas Johor di tangga pertama, dengan perolehan RM5.4 bilion, manakala di tangga ketiga Pulau Pinang, sebanyak RM2.66 bilion. Tetapi apabila saya kaji, disebabkan MIDA meletakkan perbandingan, pada Jun 2015, kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat ada masa melihat perbandingan tersebut, pada bulan Jun 2015, Johor juga di tangga atas dengan mendapat pelaburan domestik dan luar negara sebanyak RM31.1 bilion. Bulan Jun 2015, RM1.1 bilion dan pada Jun 2016, RM5.4 bilion. Jadi, penurunan ini yang ketara sangat. Di Selangor, pada masa yang sama kita menghasilkan RM7.9 bilion tetapi pada Jun 2016 kita mendapat RM3.04 bilion. Hal yang serupa berlaku kepada Pulau Pinang, iaitu RM6.7 bilion, dan pada 2015 Pulau Pinang turun ke tangga ketiga, sebanyak RM2.63 bilion. Jadi, trend ini sangat penting untuk kita kajikan dengan melihat keadaan pelaburan bukan untuk di Malaysia, di negeri-negeri, tetapi di peringkat antarabangsa juga.

Dengan pandangan ini, kita akan melihatkan sama ada wujud ekonomi yang membanggakan (*buoyant economy*) ataupun ekonomi yang membimbangkan (*vigorous economy*). Salah satu daripada perkara yang juga saya dapati adalah analisis- analisis hartanah di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Dapatan saya menunjukkan bahawa walaupun hartanah dari segi rumah mampu milik dan rumah kos rendah permintaannya sangat tinggi tetapi permintaan untuk rumah-rumah yang mewah melebihi RM500,000 dan ke atas bermula dengan keadaan lembap. Dan kajian saya juga menunjukkan terdapatnya keadaan yang disebut *secondary market*, iaitu maknanya orang sudah beli selepas itu dia (hendak) jual.

Sekarang, untuk menarik pembeli, mereka (ataupun agen-agen perumahan) terpaksa menurunkan harga sebanyak 25% sebab untuk menarik minat pembeli. Oleh itu, wujud keadaan atau trend yang tidak sihat dalam pasaran hartanah. Tujuan saya memberi gambaran ini kerana boleh jadi syarikat-syarikat mula melambatkan pembangunan mereka. Sebab kalau bayar premium, mereka sudah dibayar, maka mereka mesti menyegerakan pembangunan tersebut. Oleh sebab itu, saya berharap kita perlu berjaga-jaga dalam keadaan ini. Sebab saya lihat, itu satu trend yang berlaku dan Negeri Selangor pula mempunyai pertumbuhan yang lebih tinggi. Oleh itu kalau di Negeri Selangor berkeadaan begini sudah tentulah masalah yang besar bakal berlaku.

Sehubungan ini, trend yang saya dapati cepat berubah adalah pertumbuhan hartanah di negeri Johor. Ia suatu trend. Justeru, saya takut, saya khuatir boleh jadi kutipan kita, hasil kita tidak sampai ke peringkat yang kita jangkakan. Akibatnya, kelak kita mungkin terpaksa menggunakan simpanan (*reserve*) kita. Namun, saya tidak mengatakan ia pasti berlaku atau tidak berlaku. Yang jelas, kita mesti berusaha untuk mengekang kekhawatiran seumpama daripada menjadi kenyataan.

Kedua, saya juga melihat, iaitu setelah saya didatangi oleh rakan-rakan yang pernah bekerja bersama-sama kita dalam usaha menentukan penyusunan semula industri air ini dilaksanakan. Antara mereka itu, saya, rakan-rakan yang bersama Charles Santiago, Yang Berhormat dari Klang, Syed Shahir daripada *Kumpulan Malaysian Trade Union*, semua itu menyatakan 'Eh! satu keadaan yang terlalu cepat berlaku' Terlalu cepat, mereka ini adalah kumpulan *Coalition 'against water privatisation'*.

Saya diingatkan, ada satu artikel yang ditulis pada 30 Januari 2009 di bawah seliaan P.Y. Wong, bertajuk "*Syabas Breaches Contract*", Maria J. Dass, penulisnya, antara lain menyatakan: *At that time, Syarikat Bekalan Air fail to comply fully in the requirement of contract to be awarded an open tender basis* (Pada masa itu. Syarikat Bekalan Air didapati gagal memenuhi keperluan untuk diberikan kontrak secara tender terbuka). Maka, *more than 70% of the contract worth total RM600 million were accorded to selected companies only 25% via competitive open tender* (lebih 70% daripada kontrak bernilai RM600 juta yang diberikan kepada syarikat-syarikat terpilih hanya 25% yang bersaing melalui tender terbuka). Itu yang kita hendak

lakukan. Itu yang kita perjuangkan. Oleh sebab itu, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menunjukkan bahawa pelaburan ataupun *investment* yang kita buat RM800 juta dia cakap tidak sampai satu tahun mengambil alih. Kita sudah buat satu pelaburan yang sangat besar.

Oleh sebab itu, saya cadangkan, walaupun ia merupakan keputusan pengurusan tetapi adalah tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Negeri untuk melakukan pengawasannya. Inilah tujuannya iaitu kita perlu melakukan pengawasannya. Saya dapati tulisan yang dihasilkan oleh Yang Berhormat dari Hulu Kelang dan Damansara Utama mengenai isu air itu kurang menyeluruh untuk dapat menilai apa yang disebut *value for money* atau pun dalam bahasa Melayunya “berbaloi dengan harganya”, bagaimanapun saya tidak selalu gunakan perkataan ini, “berbaloi dengan harganya”.

Saya fikir oleh sebab kita mempunyai *corporate governance* yang sangat tinggi, kita mesti tubuhkan jawatankuasa Dewan ini untuk menilai projek itu dari tiga faktor utama. Saya tidak sangsi bahawa ia akan lulus daripada standard yang kita buat, Namun, ia mesti dilakukan supaya kita dapat menilainya dari tiga faktor, iaitu faktor ekonomi, faktor efisien dan faktor efektif. Untuk rekod saya, faktor ekonomi adalah perbelanjaan kita, katalah RM 600,000,000 – RM800,000,000 itu dianggap perbelanjaan yang berpada-pada. Maksudnya langkah-langkah berbelanja secara ekonomi, berjimat atau berhemat dapat mengukuhkan kos yang dibelanjakan berbanding dengan nilai pengeluaran. Kita boleh buat analisis tersebut, dan sudah tentu Hulu Kelang lagi berpengalaman. Begitu juga Damansara ada pengalaman analisis tersebut.

Seterusnya, harga yang dibayar bagi barangan dan perkhidmatan yang diperlukan dengan implikasikan *standard* sesuatu ekonomi biasanya seperti yang dinyatakan oleh *Transparency International* dapat mengurangkan kejadian salah guna kuasa dan rasuah.

Kedua, saya bercakap tentang efisien, yakni perbelanjaan berhemah. Efisien memperlihatkan hubungan yang positif antara barangan dan perkhidmatan menerusi perancangan atau aktiviti berserta sumber-sumber yang digunakan untuk mengeluarkan sesuatu. Jadi, kita menilainya dari segi itu.

Efektifnya atau keberkesanannya merupakan keinginan untuk menjayakan rancangan yang sudah ditetapkan, objektif atau hasil sesuatu barangan dan perkhidmatan ini mungkin dapat dihasilkan dengan berhemat dan secara efisien. Tetapi sekiranya sesuatu itu tidak mencapai objektifnya yang diharapkan, maka sumber yang telah digunakan untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan itu adalah dianggap suatu pembaziran. Oleh sebab itu, ia adalah satu cabaran pada Puan Speaker kerana *this is the task of our assembly*.

Saya juga sudah buat kenyataan di Parlimen Malaysia, mencabar Speaker di Parlimen supaya menubuhkan satu jawatankuasa *value for money*. Sebab, dengan cara itu kita dapat menunjukkan bahawa Negeri Selangor akan dapat melaksanakannya dengan cemerlang kerana kita mempunyai asas yang betul.

Satu perkara lagi saya bangkitkan setelah saya gagal mendapatkan maklumat yang betul. Saya telah membuat pertanyaan bertulis kepada Dewan, iaitu mengenai penstrukturan semula industri air Selangor. Saya bertanyakan sekiranya EXCO Selangor telah bersetuju menaikkan nilai pampasan ekuiti pengambilan syarikat pengeluaran Air Selangor (SPLASH) daripada RM250.6 juta kepada RM2.7 bilion. Perincian justifikasi keputusan tersebut mengambil kira punca dana dan pelan membiayai transaksi tersebut. Saya diberitahu Pejabat Speaker menolak kerana ia merupakan andaian. Saya terima sebab saya tidak ada maklumat jadi saya kena buat andaian. Tujuan saya bahawa rakyat Selangor bersetuju untuk penyusunan semula industri air Selangor. Saya tahu ramai daripada rakan-rakan kita termasuk Selat Kelang berbuih-buih mulut menerangkan kepada rakyat bahawa ini satu usaha yang sangat betul dan semuanya dilakukan bagi kepentingan kempen pilihan raya yang Ke-13 berkaitan dengan penyusunan semula air.

Oleh sebab itu, kita mesti mempunyai tanggungjawab untuk menjawab soalan ini, kalau tidak ada, tidak adalah. Kalau ada kita di dewan ini, rakyat Selangor juga mesti tahu. Sebab ini adalah satu keputusan yang kita buat bersama dalam usaha untuk membawa satu pembaharuan. Saya percaya negeri lain tidak mempunyai masalah sebesar Selangor walaupun saya tahu satu perkara bahawa masalah kekurangan air ini kalau kita dapat selesaikan secara teknikal sudah tentu saya hanya mencadangkan kalau susah sangat kita memberi hadiah kepada sesiapa yang memberitahu kita siapa yang melakukan perkara tersebut. Sebab kalau hadiah hanya RM20,000.00 sedangkan kita membahagikan air kepada penduduk, ia bermakna melebihi ratusan ribu. Oleh sebab itu, kita kena cari jawapan yang tepat.

Puan Speaker, saya mesti patuh kepada masa, tetapi saya hanya kemukakan 3 perkara. Saya hendak mengingatkan, supaya kita teruskan usaha ke arah ketelusan, kebertanggungjawaban dan keupayaan. Kedua, kita sensitif tentang *collection* atau pungutan cukai premium kerana kita dapati keadaan ekonomi yang lembap.

Ketiga, kita mesti selesaikan masalah penyusunan air ini sebab janji kita kepada rakyat Selangor sangat besar. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker, *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya ingin mengambil bahagian dengan memulakan ucapan tahniah dan terima kasih saya kepada Dato' Menteri Besar Selangor yang telah menunjukkan iltizam dan komitmen yang padu untuk memastikan bahawa bajet

belanjawan kita bagi tahun hadapan sebagaimana yang ada pada tahun ini merupakan penerusan kepada khidmat kita, penghargaan kita kepada rakyat dan menyatakan kita menyantuni hak rakyat dan memastikan semua golongan mendapat hak mereka masing-masing dan bajet juga menyatakan kesungguhan Dato' Menteri Besar dan kerajaan untuk memastikan program-program yang telah terbukti tiada kebocoran, tiada ketirisan bahkan *value for money* dengan izin dapat dilaksanakan sebaik dan sepenuhnya dan saya juga amat berbesar hati dan bergembira sangat apabila apa yang telah saya nyatakan iaitu *synergy* dengan izin di antara rizab negeri, hasil negeri dalam perbelanjaan telah disatukan dengan apa yang boleh kita rangkakan sebagai mengutamakan kepentingan *stakeholder* ataupun rakyat yang membayar cukai di peringkat PBT. Nyata saya nyatakan dulu bahawa sekiranya bajet kita RM2 bilion di peringkat negeri dan di peringkat PBT mungkin RM1.5 bilion dan jumlahnya bukan RM3.5 milion tetapi billion tetapi lebih daripada itu dan saya rasa bersyukur kerana hasil daripada perancangan itu, gabungan di antara badan korporat, PBN (Pihak Berkuasa Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan telah membolehkan satu rancangan bersepadu besar membina satu dewan serbaguna yang sangat besar yang akan menampung lebih daripada 1,000 orang akan dibina di Taman Melawati di Gombak di Hulu Kelang dan selepas ini saya akan menyatakan 12 *point* saya akan berhenti di mana masa berada di 15 minit ya kerana saya dijangkakan diberikan masa 30 minit tetapi pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memastikan bahawa akar umbi sokongan rakyat, penat jerih rakyat berlaku dan dihargai dengan sepenuhnya apabila Kampung Kemensah berjaya dinobatkan sebagai kampung tradisi kedua terbaik di seluruh Selangor dan ini merupakan satu usaha kejayaan dan metodologi saya dalam menyatakan fakta-fakta ini adalah dengan menyatakan kenyataan-kenyataan yang telah dijadikan jawapan kepada soalan-soalan yang telah saya kemukakan sepanjang tahun 2016 kepada dewan. Pertamanya tahniah kerana persoalan bekalan elektrik bagi orang asli akhirnya menemui kesudahannya apabila dengan tidak jemu-jemu EXCO yang berkenaan dan kerajaan mengadakan rundingan perbincangan, perjumpaan dan akhirnya membolehkan bahawa seperti yang dinyatakan perkara ini telah dianggap selesai apabila pihak Kementerian Luar Bandar dan Wilayah telah bersetuju untuk membuat bayaran ganti rugi kepada pihak TNB dan pihak TNB memperakukan sebagai pemegang permit penggunaan tersebut. Jadi maknanya kita berharap kesudahan akan berakhirlah dikalangan orang asli tentang hak asasi mereka terhadap penggunaan elektrik dan saya juga mengucapkan tahniah satu persoalan yang awal ditimbulkan oleh sidang dewan dalam sidang dewan iaitu Pusat Latihan UMNO di puncak bukit sana di Kampung Kemensah yang dibina tanpa permit yang sah dan akhirnya telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri dan dengan pembinaan semula, pemulihan semula bernilai hamper RM2.9 juta di bawah pengurusan JKR dan MPAJ akan membawa kebaikan kepada masyarakat seluruhnya dan satu lagi yang diusahakan seawal 2008 tentang ATV (*All-terrain Vehicle*) satu sukan lasak yang amat digemari dan bahkan telah menonjolkan nama Kampung Kemensah telah akhirnya sah apabila Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengeluarkan permit penggunaan daripada salah

satu pengusaha yang ada. Ini merupakan satu kejayaan yang bukan hanya menjadikan Selangor sebagai sebuah pusat destinasi yang dikenali di Malaysia tetapi sebagai pusat sukan lasak ATV yang dikenali dan didatangi oleh pengunjung-pengunjung dari seluruh dunia. Jadi dengan itu, saya ingin membuat satu permintaan kepada Dato' Menteri Besar di mana saya baru-baru ini membuat permohonan bersama-sama dengan rakan JKKK Kampung Kemensah dan juga dengan Penghulu di Hulu Kelang memohon pembinaan 10 ke 20 unit rumah untuk diniagakan berdasarkan konsep *ABCD (Asset Based Community Development)* di setempat dan saya ingin menarik balik permohonan saya tetapi saya ingin menawarkan agar Kampung Kemensah menjadi kawasan bebas setinggan dengan menawarkan pembinaan 1,000 unit rumah berharga RM150,000.00 setiap satu dengan membawa seorang pelabur yang amat prihatin kepada nasib orang setinggan di Hulu Kelang. Jadi sekiranya Dato' Menteri Besar dan EXCO Perumahan bersetuju saya bersedia untuk mengadakan pertemuan dan perbincangan di mana mereka telah cukup komited untuk memastikan bahawa setinggan tidak lagi layak menjadi suatu tempat bagi rakyat Hulu Kelang dan Malaysia dan keduanya saya ingin menimbulkan persoalan tentang wanita. EXCO Wanita, program-program wanita (PWB) cukup rancak berjalan tetapi satu persoalan yang penting saya tanya di dalam dewan dan kepada urus setia adalah berapa bilangan penduduk perceraian yang berlaku sejak tahun 2010 hingga 2015. Jawapannya adalah berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah (JAKES) sebanyak 59,103 kes permohonan perceraian yang telah didaftarkan sejak tahun 2010 hingga tahun 2015, daripada jumlah tersebut sebanyak 57,857 telah berjaya diselesaikan dan diputuskan oleh Mahkamah Syariah Negeri Selangor manakala jumlah perceraian yang masih di peringkat perbicaraan ataupun yang sedang menunggu keputusan adalah sebanyak 1,246 kes. Ini adalah satu angka yang besar dan ada angka-angka yang lebih besar sekiranya kita menyebut bermula daripada tahun 2008. Ada kes perceraian yang telah diselesaikan di mahkamah, keputusan telah dibuat oleh hakim tetapi wanita masih menderita dan terus menderita. Ramai wanita di Hulu Klang yang dinafikan haknya walaupun telah melalui perceraian di mahkamah oleh kerana sikap yang tidak bertanggungjawab bekas suami masing-masing. Jadi saya menyeru satu usaha yang lebih fokus dilakukan untuk menamatkan dan menghentikan penderitaan oleh wanita yang telah diceraikan oleh suami dengan sebab-sebab yang cukup menakutkan sekiranya saya baca jawapan cukup menggerunkan perkara ini berlaku di Selangor. Dengan itu saya menyeru pihak Jabatan Agama meningkatkan kesedaran Islam, pendidikan Islam di kalangan suami dan isteri-isteri walaupun syaratnya telah ditetapkan sebelum perkahwinan tetapi perlu dipertingkatkan lagi. Lantaran itu saya bertanya tentang bilangan ibu tunggal. Saya tidak bertanya ibu tunggal yang usia 60 tahun ke atas, 70 tahun ke atas, saya bertanya yang 50 tahun ke atas kerana mereka ini adalah produktif dari segi ekonomi jadi persoalan saya telah di jawab bahawa bilangan ibu tunggal di Selangor jumlah yang berdaftar adalah sebanyak 16,630 orang. Jadi jumlah keseluruhan tersebut 9,722 adalah ibu tunggal yang dalam lingkungan 50 tahun ke bawah. Dan apabila kita nyatakan bilangan ini maka Melayu 6,257, Cina 1868, India

757 dan lain-lain 840, jumlah 9,722 dan kalau saya tanya bilangan ibu tunggal berusia 50 tahun ke atas berdaftar melalui sistem ini berada di bawah garis kemiskinan bilangannya 9,707. Maknanya hampir seratus peratus ibu tunggal, hampir seratus peratus ibu tunggal yang berusia 50 tahun ke atas berada dalam kadar kemiskinan yang serius. Ini merupakan satu perkara yang perlu diperhatikan dan *consulation* perkara ini saya harap satu program yang lebih agresif, yang lebih mantap, yang lebih kental akan dapat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Ketiganya tentang rekod, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang mempunyai rekod yang baik dengan bantuan kementerian di peringkat Persekutuan tentang jalan-jalan berdasarkan peruntukan MARRIS. Kita mempunyai rekod yang kemas tentang MARRIS, jalan-jalan dan sebagainya. Yang keduanya kita mempunyai rekod yang kemas tentang penanaman pokok dan berkaitan dengan rekod pokok-pokok tetapi apabila saya bertanya tentang rekod, longkang dan program pulih baik longkang di kawasan-kawasan perumahan maka jawapannya kebanyakan PBT tidak mempunyai rekod keadaan longkang di kawasan. Jadi oleh kerana itu saya telah berusaha menulis surat kepada MPAJ pada awal tahun ini untuk meminta MPAJ membuat rangka rancangan untuk membaiki tahap demi tahap longkang-longkang yang kebanyakan di rumah perumahan seperti di Keramat AU2, Permata dan sebahagian tempat di Melawati sudah roboh, sudah menjadi sungai dan menjadi tempat ternakan ikan kecil. Jadi saya berharap prestasi dan kecemerlangan menyimpan rekod MARRIS, jalan-jalan, penanaman pokok dan *landscaping* hendaklah di sejajarkan dengan usaha kita untuk memastikan bahawa longkang-longkang di kawasan perumahan berada di tahap yang terbaik dan saya ingin membawa tentang pembelian flat terbengkalai. Saya ingin menarik perhatian EXCO bahawa penduduk Hulu Klang hari ini berada dalam keadaan teraniaya sebahagian mereka kerana pembelian Flat Sungai Sering yang dinamakan Kondominium Bukit Indah yang merupakan satu pembinaan yang asalnya dari Trime City sebagai pemilik tanah dan Marina sebagai pemaju telah pun gulung dan tanah pun telah dirampas tetapi mereka masih membayar di antara RM300-RM500 sebulan dan ada yang sudah mencecah hampir 7 tahun membayar dan tidak apa-apa yang mereka dapat. Jadi saya ingin menawarkan khidmat kami di Hulu Kelang untuk membantu pihak kerajaan untuk memastikan rakyat ini tidak teraniaya lagi sekali. Dan satu lagi tempat di Kristal Taman Selayang Mutiara 10 tahun terbengkalai ada yang kata siap tahun 2015 tetapi ramai pembelinya adalah rakyat Hulu Klang yang telah membayar tetapi tidak mendapat apa-apa. Jadi dua perkara adalah satu perkara yang saya nak kemukakan. Dan satu lagi perkara yang ingin saya kemukakan adalah tentang pembinaan semula Flat Colombia yang dinamakan flat rumah pangsa, atau flat PKNS di AU2A. Usaha-usaha telah dilakukan dan saya berharap satu-satunya yang menjadi penyudah dan penentu adalah keazaman Dato' Menteri Besar untuk memberi sokongan yang padu kepada usaha yang telah dilaksanakan dijawab tadi oleh EXCO Perumahan iaitu sebuah Syarikat Hyper Jati yang bertemu saya dalam masa perasmian Masjid Bukit Antarabangsa dengan mengatakan YB tidak payah memberitahu MB tapi bagi tahu YB tahulah cukup bahawa saya datang untuk tolong bantu dia, memudahkan kerja dia dengan

menjadikan Keramat Pangsa sebagai satu tempat yang lebih cantik, molek dan indah bagi penduduk di Hulu Klang. Jadi saya berharap apa-apa bentuk kerjasama dari PKNS dan Syarikat Hyper Jati ini hendaklah dilaksanakan dengan berkesan dan saya yakin dengan keazaman keyakinan Dato' Menteri Besar untuk memberi sokongan yang padu kepada usaha ini ia akan dimulakan secepat mungkin. Dan akhirnya .. dah berwarna merah, saya ambil sedikit sahaja 1 minit. Kampung Fajar, Kampung Kemensah, Kampung Taman Warisan Klang Gate adalah tempat yang masih berstatus setinggan. Saya percaya Yang Berhormat EXCO Perumahan telah membuat yang terbaik tetapi saya masih lagi meyakini bahawa apa yang kita kehendaki adalah satu keazaman politik, kesungguhan, komitmen dan keyakinan bahawa kita tidak rasuah, kita tidak mengambil imbuhan, kita tidak mengambil apa-apa *benefit* tapi kita laksanakan Kampung Fajar, Kampung Kemensah, Kampung Taman Warisan Klang Gate sebagai satu usaha untuk memastikan pada era ini rakyat Malaysia tidak lagi berada di kawasan setinggan tetapi berada di kawasan perumahan yang sepatutnya menjadi hak mereka. Sekian Speaker, saya ucapkan terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ada lagi *point* tak Hulu Kelang? Tak ada? Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Sama seperti ucapan Menteri Kewangan beberapa minggu yang lalu, ucapan Dato' Menteri Besar semalam menggunakan masa lebih kurang 2 jam untuk sampaikan, saya menyokong bahawa Belanjawan Selangor pada keseluruhannya jauh lebih ke depan berbanding dengan Belanjawan Persekutuan. Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan Selangor lebih menyeluruh sifat dan mendekati realiti bahkan peruntukan pembangunan sehingga mencecah 52% barangkali pertama dalam sejarah. Tuan Speaker, mengungkap kata-kata dalam drama *this time to fear when time since to kiss*. Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan tidak lama dahulu dengan nada dan intonasi yang berfoya-foya bukan petanda baik. Selain daripada nasi lemak anak dara dan UBER apa lagi yang kita boleh ingat daripada ucapan Menteri Kewangan masa itu dan saya masih ingat pada masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sangat *excited* bila menyebut tentang nasi lemak anak dara. Saya tidak tahu mengapa dia *excited* sangat dengan anak dara itu. Tak apa, semalam para ADN daripada pembangkang bahawa mereka tidak akan keluar dewan kerana menghormati mandat rakyat. Memang tidak ada alasan untuk mereka keluar dewan kerana menghormati kehendak rakyat. Memang tidak ada alasan untuk mereka keluar dewan Tuan Speaker kerana belanjawan ini dibentangkan oleh kerajaan yang menghormati lunas-lunas demokrasi lain pula ceritanya di Dewan Rakyat kerana ia datang dari sebuah kerajaan yang autokrat yang dipimpin oleh *kleptocrat*. Kalau dahulu Tuan Speaker....

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Nak mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Allahyarham Tunku Abdul Rahman dinobatkan sebagai Bapa Kemerdekaan, Allahyarham Tunku Abdul Razak sebagai Bapa Pembangunan.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku, Kampung Tunku Batang Kali minta mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tidak, tidak, maafkan saya masa tidak mengizinkan tapi saya akan cuba nanti kalau ada masa diberikan kepada saya. Allahyarham Tun Hussein Onn sebagai Bapa Perpaduan Malaysia, Tun Dr. Mahathir sebagai Bapa Pemodenan Malaysia, ada mengenal dia sebagai Bapa Wawasan Malaysia. Kemudian Tun Abdullah Badawi sebagai Bapa Pembangunan Modal Insan Malaysia maka sesuai juga kalau sejarawan mengingatkan Dato' Seri Najib Razak sebagai Bapa *Kleptocracy* Malaysia untuk mengingatkan jasa-jasanya membangunkan ekonomi seperti di kawasan British Virgin Island, saya pun tak pasti dan negara-negara Komanwel yang lain kerana membantu mem *pump* kan wang rakyat Malaysia untuk membangun ekonomi negara ini. Tuan Speaker saya bukan berjenaka Kamus Dewan seawal Edisi ke-3 tahun cetakan 1994 sudah memasukkan perkataan Kleptomaniac ke dalamnya. Apakah maksud Kleptomaniac bermaksud tabiat suka mencuri tahun 1994. Tan Sri Musa Hitam dalam bukunya baru sahaja keluar *Frankly Speaking* menulis *currently I see the country is heading in the direction of the fail state scenario*, saya baca muka surat 362. Tuan Speaker ada lagi mantan Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Lee See Yin pernah berkata secara terbuka dalam forum anjuran REHDA 2 bulan yang lalu bahawa masalah rasuah politiklah punca sebenar Ringgit Malaysia susut nilai. Saya mengajak kawan-kawan di dalam dewan yang mulia ini untuk meneliti percakapan tokoh-tokoh ini. Ini bukan cakap saya, ini percakapan tokoh-tokoh pernah memimpin negara kita. Tuan Speaker, sama dengan Sekinchan saya sedih dan kesal atas pemikiran arwah Syukri Saad seorang peniaga kedai runcit berumur 38 tahun daripada Pulau Pinang, dia sebaya dengan saya, saya pun 38 tahun. Dia memilih untuk menamatkan hayatnya kerana tidak dapat menanggung tekanan mental dan ekonomi serta pandangan serong masyarakat terhadap banduan. Dia dihukum bersalah kerana menjual rokok seludup. Tuan Speaker... pernah berkata saya ulangi tapi tadi Yang Berhormat Sekinchan bercakap dalam bahasa Cina, saya bercakap dalam Bahasa Inggeris, ini adalah apa yang berlaku dalam Malaysia dan itulah adalah percakapan lebih 2000 tahun yang lalu.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku jam telah menunjukkan pukul 6.00.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya teruskan esok.

TUAN SPEAKER : Maka saya menangguhkan dewan sehingga esok 2 November jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang)